

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2024

**HARI ISNIN : 15 JULAI 2024**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 111 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID  
(PADANG TERAP)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [ PADANG TERAP ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan semasa untuk membina Santuari Gajah di Hutan Simpan Pedu bagi mengatasi masalah serangan gajah liar di kebun penduduk tempatan yang semakin meningkat kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat berhubung pembinaan santuari gajah di Hutan Simpan Pedu sebagai penyelesaian jangka masa panjang masalah konflik gajah di negeri Kedah.

2. Namun, perkara ini memerlukan sokongan dan persetujuan dasar Kerajaan Negeri selaku pemilik tanah sebelum pembinaan santuari gajah hendak dijalankan. Walau bagaimanapun, Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia telah melaksanakan beberapa tindakan bagi mengatasi masalah konflik gajah di Daerah Padang Terap seperti berikut:

- (i) melaksanakan 53 program pemantauan keliaran gajah, kawalan keselamatan dan juga operasi tembak halau bagi tahun 2023 dan 55 program bagi tempoh Januari hingga Februari 2024 untuk mencegah gajah dari memasuki kawasan perumahan penduduk setempat;
- (ii) membina Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) Mudah Alih di Kg. Belantik, Sik dengan jajaran sepanjang 7 kilometer sejak 14 Ogos 2022;
- (iii) menjalankan kerjasama dengan komuniti setempat untuk memantau dan menyelenggara sistem pagar elektrik secara berkala dan dipantau oleh pihak PERHILITAN Daerah Sik; dan
- (iv) memasang dua (2) unit kolar satelit bagi kumpulan gajah Ulu Muda yang telah dikenal pasti bagi memantau pergerakan kumpulan gajah tersebut dan seterusnya mengambil tindakan pencegahan awal sekiranya kumpulan tersebut menghampiri kawasan kampung atau pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG ( BAGAN )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status hutang bon samurai (yen) sebanyak 200 bilion yen (RM7.3 bilion) yang diterbitkan oleh Malaysia pada 2019, jumlah pembayaran yang dibuat dan masih dihutang serta keuntungan tukaran wang asing atas penurunan nilai matawang yen.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada Mac 2019, Kerajaan Persekutuan telah membuat terbitan bon Samurai bertempoh matang 10 tahun sebanyak 200 bilion yen atau RM7.2 bilion (iaitu pada kadar tukaran RM3.6217 bagi setiap 100 yen) dengan kadar faedah 0.53% setahun. Terbitan bon Samurai merupakan kerjasama antara kedua buah Kerajaan (*Government-to-Government*) bagi mengeratkan hubungan ekonomi dan budaya antara Malaysia dan Jepun. Peluang yang ditawarkan oleh Kerajaan Jepun kepada Malaysia untuk memasuki pasaran bon Samurai pada masa itu telah meningkatkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju destinasi pelaburan rantau ini, di samping mempelbagaikan asas pembiayaan Kerajaan Malaysia.

Faedah Bon Samurai dibayar dua kali setahun iaitu pada setiap Mac dan September serta tertakluk kepada kadar tukaran pada hari transaksi. Bagi tempoh September 2019 sehingga Mac 2024, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM192.1 juta untuk bayaran faedah. Kerajaan akan terus memenuhi obligasi bayaran faedah Bon Samurai sehingga hutang ini matang pada Mac 2029 berserta bayaran hutang prinsipal sebanyak 200 bilion yen pada hari yang sama.

Ringgit mula mengukuh berbanding yen pada Mac 2022 menyebabkan jumlah bayaran faedah Bon Samurai yang dibuat dalam tempoh Mac 2022 sehingga Mac 2024 lebih rendah berbanding tempoh sebelumnya. Pengukuhan ringgit ini juga menjadikan jumlah hutang ini pada akhir Mac 2024 berkurang kepada RM6.26 bilion mengambil kira kadar tukaran RM3.1308 bagi setiap 100 yen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM  
[GUA MUSANG]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini permohonan bagi pembinaan universiti awam di Gua Musang. Apakah faktor atau kriteria yang masih dalam proses yang menjadi punca kelewatan pengesahan pembinaan universiti awam tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) baharu memerlukan penelitian dari pelbagai aspek, antaranya;
  - (i) permintaan semasa merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat yang seimbang dengan saiz populasi,
  - (ii) kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang,
  - (iii) keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik,

- (iv) kemandirian kewangan,
  - (v) prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan, dan
  - (vi) risiko pertindihan (*overlapping*) dan sebarang ketidakpadanan (*missmatch*) dengan IPT serta program sedia ada.
2. Melalui semakan pihak Kementerian, **di negeri Kelantan terdapat satu (1) universiti induk** iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan **dua (2) kampus cawangan** iaitu Kampus Jeli dan Kampus Pengkalan Chepa.
3. Terdapat juga beberapa **cawangan Universiti Awam (UA)** seperti:
- (i) kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kota Bharu dan Machang,
  - (ii) Universiti Malaya (UM) Kampus Nilam Puri, dan
  - (iii) kampus cawangan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian.
4. Maka, Kementerian percaya ketersediaan infrastruktur ini adalah memadai dalam menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah bagi semua peringkat lapisan masyarakat di negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN  
BANDI [ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana tahap siap siaga pasukan keselamatan di Sabah di dalam melindungi kedaulatan negara daripada kegiatan jenayah terancang, subversif, militan dan pencerobohan memandangkan wujud kegentaran awam ekoran beberapa insiden membabitkan keselamatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Setakat ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih menerima maklumat tentang ancaman keselamatan terhadap Sabah, namun situasi semasa keselamatan terutama di kawasan Pantai Timur Sabah kini agak tenang dan terkawal ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh hampir semua negara sebelum ini serta meningkatkan kawalan oleh pasukan keselamatan Malaysia khususnya PDRM di Sabah dan kerjasama rapat pihak Indonesia dan Filipina dalam meningkatkan kawalan keselamatan dan operasi di kawasan masing-masing.

Walaupun situasi keselamatan di Sabah bertambah baik, namun, PDRM dan pihak berkuasa Malaysia sentiasa bersiap siaga berdepan sebarang kemungkinan terutama melibatkan aktiviti jenayah rentas sempadan. Mengikut kajian, terdapat dua ancaman utama yang sering mendapat perhatian PDRM antaranya aktiviti penculikan dan rompakan di perairan pantai timur SABAH yang didalangi anasir kumpulan *kidnap for ransom* (KFR) dan Abu Sayaf Group (ASG) serta ancaman serangan ke atas Sabah oleh elemen dari Selatan Filipina khususnya daripada pihak yang mendakwa sebagai waris Kesultanan Sulu

Selain itu, ESSCOM telah dapat menguruskan hal ehwal berkaitan dengan keselamatan dengan baik sehingga tiada kes *kidnapping for ransom* (KFR) berlaku di kawasan pantai timur Sabah sehingga kini dan kes terakhir KFR direkodkan ialah pada Januari 2020. Aktiviti jenayah rentas sempadan melibatkan kes penculikan dan rompakan di laut juga menunjukkan penurunan ketara sejak tahun 2017 sehingga kini disebabkan PKP yang dilaksanakan di samping peningkatan operasi khususnya bagi mengesan dan mengambil tindakan ke atas jaringan serta tali barut KFR dan ASG di SABAH. Malah, pelaksanaan perintah berkurung bagi kawasan ESS Zone, peningkatan kawalan keselamatan serta rondaan pasukan keselamatan Malaysia di perairan pantai timur Sabah antara salah satu faktor menyumbang kepada penurunan statistik berkaitan. Begitu juga dengan operasi besar-

## SOALAN NO: 13

besaran yang dilaksanakan oleh pasukan keselamatan Filipina bagi membanteras ancaman ASG di Selatan Filipina di samping program pengampunan yang dilaksanakan oleh bekas Presiden Filipina, Rodrigo Duterte ke atas anasir ASG yang menyerah diri sebelum ini juga turut membantu.

Pelbagai inisiatif keselamatan telah dirangka dan di laksana bagi mencerminkan komitmen kerajaan terhadap pengukuhan keselamatan sempadan negeri Sabah seperti mengukuhkan pengoperasian khusus dan bersepadu di sepanjang sempadan, pemantapan aset strategik, pengukuhan kapasiti pasukan keselamatan dan kerjasama bersama komuniti di peringkat antarabangsa kerjasama bersama komuniti dan di peringkat antarabangsa.

Justeru, KDN melalui agensi-agensi di bawahnya akan sentiasa memastikan kedaulatan negara kekal dilindungi daripada kegiatan jenayah terancang, subversif, militan dan pencerobohan bagi mengurangkan seterusnya mengawal ketenteraman awam dari insiden membabitkan keselamatan.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI (KUALA LANGAT)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [ KUALA LANGAT ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan yang diambil ekoran satu laporan kajian oleh Universiti Cornell di Amerika Syarikat dan telah disiarkan dalam penerbitan *Environment Science And Technology* bahawa rakyat Malaysia makan 15 gram mikro plastik sebulan daripada sumber makanan laut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mengambil maklum dan memandang serius terhadap semua artikel-artikel dan kajian-kajian yang diterbitkan termasuk dalam *Environment Science and Technology*. Berdasarkan artikel yang diterbitkan pada 21 Mei 2024 ini, dikatakan Malaysia telah dikategorikan sebagai negara yang rakyatnya yang paling banyak memakan mikroplastik yang dianggarkan sebanyak 15 gram/sebulan (*microplastic consumption*).

2. Berkenaan *microplastic consumption*, kajian tersebut mengaitkan dengan tabiat pemakanan ikan dan makanan laut (*seafood*). Dalam hal ini, berkemungkinan perkara ini terjadi akibat daripada pencemaran sisa plastik yang “terlepas” atau “tidak dapat dikutip” atau “terbuang” sama ada

## SOALAN NO : 14

secara sengaja atau tidak sengaja ke dalam persekitaran (*leakage of plastic waste into the environment*) yang akhirnya akan mengalir ke sungai, saluran dan seterusnya ke lautan. Perkara ini juga dikaitkan dengan *marine litter* atau *marine debris*.

3. Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil pelbagai langkah dalam menangani isu *marine litter* dan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dengan berpandukan *National Marine Litter Policy and Action Plan 2021-2030*, *Malaysian Plastic Sustainability Roadmap 2021-2030* (MPSR), *Malaysia Roadmap Towards Zero Single Use Plastics 2018-2030*.

4. Secara keseluruhan, pelaksanaan dasar-dasar berkaitan menangani *marine litter* dan galakan untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna masih perlu diperkasakan. Oleh itu, Kementerian kini sedang melihat keperluan untuk mewujudkan satu perundangan khusus berkaitan plastik di Malaysia. Langkah ini diharapkan dapat mempercepatkan peralihan pengurusan plastik daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran. Kementerian percaya ini akan dapat mengurangkan pencemaran sisa plastik.

5. Akhir sekali, Kementerian komited dan yakin bahawa kempen dan sesi libat urus berterusan yang melibatkan semua pihak amat penting dalam memastikan kejayaan pelestarian plastik ini. Oleh yang demikian, Kementerian akan terus dan kekal bekerjasama dengan semua pihak terutamanya pihak industri dan pertubuhan bukan kerajaan (non government organisation - NGO) dalam meningkatkan kesedaran masyarakat. Pada masa yang sama, Kerajaan akan berusaha untuk terus menambahbaik pengurusan plastik secara lestari.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIIN)**

**SOALAN**

**TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perincian kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA):

- (a) Jumlah permohonan dan tawaran diberikan mengikut negeri, kaum dan kursus bagi tahun 2022 dan 2023; dan
- (b) Pelan Kementerian menilai semula Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar Tahun 2024 bagi menampung keperluan semasa negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pemilihan untuk calon Pelajar Lulusan STPM untuk ke universiti adalah setara dan dinilai berdasarkan kelayakan calon. Proses penyetaraan ini dibuat bagi mengiktiraf kedua-dua kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyediakan bakal mahasiswa di Universiti Awam (UA). Penyetaraan ini juga bagi memastikan kedua-dua kumpulan calon bersaing secara adil dengan pemohon yang lain.
2. Trend permohonan UPUOnline® setiap tahun bagi lulusan SPM dan STPM adalah berubah-ubah mengikut jumlah calon yang mengambil peperiksaan tersebut. Pada sesi akademik 2022/ 2023, negeri Selangor merekodkan pemohon UPUOnline® yang tertinggi bagi lulusan SPM dan STPM. Bagi lulusan SPM, seramai **47,310** (20%) permohonan diterima dari semua negeri di Malaysia melalui UPUOnline®.
3. Manakala bagi lulusan STPM, sebanyak **21,450** (18.6%) orang calon telah memohon UPUOnline®. Pada sesi akademik 2023/ 2024 negeri Selangor masih mencatatkan pemohon UPUOnline® tertinggi bagi lulusan SPM iaitu **48,649** (20.3%). Bagi pemohon lulusan STPM pula, seramai **21,877** (18.5%) orang calon telah memohon UPUOnline®.
4. Kadar kejayaan bagi pemohon mengikut aliran sains dan sastera pada sesi akademik **2022/2023** adalah **96.19%** dan **88.20%**. Manakala pada sesi akademik **2023/2024**, kadar kejayaan bagi pemohon mengikut aliran sains dan sastera pula adalah **96.81%** dan **90.87%**.
5. Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi dan berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira **kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal**

## SOALAN NO: 15

diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Kejayaan mereka bergantung kepada susunan merit, memenuhi syarat Am dan syarat Khas serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

6. Kementerian juga telah mengikut garis panduan penyelarasan pengambilan pelajar mengikut prosedur yang ketat dan telus yang merangkumi permohonan, pemprosesan, pemilihan, hebahan dan rayuan yang dipersetujui dalam mesyuarat utama seperti Mesyuarat Panduan Dasar dan Prosedur Kemasukan Pelajar ke IPTA dan ILKA Sesi Akademik **2024/2025** dan Mesyuarat Teknikal Kemasukan Pelajar ke IPTA dan ILKA Sesi Akademik **2024/2025**.
7. Antara agensi yang bekerjasama dengan KPT untuk penyelarasan pelajar masuk ke IPTA adalah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi menentukan status warganegara pemohon, Lembaga Peperiksaan (LP) bagi memadamkan keputusan pemohon dengan permohonan kursus yang dbuat, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bagi pepadanan peperiksaan MUET, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), serta universiti dan institusi pendidikan awam yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ROSOL BIN WAHID  
[ HULU TERENGGANU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' ROSOL BIN WAHID [ HULU TERENGGANU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes kecederaan atau kematian akibat kesilapan penyelenggaraan, pengurusan atau pengendalian senjata api dalam kalangan anggota Sukarelawan Malaysia (RELA) semasa mereka diberikan lesen senjata api sehingga lesen mereka dibekukan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Sebanyak 39 kes kecederaan atau kematian akibat kesilapan penyelenggaraan, pengurusan atau pengendalian senjata api dalam kalangan Anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) sejak tahun 1984 hingga 2019. Semua pegangan senjata api telah ditarik balik pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, Jabatan telah mengambil inisiatif untuk menambah baik tatacara (SOP) dan tadbir urus pengurusan senjata api Jabatan melalui Manual Pengurusan Senjata Api bagi mengelakkan kes-kes kecederaan atau kematian akibat kesilapan penyelenggaraan, pengurusan atau pengendalian senjata api bagi tujuan latihan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING  
[ BEAUFORT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [ BEAUFORT ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- a) apakah usaha Kementerian dalam membantu pihak sekolah di Parlimen Beaufort yang masih kurang enam ekar keluasan tanah bagi tujuan pembangunan infrastruktur; dan
- b) pada tahun 2024, berapa jumlah sekolah daif di Parlimen Beaufort yang mendapat peruntukan baik pulih.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik dan kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan KPM sehingga Jun 2024, terdapat sebanyak 25 buah sekolah di Parlimen Beaufort yang mempunyai tanah kurang daripada 6 ekar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22 buah sekolah mempunyai enrolmen murid kurang daripada 150 orang.

Kebolehan serta penyelesaian sekolah yang mempunyai keluasan tanah kurang daripada 6 ekar akan diteliti secara *case by case* berdasarkan kepada keperluan.

Walau bagaimanapun, KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan ketersediaan dalam melaksanakan sebarang projek pembangunan infrastruktur termasuk pembinaan semula gantian bangunan di sekolah sedia ada tertakluk kepada keperluan. Antaranya adalah melalui pelaksanaan kerja awalan dan kajian pembaikan infrastruktur tapak yang diperlukan.

Sekiranya didapati tapak sedia ada dapat memenuhi keperluan pembangunan infrastruktur yang diperlukan tanpa mendatangkan sebarang risiko kepada murid akan dimohon secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data sekolah yang mempunyai bangunan daif adalah bersifat dinamik dan akan berubah berdasarkan kondisi bangunan dari semasa ke semasa. Berdasarkan data KPM, sehingga Jun 2024 terdapat 35 buah sekolah yang mempunyai

## SOALAN NO : 17

bangunan daif di Parlimen Beaufort. Daripada jumlah tersebut sebanyak 23 buah sekolah berskala 6 manakala 12 buah sekolah berskala 7.

Sebanyak tujuh projek bangunan gantian telah diluluskan di Parlimen Beaufort dalam RMKe-12 RP1 hingga RP4 Tahun 2024 iaitu Sekolah Kebangsaan Kerukan, Sekolah Kebangsaan Melikai, Sekolah Kebangsaan Lumat, Sekolah Kebangsaan Mempagar, Sekolah Kebangsaan Rimbaan, Sekolah Kebangsaan Tenambak dan Sekolah Kebangsaan Rancangan Klias. KPM juga merancang untuk mengemukakan permohonan menaik taraf atau pembinaan gantian bangunan daif bagi empat buah sekolah di Parlimen Beaufort dalam RMKe-12 RP5 Tahun 2025 iaitu Sekolah Kebangsaan Klias Kecil, Sekolah Kebangsaan Kebulu, Sekolah Kebangsaan Pintas dan Sekolah Kebangsaan Takuli.

Berhubung baki sekolah lain bagi projek menaik taraf atau pembinaan gantian bangunan daif di Parlimen Beaufort, KPM melalui JPN Sabah sedang meneliti keperluan kebolehlaksanaan pembinaan bangunan gantian di sekolah-sekolah ini terutama dalam aspek keperluan sebenar serta lebihan baki tanah sebelum dimohon secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI  
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk memberikan kelulusan baharu bagi penubuhan bank koperasi yang akan memberi penumpuan kepada pembangunan usahawan luar bandar atau melibatkan negeri Pantai Timur agar jurang ekonomi dengan negeri Pantai Barat dapat dikurangkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penubuhan bank koperasi ini tertakluk kepada Akta Koperasi 1993 dan melibatkan pematuhan kepada undang-undang bertulis lain seperti Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) yang diselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM), khususnya dalam hal pengambilan deposit daripada bukan anggota dan penggunaan perkataan “Co-opbank” atau bank koperasi.
2. Mana-mana koperasi yang ingin menjadi bank koperasi perlu melalui fasa penilaian seperti berikut sebelum suatu permohonan dikemukakan kepada BNM:

- (i) Fasa 1: Mengenal pasti koperasi berpotensi sebagai bank koperasi; dan
- (ii) Fasa 2: Memperkasa koperasi yang berpotensi sebagai bank koperasi dengan pematuhan dasar dan prosedur, pengurusan yang berkeelayakan serta aktiviti perbankan, pematuhan standard kehematan, pelantikan Lembaga Pengarah dan penarafan Risiko Komposit (CRR).

3. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) tidak mempunyai perancangan pada masa ini untuk memberikan kelulusan bagi menubuhkan bank koperasi bagi membantu Kerajaan mengurangkan jurang ekonomi dalam kalangan usahawan dan koperasi di negeri-negeri Pantai Timur khususnya di kawasan luar bandar. Dalam hal ini, cadangan penubuhan bank koperasi ini memerlukan penelitian sewajarnya kerana ia bukan sahaja perlu melalui pelbagai proses tapisan, malahan perlu dikaji daripada aspek daya maju dan daya saing cadangan bank koperasi tersebut.

4. Dalam hubungan ini, KUSKOP berpandangan bahawa usahawan dan koperasi boleh mendapatkan pembiayaan daripada bank-bank koperasi dan agensi KUSKOP sedia ada, yang menyediakan pembiayaan kepada usahawan dan koperasi seperti Bank Rakyat, Co-opbank Pertama dan TEKUN Nasional. Pada masa ini, bank koperasi seperti Bank Rakyat dan Co-opbank Pertama mempunyai cawangan di seluruh Malaysia termasuk di kawasan Pantai Timur dan ia menyediakan peluang pendanaan kepada koperasi dan usahawan yang layak. Sehingga kini, terdapat 27 cawangan Bank Rakyat dan 7 cawangan Co-opbank Pertama di kawasan Pantai Timur melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW (IPOH TIMOR)

TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)

**SOALAN**

TUAN LEE CHUAN HOW [ IPOH TIMOR ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status terkini usaha Kerajaan dan pihak swasta Malaysia dalam perolehan teknologi penapisan dan pengasingan nadir bumi jenis *ion adsorption clay*.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Seperti mana diketahui, teknologi untuk pengasingan unsur nadir bumi (REE) pada masa ini didominasi oleh negara China yang menguasai sekitar 87% REE terproses dunia. Ini menjadikan negara berkenaan sebagai pusat pemrosesan REE utama dunia yang mendorong kebanyakan hasil perlombongan REE dari pelbagai negara dieksport ke sana untuk diproses dan diasingkan kepada unsur tersendiri yang lebih bernilai tinggi.
2. China amat menyedari dominasi mereka dalam rantai bekalan industri ini dan terus mengambil langkah untuk mengukuhkan penguasaan mengambil kira faktor strategik dan permintaan yang semakin meningkat terhadap mineral REE. Antara langkah yang diambil adalah mengenakan larangan untuk pengeksportan teknologi berkaitan REE. Ini merupakan halangan utama yang dihadapi pada ketika ini untuk membawa masuk pelaburan dari China bagi membangunkan loji pemrosesan di dalam negara.
3. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam juga turut meneroka alternatif lain untuk merealisasikan matlamat supaya sumber mentah REE tempatan jenis *ion adsorption clay* (IAC) diproses dan diasingkan kepada unsur individu yang lebih bernilai tinggi dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan industri hiliran. Ini termasuklah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan pihak Lynas Malaysia Sdn. Bhd. yang pada ketika ni memiliki loji pemrosesan di Gebeng, Kuantan yang merupakan loji pemrosesan REE terbesar di dunia di luar China. Loji tersebut pada ketika ini mengeluarkan sekitar 11% REE terproses dunia. Namun, sumber REE dari Mount Weld, Australia yang diproses ketika ini adalah dari jenis mineral, yang berbeza dengan REE jenis IAC.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN SAAD** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian dalam mewujudkan MyBrain2.0 khas untuk pelajar bukan daripada aliran sains bagi mengelakkan keciciran dalam pendidikan arus perdana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Jun 2023 telah meluluskan pelaksanaan Program MyBrain 2.0 bermula pada tahun 2024 yang akan ditawarkan kepada dua kategori kumpulan sasaran iaitu kepada orang awam yang tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap dan pensyarah-pensyarah di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).
2. Di bawah Program MyBrain 2.0, selain pemilihan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM), pelajar turut diberikan peluang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang lain yang relevan dengan keperluan industri dan negara bagi menangani isu keciciran dalam pendidikan arus perdana.
3. Kementerian komited dalam memastikan program ini dapat melahirkan graduan yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi selari dengan keperluan negara dalam membangunkan bakat digital untuk memperkukuh kepakaran tenaga mahir serta memberi nilai tambah yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi mampan ke arah memacu pencapaian aspirasi Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JONATHAN BIN YASIN (RANAU)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK JONATHAN BIN YASIN ( RANAU )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah semua pendapatan atau hasil yang diperoleh oleh Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Persekutuan dari bumi dan lautan Sabah setiap tahun.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai. Hasil cukai terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung yang masing-masing dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Cukai langsung merangkumi cukai pendapatan syarikat dan individu, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Manakala cukai tidak langsung terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi kenderaan barang-barang dan levi pelepasan.

Hasil bukan cukai adalah hasil yang dikutip daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah kenaaan bayaran kelulusan lesen dan permit, bayaran perkhidmatan, perolehan

## SOALAN NO : 21

daripada jualan barang, sewaan dan faedah dan pulangan pelaburan. Hasil bukan cukai juga merangkumi terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan.

Jumlah keseluruhan hasil cukai dan hasil bukan cukai yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam dokumen Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Namun perincian kutipan dilaporkan mengikut jenis hasil dan cukai, dan bukannya mengikut negeri. Dokumen tersebut boleh disemak dan dimuat turun daripada portal belanjawan tahunan di laman web Kementerian Kewangan.

Berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah pendapatan atau hasil yang diperoleh Kerajaan Persekutuan dari Sabah pada setiap tahun, ia melibatkan data yang luas dan terperinci, yang mana maklumat tersebut adalah turut berkaitan dengan salah satu perkara yang dirujuk dalam saman yang telah difailkan ke mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan tidak dapat mengemukakan maklumat mengenainya atas dasar *sub judice*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN  
AHMAD KAMAL (MACHANG)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL (MACHANG)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian berhubung penjualan saham Malaysia Airport Berhad (MAHB) kepada syarikat asing termasuk implikasi kewangan serta tawaran sukarela prasyarat oleh Gateway Development Alliance (GDA) dan pemegang saham yang terlibat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) ini merupakan satu urusan transaksi komersial yang dikemukakan oleh sebuah konsortium yang dikenali sebagai Gateway Development Alliance dan diterajui oleh dua (2) pemegang saham sedia ada MAHB ketika ini iaitu Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Seandainya tawaran tersebut diterima dan dipersetujui oleh para pemegang saham MAHB yang lain, pemilikan MAHB oleh konsortium berkenaan adalah berdasarkan pecahan yang berikut :

- a) Khazanah - 40%;
- b) KWSP - 30%; dan
- c) Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Global Infrastructure Partners (GIP) – 30%.

Ini bermakna pegangan Khazanah dan KWSP akan meningkat daripada 41% kepada 70%. Konsortium ini akan diterajui oleh para pelabur Malaysia. Konsortium berkenaan telah menawarkan RM11 sesaham yang melebihi harga saham tertinggi sepanjang masa MAHB iaitu RM10.58 sesaham. Ini bersamaan dengan nilai tawaran sebanyak RM18.4 bilion secara keseluruhannya. Tawaran ini perlu dipersetujui oleh sekurang-kurangnya 90% pemegang saham sedia ada MAHB ketika ini dan ia dijangka akan dimuktamadkan pada suku tahun ketiga tahun ini.

Seperti dinyatakan pada awalnya, memandangkan tawaran ini merupakan satu urusan transaksi komersial, maka ia tidak mendatangkan sebarang implikasi kewangan kepada Kerajaan. Kerajaan akan terus memantau perkembangan ini dan memastikan apa jua keputusan yang dicapai nanti perlulah dibuat berpandukan kepada undang-undang dan peraturan semasa berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI  
ALIAS [ JELEBU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang ancaman keselamatan yang dikesan daripada pihak luar susulan ketegasan Malaysia di dalam isu Palestin dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Ketegasan Malaysia dalam memperjuangkan isu Palestin di peringkat global telah menarik perhatian beberapa pihak luar. Namun, secara keseluruhannya situasi keselamatan Negara berada dalam keadaan terkawal dalam konteks respons pihak luar ke atas pendirian Malaysia berhubung isu Palestin.

Dalam masa yang sama, pihak Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut meningkatkan *engagement* dengan komuniti Palestin di Malaysia dan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mengadakan pertemuan secara berkala dengan para pelajar Palestin di IPTA dan IPTS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED  
@ HASHIM (KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM ( KUALA TERENGGANU )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana jaminan Kerajaan terhadap kenaikan harga barangan serta bebanan yang bakal ditanggung oleh golongan B40 dan M40 akibat pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan ke manakah hasil penjimatan daripada rasionalisasi ini akan digunakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan mengambil pendekatan untuk melaksanakan program penyasaran subsidi diesel bagi meningkatkan tahap kecekapan pemberian subsidi kerajaan kepada golongan sasaran di samping mengurangkan ketirisan susulan aktiviti penyeludupan. Pelaksanaan subsidi bahan api secara pukal telah mendorong kepada aktiviti penyeludupan, ketidakcekapan dalam perbelanjaan awam, herotan pasaran, dan ketirisan sumber Kerajaan kerana jurang harga yang besar antara harga bersubsidi dan harga pasaran. Justeru, dasar penyasaran subsidi diesel telah dikenalpasti sebagai salah satu pendekatan yang mampu mengelakkan pembaziran subsidi serta memastikan penjimatan disalurkan kepada rakyat dengan lebih efisien.

## SOALAN NO : 24

Kerajaan mengunjurkan penjimatan sebanyak RM4 bilion daripada program ini. Kedudukan kewangan negara dapat diperkukuhkan dan mewujudkan ruang fiskal yang lebih besar bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan program dan projek yang lebih produktif kepada pertumbuhan ekonomi serta memberi impak yang tinggi kepada kesejahteraan hidup rakyat. Melalui pendekatan ini, perbelanjaan kerajaan akan dapat dioptimumkan sekaligus memastikan kemampunan ekonomi negara.

Kerajaan berhasrat untuk mengembalikan penjimatan daripada langkah penyasaran semula subsidi bahan api ini kepada rakyat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi mengoptimumkan sumber kewangan negara, terutamanya melalui sektor pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam, dan lain-lain keperluan pembangunan. Selain itu, penjimatan daripada penyasaran semula subsidi diesel akan digunakan untuk memperkukuh agenda perlindungan sosial. Antaranya, Kerajaan telah meningkatkan peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah daripada RM8 bilion kepada RM10 bilion pada tahun 2024. Ini adalah langkah utama yang diambil Kerajaan untuk mengelakkan program penyasaran subsidi diesel ini memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat, terutama yang berpendapatan rendah. Di samping itu, Kerajaan juga telah memulakan program ini pada masa yang sesuai untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara ketika keadaan ekonomi masih mampan, termasuk indikator inflasi bagi harga barangan dan perkhidmatan pengguna yang stabil.

Kadar inflasi negara bagi Januari hingga Mei 2024 mencatat peningkatan yang sederhana sebanyak 1.8% berbanding 3.4% bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar inflasi bagi bulan Mei 2024 pula kekal rendah pada 2%. Sebagai perbandingan, inflasi bagi Zon Euro meningkat kepada 2.6% pada Mei 2024, Amerika Syarikat (3.3%), Republik Korea (2.7%), Filipina (3.9%) dan Indonesia (2.8%). Dengan mengambil kira angka inflasi yang rendah pada ketika ini, Kerajaan berpandangan ini adalah tempoh yang sesuai bagi pelaksanaan subsidi bersasar.

## SOALAN NO : 24

Dengan pelaksanaan penyerasan rasionalisasi subsidi bahan api diesel yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, Kerajaan mengunjurkan bahawa kadar inflasi bagi tahun 2024 berada antara 2% hingga 3.5%. Julat unjuran yang besar ini telah mengambil kira beberapa kemungkinan kenaikan kadar inflasi yang boleh timbul, contohnya seperti pelaksanaan penyerasan rasionalisasi subsidi bahan api ini.

Walaupun harga diesel kini ditetapkan pada RM3.35 seliter, Kerajaan masih menyediakan diesel bersubsidi kepada nelayan dan 33 jenis kenderaan pengangkutan awam serta barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) untuk memastikan kos barangan dan perkhidmatan kekal terkawal. Untuk melindungi kebajikan majoriti rakyat dan mengatasi isu penyeludupan serta ketirisan subsidi, Kerajaan memperkenalkan platform BUDI MADANI pada 28 Mei 2024. Program ini bertujuan untuk menyalurkan subsidi diesel yang lebih tepat kepada sektor yang layak, golongan masyarakat yang memerlukan, dan lebih 80 peratus pemilik kenderaan diesel individu.

Di bawah inisiatif BUDI MADANI, pemilik kenderaan jenis diesel merangkumi kenderaan pengangkutan awam darat, pengangkutan darat barangan, kenderaan persendirian milik individu dan golongan petani, penternak serta pekebun kecil komoditi di Semenanjung Malaysia boleh terus menikmati subsidi diesel melalui kaedah *fleet card* di bawah MySubsidi Diesel atau bantuan tunai sebanyak RM200 di bawah BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi. Bantuan subsidi tunai tersebut akan diberikan setiap bulan melalui akaun bank masing-masing atau melalui kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini serta perincian autonomi pendidikan yang dituntut oleh Kerajaan Sarawak dan apakah cabaran yang dihadapi Kementerian dan kesan pelaksanaan autonomi tersebut terhadap sistem pendidikan negara secara keseluruhan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan komited bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam memastikan pendidikan negeri Sarawak selaras dengan lima (5) aspirasi sistem pendidikan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sarawak (JTBPP Sarawak) telah diadakan pada 22 Februari 2024 di Kuching, Sarawak. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Pendidikan dan YB Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Negeri Sarawak bagi membincangkan secara terperinci berkaitan tuntutan autonomi pendidikan seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sarawak telah bersetuju dengan beberapa tuntutan yang telah

dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Antara perkara yang telah dipersetujui ialah:

- i. perwakilan kuasa kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak untuk melulus projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak atau mana-mana pihak selain daripada Kerajaan Persekutuan;
- ii. penilaian bagi murid tahun enam (6) dan tingkatan tiga (3) adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- iii. pengukuhan pelibatan antara Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak dengan Kerajaan Negeri Sarawak;
- iv. pelaksanaan program TVET berdasarkan keutamaan Kerajaan Negeri;
- v. perkongsian maklumat perpindahan pegawai kanan JPN ke ibu pejabat KPM;
- vi. penyaluran peruntukan belanja mengurus dan operasi yang mencukupi bagi JPN Sarawak; dan
- vii. perkongsian data pendidikan dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan autonomi pendidikan yang dipersetujui, perundingan sentiasa dijalankan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak melalui JTBPP Sarawak. Pelaksanaan autonomi ini akan lebih memudahkan pengoperasian pendidikan di negeri Sarawak khususnya, dan Kerajaan Persekutuan amnya.

KPM yakin pemberian autonomi pendidikan ini akan dapat meningkatkan kualiti serta penyampaian pendidikan di Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN  
(TANGGA BATU)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN ( TANGGA BATU )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- a) berapa jumlah Cukai Keuntungan Luar Biasa (Windfall Levy) yang dikutip daripada industri sawit untuk tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023; dan
- b) ke manakah kutipan cukai ini digunakan atau dibelanjakan oleh MOF.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua hasil kutipan levi keuntungan luar biasa akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dan penggunaan wang daripada kumpulan wang hendaklah mengikut peruntukan belanjawan tahunan yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Semenjak tahun 1999 hingga 2023, sebanyak RM6.12 bilion hasil Levi Keuntungan Luar Biasa telah dikutip dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Daripada keseluruhan hasil ini, Kerajaan melalui belanjawan tahunan telah memperuntukan sejumlah RM5.84 bilion bagi membiayai perbelanjaan subsidi minyak masak di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak bagi tahun 2019 hingga 2023.

Selain itu, Kerajaan juga menyalurkan peruntukan kepada semua kementerian untuk membiayai program dan projek pembangunan negara yang memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan seperti menambah baik dan membina infrastruktur dan kemudahan awam, meningkatkan fasiliti kesihatan dan pendidikan, serta membantu rakyat dalam menangani kenaikan kos sara hidup khususnya bagi kumpulan rentan dan B40.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana pihak polis dan pihak berkuasa yang berkenaan memberi jaminan bahawa siasatan secara menyeluruh dapat dijalankan terhadap kejadian seorang pengiring keselamatan Tengku Mahkota Johor yang didakwa memukul dan menyerang seorang pemandu e-hailing yang juga orang kurang upaya pada 28 Mei 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan kecederaan. Kejadian berlaku melibatkan pengadu merupakan seorang Orang Kelainan Upaya (OKU) yang juga mangsa mendakwa telah dikasari oleh pengawal pengiring orang kenamaan. PDRM telah merujuk kertas siasatan kepada Pejabat Peguam Negara bagi mendapatkan ulasan dan pandangan.

Selain itu, pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM juga telah membuka kertas siasatan tatatertib (KST) ke atas orang yang disyaki (OYDS) dan Kertas Enkuiri Tatatertib (KET) juga dibuka ke atas Pegawai Penyiasat Kanan dan Pegawai Penyiasat kes tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA  
[PASIR SALAK]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [ PASIR SALAK ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran kenaf di Malaysia dan menjadi bahan eksport yang meningkat dari semasa ke semasa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Buat masa ini, pengeluaran kenaf masih tertumpu bagi memenuhi keperluan pasaran domestik. Purata keluasan tanaman kenaf dari tahun 2019 – 2023 adalah sebanyak 1,489 hektar dengan purata pengeluaran sebanyak 4,964.77 tan. Walau bagaimanapun, hasil kenaf berpotensi untuk dieksport ke luar negara menjelang tahun 2025 sebagaimana yang disasarkan di dalam Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030).
2. Dalam usaha tersebut, Kementerian melalui LKTN giat melaksanakan usaha bagi mewujudkan zon penanaman kenaf dengan menggiatkan integrasi dengan tanaman komoditi lain, menggalakkan penggiliran tanaman kontan dengan tanaman padi tunggal dan membangunkan ladang kluster khusus dengan kerjasama syarikat GLC negeri bertujuan untuk mencapai sasaran iaitu 2,000 hektar keluasan tanaman bagi pekebun kecil, 2,500 hektar bagi ladang kluster dan 1,500 hektar bagi ladang komersial.
3. Mulai tahun 2024, LKTN akan membangunkan industri kenaf yang diterajui oleh pihak swasta di Sabah dan Sarawak dengan sasaran jumlah keluasan penanaman 1,500 hektar, 1,000 hektar di Sarawak dan 500 hektar di Sabah. Untuk tujuan ini, LKTN akan mulakan pembangunan dengan usaha berikut:
  - i. Menyediakan fasiliti penyimpanan dan pembekalan benih bagi pengeluaran fiber dan *core* kenaf; dan
  - ii. Membangunkan kemudahan pengeluaran dan pemprosesan kenaf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE  
[ BATANG SADONG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [ BATANG SADONG ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat merangkumi manfaat serta memastikan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan bukan warganegara Malaysia mempunyai akses sama rata kepada pendidikan awam dan penjagaan kesihatan, memandangkan akses terhadap keperluan asas seperti BAP dan SPBT sering menjadi punca mereka berhenti sekolah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat terhadap akses pendidikan untuk semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak tanpa warganegara dan bukan warganegara Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyediakan akses pendidikan bagi kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ini melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.1/2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah bertarikh 11 Mac 2009. SPI ini membolehkan kanak-kanak tanpa dokumen warganegara memasuki sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen warganegara ini ke sekolah adalah dengan syarat salah seorang ibu atau bapa kanak-kanak itu mestilah warganegara Malaysia. Ibu atau bapa kanak-kanak yang bertaraf warganegara perlu mendapatkan surat pengesahan atau surat perakuan ketua kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak mereka.

KPM juga mempunyai pelbagai strategi bagi memastikan kanak-kanak tanpa dokumen warganegara ini tidak tercicir mendapat pendidikan dengan mengadakan program penerangan secara berterusan. Selain daripada itu, KPM juga sentiasa melaksanakan ziarah cakna, sesi libat urus atau jerayawara bersama-sama agensi kerajaan, pihak swasta serta badan-badan bukan kerajaan. Seterusnya, melalui jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pihak sekolah juga melaksanakan pelbagai aktiviti bagi menyantuni kanak-kanak dan keluarga mereka yang memerlukan bantuan. Antaranya ialah menghulurkan bantuan barang-barang keperluan harian, bantuan kewangan, peralatan asas persekolahan, pengangkutan dan lain-lain lagi termasuk khidmat nasihat dan sokongan moral dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akses pendidikan bagi kanak-kanak bukan warganegara ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan pula adalah berdasarkan Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah,

Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 seperti yang berikut:

- i. Anak kakitangan kedutaan asing;
- ii. Anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara, yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi Kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah;
- iii. Anak yang ibu bapanya adalah pemastautin tetap Malaysia; atau
- iv. Kanak-kanak yang dipilih oleh Kerajaan kanak-kanak itu untuk melanjutkan pelajarannya di Malaysia menurut mana-mana Memorandum Persefahaman atau Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan kanak-kanak itu.

Penerimaan masuk kanak-kanak bukan warganegara ini juga adalah tertakluk kepada syarat seperti mengemukakan borang permohonan (Jadual Pertama), memiliki pas pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan membayar fi yang ditetapkan oleh KPM. Permohonan bersekolah boleh dibuat melalui jabatan pendidikan negeri atau pejabat pendidikan daerah yang berhampiran tempat tinggalnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN  
[TANGGA BATU]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [ TANGGA BATU ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam kempen meyakinkan Kesatuan Negara-Negara Eropah (EU) bahawa MSPO adalah pensijilan yang memenuhi piawaian EUDR agar minyak sawit Malaysia tidak didiskriminasi di pasaran Eropah dan dunia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk meyakinkan dan memastikan bahawa pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dapat memenuhi perundangan *European Union Deforestation-free Regulation* (EUDR) agar minyak sawit Malaysia tidak didiskriminasi di pasaran Eropah dan dunia.
2. Antara usaha yang dilakukan termasuklah penubuhan *Ad Hoc Joint Task Force on EUDR* (Ad Hoc JTF) dengan kerjasama bersama Indonesia, *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) dan Suruhanjaya Eropah (*European Commission*).
3. Melalui platform ini, pihak EU telah bersetuju untuk membantu menangani kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Malaysia dan Indonesia dalam memenuhi keperluan EUDR. Mesyuarat pertama *Ad Hoc JTF* pada bulan Ogos 2023 telah mengenal pasti lima (5) kekangan utama yang dihadapi merangkumi isu penglibatan pekebun kecil dalam rantai bekalan, skim pensijilan nasional yang berkaitan, kebolehejekan daripada pengeluar kepada pengguna akhir, data saintifik mengenai penyahhutan serta degradasi hutan dan perlindungan data peribadi.
4. Melalui platform ini juga, MSPO telah bekerjasama dengan *European Forest Institute* (EFI) bagi menjalankan kajian analisis jurang perbezaan di antara skim pensijilan MSPO dengan perundangan EUDR. Hasil awal kajian menunjukkan MSPO berpotensi besar untuk memenuhi keperluan peraturan EUDR. Ini adalah kerana Malaysia telah menyemak semula piawaian MSPO 2.0 agar selari dengan norma antarabangsa supaya dapat meningkatkan kredibiliti dan mengembangkan skop yang lebih luas untuk pengiktirafan daripada pasaran global. MSPO 2.0 telah ditambah baik dengan kemasukan beberapa elemen yang melibatkan isu sosial dan amalan pertanian baik seperti Penilaian

## NO. SOALAN: 30

Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV), Penilaian Kesan Sosial (SIA), kuantifikasi pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan penetapan tarikh akhir (*cut-off date*) pada 31 Disember 2019 bagi penebangan hutan asli, kawasan yang dilindungi dan kawasan HCV untuk penanaman sawit.

5. Selain itu, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) baru-baru ini telah menerbitkan hasil analisis Encik Pierre Bois d'Enghien, pakar pensijilan kemampunan minyak sawit dari Belgium dan penasihat kepada pelbagai pengeluar dan peniaga komoditi antarabangsa. Analisis tersebut menemui bahawa pensijilan MSPO berpotensi memenuhi kesemua keperluan EUDR dan usaha penambahbaikan dalam pensijilan tersebut akan memastikan bahawa MSPO boleh diterima pakai sebagai '*compliance tool*' untuk EUDR.
6. Hasil-hasil kajian ini dapat mengesahkan status MSPO sebagai standard pensijilan bertaraf dunia yang akan membantu usaha industri sawit Malaysia untuk mengeksport minyak sawit mampan yang mematuhi ketetapan EUDR. Hasil kajian ini akan dikongsikan dalam sesi-sesi libat urus Malaysia dengan EU agar MSPO dapat diterima dan diiktiraf oleh EU. Selain itu, Kementerian akan terus mengukuhkan usaha dan menambah baik pelaksanaan pensijilan MSPO untuk memenuhi keperluan EUDR, terutamanya berkaitan elemen kebolehejakan, bebas penyahhutan, pemilikan sah ke atas tanah dan amalan buruh yang baik, supaya minyak sawit negara diterima baik di seluruh pasaran dunia.
7. Secara keseluruhan, Malaysia sedang berusaha untuk mempertahankan kepentingan industri minyak sawitnya dalam menghadapi cabaran dari EU melalui usaha di peringkat domestik dan antarabangsa, serta melalui penekanan kepada amalan penanaman sawit secara mampan dan pematuhan terhadap standard kelestarian yang diiktiraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM ( SEPUTEH )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi yang digunakan oleh Khazanah Nasional dalam usaha menjadikan Syarikat Penerbangan MAS di bawah Malaysian Aviation Group berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak RM889 juta pada tahun 2023. Apakah rancangan untuk menguatkan MAS dalam tahun-tahun akan datang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pandemik COVID-19 telah memberikan Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) peluang untuk menstruktur semula kedudukan kewangannya pada Mac 2021. Langkah penstrukturan semula kewangan ini telah menghasilkan penjimatan kos lebih daripada RM10 bilion dan penstrukturan semula ekuiti lebih daripada RM5 bilion yang membolehkan MAGB mempunyai kedudukan kewangan yang lebih baik dengan lembaran imbangan (*balance sheet*) dan struktur kos yang lebih sihat.

## SOALAN NO : 31

Berdasarkan kedudukan kewangan MAGB yang lebih baik, pihak pengurusan MAGB memainkan peranan penting dalam memperkukuh prestasi pendapatan untuk mencapai keuntungan bersih dengan mengatur strategi untuk memanfaatkan permintaan perjalanan yang kukuh oleh penumpang. Pihak pengurusan juga berjaya menyusun dan melaksanakan strategi untuk menarik aliran antarabangsa yang mampu memberikan pulangan tinggi.

Walaupun ini merupakan hasil yang positif, adalah penting bagi pihak pengurusan MAGB untuk sentiasa peka terhadap cabaran-cabaran berkaitan industri ini, terutamanya ketidaktentuan harga minyak mentah serta pergerakan kadar pertukaran matawang asing berbanding ringgit.

Antara rancangan jangka panjang pengurusan untuk terus memperkukuh MAGB adalah menjadi antara 10 Syarikat Penerbangan Terbaik Dunia Skytrax menjelang tahun 2030. Sehubungan itu, pihak pengurusan MAGB sedang merangka rancangan jangka panjang untuk meningkatkan kecemerlangan operasi, prestasi rangkaian, dan pengalaman penumpang bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat penerbangan premium Asia Pasifik.

Pihak pengurusan MAGB juga berharap dapat menjalin hubungan yang lebih kukuh dengan pemain industri seperti Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan rakan syarikat penerbangan lain di dalam dan luar negara pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ROSLAN BIN HASHIM [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah faktor kekebalan di mana pelajar tidak langsung boleh disentuh dan dihukum punca disiplin mereka semakin merosot contohnya kes seksual di kalangan pelajar sekolah menengah semakin meningkat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam pembentukan karakter murid yang dilaksanakan melalui teras kedua Tujuh Teras Nadi Keunggulan KPM.

KPM memberikan keutamaan kepada kemenjadian murid secara holistik iaitu pembangunan diri dalam semua aspek kehidupan, termasuk akademik, sahsiah, sosial, dan rohani. Dalam konteks ini, KPM berusaha memastikan bahawa setiap murid berkembang secara seimbang dan menyeluruh, sejajar dengan konsep Karamah Insaniah, yang bermaksud memartabatkan kemuliaan insan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek disiplin yang baik merupakan asas kepada pembentukan karakter dan integriti murid, yang akhirnya akan melahirkan individu yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab. Oleh itu, KPM bertanggungjawab menyediakan panduan dan peraturan disiplin menyeluruh serta memenuhi persekitaran masa kini. Perkara ini penting bagi membentuk penghayatan amalan disiplin dalam kalangan murid dan mezhahirkan suasana pembelajaran yang kondusif dan berkesan di sekolah.

KPM mengeluarkan garis panduan dan panduan serta melaksanakan program kesedaran yang menyeluruh bagi menangani isu disiplin termasuk salah laku seksual di sekolah, seperti berikut:

- i. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 13 Tahun 2023 iaitu Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual Di Institusi Pendidikan. Garis panduan ini menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan di institusi pendidikan dalam menjelaskan kefahaman tentang salah laku seksual dan implikasinya serta peranan masing-masing dalam pengurusan salah laku seksual terutamanya terhadap pelaku dan mangsa. Jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah juga melaksanakan kunjung bantu berkenaan isu seksual dari semasa ke semasa;

- ii. melaksanakan pelbagai program pendidikan, pencegahan dan kesedaran kepada murid bagi mencegah salah laku daripada berulang. Murid perlu melaporkan kes salah laku disiplin kepada guru. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 1983: Mengenakan Hukuman Biasa Terhadap Murid-murid Yang Melakukan Perbuatan Salah Laku Yang Tidak Dinyatakan Dalam Peraturan-peraturan Pelajaran. Dokumen ini jelas menyatakan bahawa hukuman hendaklah dilakukan secara adil, setimpal dengan perbuatan salah laku itu serta bersifat pendidikan;
- iii. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 1995: Tatacara Mengenakan Tindakan dan Hukuman Terhadap Pelajar-pelajar Sekolah. Dokumen ini mengingatkan pengetua, guru besar dan guru supaya tindakan yang diambil hendaklah berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh KPM;
- iv. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4 Tahun 1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman di Sekolah. Dokumen ini menegaskan bahawa pengetua dan guru besar (PGB) adalah pihak yang bertanggungjawab ke atas disiplin dan mempunyai kuasa ke atas guru dan murid; dan
- v. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10 Tahun 2001: Semua Guru Adalah Guru Disiplin. Semua guru hendaklah berfungsi sebagai guru disiplin dan berperanan membimbing murid-murid supaya sentiasa mengamalkan tingkah laku dan disiplin yang baik. Guru hendaklah merekodkan salah laku murid dalam Sistem Sahsiah Diri Murid bagi proses pengurusan disiplin yang lebih baik.

KPM juga ingin menegaskan bahawa usaha ke arah mewujudkan murid yang berdisiplin dan generasi yang berakhlak memerlukan kesedaran dan kerjasama semua pihak di luar sekolah seperti ibu bapa, komuniti, pemimpin masyarakat setempat dan pihak berkepentingan yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB  
(TENGGARA)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MANNDZRI BIN NASIB ( TENGGARA )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang bakal diguna pakai oleh pihak Kementerian dalam pelaksanaan subsidi diesel secara bersasar sebagai usaha mengekang ketirisan dari terus berlaku dan adakah mekanisme yang digunapakai kelak mampu memberi jaminan konkrit bahawa tiada kenaikan harga barangan berlaku dan membebaskan rakyat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi melengkapikan hasrat Ekonomi MADANI, Kerajaan tekad dalam melaksanakan langkah penyasaran semula subsidi diesel bagi menyokong kelestarian ekonomi negara dengan mengurangkan ketirisan akibat aktiviti penyeludupan dan memastikan diesel bersubsidi hanya digunakan oleh sektor yang wajar dibantu seperti sektor perkhidmatan logistik terutamanya sub-sektor perkhidmatan pengangkutan awam darat dan sektor pengangkutan barangan darat.

Bagi mengawal kenaikan harga barangan asas dan kos sara hidup, penyasaran subsidi diesel mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah *fleet card*. Melalui kaedah ini, syarikat pengangkutan yang diluluskan layak untuk membeli diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter. Selain itu, kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti serta ambulans dan bomba sukarela kekal menikmati harga *super subsidy* iaitu RM1.88 seliter. Sektor nelayan pula masih boleh mendapatkan bekalan diesel pada harga RM1.65 seliter.

Serentak dengan pelaksanaan langkah penyasaran subsidi diesel, Kerajaan telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar.

Berdasarkan data perbelanjaan isi rumah daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan dianggar memadai untuk menampung perbelanjaan tambahan untuk sekurang-kurangnya 80% pengguna kenderaan diesel persendirian. Amaun bantuan tunai tersebut dilihat mencukupi untuk membiayai

### SOALAN NO : 33

perubahan harga diesel bagi pengguna yang melakukan perjalanan secara purata sejauh 75 kilometer sehari berdasarkan kadar penggunaan bahan api oleh kebanyakan kenderaan diesel seperti *pickup truck*.

Di samping itu, operasi penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga terus diperkasa dengan pelaksanaan OPS KESAN, OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR. Semua operasi ini adalah bertujuan membendung sebarang usaha negatif untuk menjejaskan kestabilan bekalan barangan dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN  
MOKHTAR (KEMAMAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perancangan terperinci pihak Kementerian terutamanya perkara melibatkan Kerajaan negeri dalam proses menghasilkan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) yang dijangka siap pada tahun 2025.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang melaksanakan Kajian Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) secara berperingkat. Dasar ini bertujuan untuk menyokong pelaksanaan mekanisme pasaran karbon pematuhan dan sukarela di Malaysia bagi memudahkan cara pelaksanaan projek karbon oleh pelabur. Selain itu, DPKK juga dirangka untuk memudahkan pemegang taruh berkaitan seperti kerajaan negeri dan pihak swasta agar industri perdagangan karbon tempatan dapat berkembang.

2. Kementerian ini akan melaksanakan beberapa sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri dan agensi yang terlibat bagi menyelaras inisiatif dan membincangkan serta memperincikan perkara berkaitan DPKK. Sesi ini juga dilaksanakan bagi mendapatkan input dan memahami kepentingan dan keutamaan dari perspektif Kerajaan Negeri di dalam pembangunan DPKK.

3. Perkara ini adalah selaras dengan pendekatan *whole of nation* dalam membangunkan DPKK. Ini kerana pembangunannya melibatkan proses kumulatif seperti pengumpulan input dan analisis maklumat yang terkini di samping penganjuran sesi libat urus yang menyeluruh bagi memastikan setiap entiti yang bertanggungjawab dapat memainkan peranannya dalam memastikan isu perubahan iklim ditangani mengikut bidang kuasa masing-masing. Selain itu, proses ini juga penting agar isu-isu pelaksanaan dapat dikenal pasti di samping memelihara kepentingan pihak-pihak berkaitan.

4. Buat masa ini, pasaran karbon yang aktif di Malaysia adalah pasaran karbon sukarela. Pada tahun 2022, Bursa Malaysia telah menubuhkan *Bursa Carbon Exchange* (BCX) yang merupakan pelantar perdagangan pasaran karbon sukarela patuh syariah yang pertama di dunia. Oleh yang demikian, sebelum DPKK dimuktamadkan, Kerajaan Negeri yang berminat untuk menyertai pasaran karbon boleh menggunakan platform VCM khususnya BCX ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan:**

(a) apakah tindakan diambil Kementerian bagi menggalakkan kecekapan tenaga dalam operasi pusat data yang akan menggunakan 8 peratus tenaga global menjelang 2030 berdasarkan unjuran IEA; dan

(b) adakah margin rizab elektrik dan air kekal stabil bagi menyokong pertambahan pelaburan pusat data ke dalam negara.

**JAWAPAN**

1. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) sentiasa menggalakkan kecekapan tenaga di semua sektor ekonomi selaras dengan Dasar Tenaga Negara (DTN) 2022-2040, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (*National Energy Transition Roadmap* - NETR) dan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (*National Energy Efficiency Action Plan* - NEEAP) 2016-2025.
2. Pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga dan langkah-langkah penjimatan tenaga yang bersepadu untuk sektor industri, komersial dan kediaman terbukti telah berjaya mengurangkan penggunaan tenaga secara keseluruhan. Sehingga Disember 2023, kadar penjimatan tenaga tahunan yang telah dicapai adalah sebanyak 5.9 peratus atau 8,667 Gigawatt jam (GWj) yang bernilai lebih daripada RM2.1 bilion. Manakala penjimatan tenaga kumulatif dalam tempoh pelaksanaan NEEAP sehingga kini adalah sebanyak 39,382 GWj bersamaan dengan RM10.5 bilion.
3. Sejak tahun 2008, pengguna tenaga termasuk operator pusat data yang menggunakan tenaga elektrik bersamaan atau melebihi 3 juta kilowatt jam dalam tempoh 6 bulan berturut-turut adalah tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cekap 2008 (*Efficient Management of Electrical Energy Regulations* – EMEER 2008). Sehingga kini, terdapat 22 buah pusat data yang dikawal selia di bawah EMEER, di mana 20 pusat data terletak di Selangor dan Kuala Lumpur, 1 pusat data di Pulau Pinang dan 1 pusat data di Johor Bahru.
4. Selain itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (*Malaysian Communication and Multimedia Commission* – MCMC) selaku agensi kawal selia berkaitan pusat data sedang membangunkan satu kod teknikal berkenaan spesifikasi pusat data hijau (*green data centres*). Kod ini turut menyentuh tentang keberkesanan penggunaan tenaga (*power usage effectiveness*) bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga di pusat data dan pada masa yang sama mengurangkan pelepasan karbon daripada sub-sektor tersebut.

## SOALAN NO : 35

5. PETRA juga sedang memuktamadkan Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga bagi mengukuhkan kerangka perundangan berkaitan kecekapan tenaga. Apabila akta ini dikuatkuasakan ke atas sektor industri, komersial dan kediaman termasuk pusat data kelak, Kerajaan menjangkakan penjimatan penggunaan tenaga negara sehingga tahun 2050 akan mencapai 2,017 juta *Gigajoule* (GJ) atau bersamaan dengan RM97.1 bilion dengan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 197,877 *kilo tonne* CO<sub>2</sub> (ktCO<sub>2</sub>).

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan unjuran rizab margin bekalan elektrik sentiasa berada sekurang-kurang pada paras minimum iaitu 25% akibat kemasukan pusat data ke dalam negara, Mesyuarat JPPPET pada 24 Mei 2024 telah meluluskan Pelan Pembangunan Bekalan Elektrik Semenanjung 2024-2050 bagi memastikan keterjaminan bekalan elektrik dapat dipenuhi.

7. Sebagai pelan mitigasi segera, Mesyuarat JPPPET juga telah mengenalpasti beberapa buah loji janakuasa akan dilanjutkan tempoh operasinya bagi memastikan keterjaminan bekalan elektrik akibat kemasukan pusat data tersebut.

8. Bagi jangka masa panjang, tambahan kapasiti penjanaan baharu sebanyak 700MW pada tahun 2030 dan sebanyak 2.8GW di antara tahun 2031-2034 telah dirancang dalam Pelan Pembangunan Bekalan Elektrik Semenanjung 2024-2050.

9. Manakala margin rizab air, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah mengesyorkan rizab margin yang selesa adalah antara 10% hingga 15%. Pada tahun 2023, purata rizab margin air terawat bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah 14.7%. Berdasarkan kepada rekod ini, rizab margin bagi bekalan air terawat adalah kekal stabil bagi menyokong pertambahan pelaburan pusat data ke dalam Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN  
(KUBANG KERIAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah Kementerian untuk mendapatkan bantuan kewangan untuk menangani impak perubahan iklim (*climate financing*) daripada negara-negara maju serta menuntut mereka mempercepatkan pengurangan pelepasan gas rumah hijau.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa Persidangan Parti Ke-15 (COP15) *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) di Copenhagen pada tahun 2009, negara maju telah bersetuju dan komited untuk menggerakkan USD 100 bilion setahun menjelang 2020 untuk kegunaan negara-negara membangun, bagi melaksanakan tindakan dalam menangani agenda perubahan iklim.
2. Melalui laporan yang dikeluarkan oleh pihak *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) pada 29 Mei 2024 yang lalu, negara-negara maju telah menyumbang pembiayaan iklim sebanyak USD 115.9 bilion untuk negara membangun pada tahun 2022, melebihi matlamat tahunan USD100 bilion setahun.
3. Malaysia yang merupakan negara parti kepada konvensyen pelbagai hala berkaitan alam sekitar iaitu UNFCCC, *United Nations Convention on Biological Diversity* (UNCBD), dan *United Nations Convention to Combat Desertification* (UNCCD) adalah layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan bawah dana antarabangsa hasil daripada sumbangan ini, antaranya *Global Environment Facility* (GEF) dan *Green Climate Fund* (GCF).
4. Sejak Malaysia menyertai GEF pada tahun 1994, sebanyak 21 buah projek di peringkat nasional telah dilaksanakan dengan jumlah pembiayaan sebanyak USD 76.951 juta. Selain itu, Malaysia juga turut terlibat dalam lima (5) buah projek serantau dengan pembiayaan berjumlah USD 30.35 juta.
5. Kini, GEF kitaran ke-8 telah bermula bagi tempoh empat (4) tahun bermula Julai 2022 hingga Jun 2026. Peruntukan indikatif yang telah ditetapkan untuk Malaysia adalah sebanyak USD 26.32 juta bagi bidang fokus perubahan iklim, biodiversiti dan kemerosotan tanah. Peruntukan yang diterima bagi GEF kitaran ke-8 telah meningkat sebanyak 25% berbanding GEF kitaran ke-7.

## SOALAN NO : 36

6. Selain itu, Malaysia sebagai negara parti kepada Perjanjian Paris turut layak untuk menerima pembiayaan di bawah *Green Climate Fund* (GCF) bagi melaksanakan tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim. Sehingga kini, Kementerian telah melaksanakan empat (4) projek GCF di peringkat nasional dengan jumlah pembiayaan USD 1.398 juta dan turut terlibat dalam satu (1) projek serantau dengan pembiayaan berjumlah USD 300 juta.

7. Selain itu, Kementerian telah mengemukakan permohonan dana kepada GCF bagi pembangunan Pelan Tindakan Adaptasi Kebangsaan (*National Adaptation Plan* - NAP). Kementerian turut sedang mengenalpasti projek-projek lain yang berpotensi supaya akses kepada dana GCF ini dapat diperluaskan dalam skala yang lebih besar.

8. YAB Perdana Menteri semasa menyampaikan Kenyataan Negara di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 di New York pada 22 September 2023, telah menggesa negara-negara maju untuk memenuhi komitmen untuk menyumbang AS\$100 bilion setahun bagi menyokong usaha-usaha menangani perubahan iklim oleh negara-negara membangun.

9. Semasa saya menyampaikan Kenyataan Negara di Persidangan Negara Ahli ke-28 UNFCCC pada 9 November 2023, Malaysia turut menyatakan pendirian yang yang sama dan telah memberikan penekanan agar pelaksanaan pengoperasian pembiayaan global bagi perubahan iklim perlu diuruskan secara telus dan semua negara layak mengakses dana tersebut secara sama rata. Malaysia juga bersedia untuk meningkatkan pelaksanaan tindakan iklim yang lebih bercita-cita tinggi sekiranya lebih banyak peluang pembiayaan, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti disalurkan kepada Negara.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status permohonan bina baru blok bangunan asrama lelaki SMA Maahad Nurul Fadzhiah di Kampung Kelimat Sungai Siput (U) yang tidak selamat diduduki berdasarkan laporan pemeriksaan dan status keselamatan oleh jurutera JKR Daerah Sungai Siput.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

SMA Maahad Nurul Fadzliah di Kampung Kelimat Sungai Siput (U) telah berdaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) pada 13 April 2005. Memorandum persefahaman (MoU) yang telah dimeterai antara Jemaah Pengurusan Sekolah Menengah Agama Ma'ahad Nurul Fadzliah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjelaskan bahawa:

*“Perkara VII: Tapak dan bangunan sekolah agama kekal di bawah hak milik tuan punya tanah atau Jemaah Pengurusan dan tidak, dengan apa-apa cara jua, boleh terletak hak kepada kerajaan.”*

Sehubungan dengan itu, pembangunan infrastruktur sekolah adalah bawah tanggungjawab pihak Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) memandangkan tanah SMA Maahad Nurul Fadzliah adalah hak milik LPS tersebut.

Walau bagaimanapun, sebagai tindakan proaktif, KPM telah menyalurkan sumbangan bantuan berjumlah RM66,600.00 pada 31 Mei 2024 bagi menyelenggara blok asrama lelaki tersebut.

KPM sentiasa komited dalam menyediakan prasarana dan infrastruktur pendidikan yang terbaik, selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [ BUKIT  
GANTANG ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status tender  
pembinaan sekolah pendidikan khas di Simpang, Parlimen Bukit Gantang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek Pembinaan Kompleks Pendidikan Khas Taiping yang mengandungi Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas 18 bilik darjah berserta kelengkapan perabut dan peralatan dan lain-lain kemudahan di Mukim Simpang, Taiping, Perak telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas RMKe-12 Rolling *Plan 2* (RP2) Tahun 2022.

Projek ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia secara perunding utama. Lantikan perunding utama telah dibuat pada 27 Disember 2023 dan kini berada pada fasa rekabentuk akhir projek. Kerja ukur serta siasatan tanah bagi projek ini juga telah dilaksanakan dan mendapati keadaan material tanah adalah sangat lembut iaitu tanah liat yang lembut di sertai dengan kayu terurai dan turut mengandungi pasir yang sangat longgar (*very soft clay with decayed wood and very loose sand*). Sehubungan itu, projek ini memerlukan tambahan kepada skop kerja tanah melibatkan rawatan dan penambakan di tapak projek. Keperluan tambahan skop ini juga menyebabkan berlakunya peningkatan kepada kos projek yang memerlukan permohonan Notis Perubahan (NOC).

Perubahan kerja yang berlaku ini menyebabkan pihak JKR perlu menilai dan memproses semula dokumen, perancangan dan rekabentuk serta menyelaras keperluan pengurusan nilai projek. Sehingga 15 Jun 2024, pihak JKR telah menetapkan pelaksanaan Makmal Kejuruteraan Nilai adalah pada 6-8 Ogos 2024. Projek ini dijangka akan ditender pada Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah-langkah penambaan polisi tenaga boleh baharu (TBB) :

(a) apakah status penyediaan draf rang undang-undang *third party access* (TPA) bekalan elektrik; dan

(b) adakah Kementerian ada rancangan untuk menambah baik polisi untuk *sell-consumption* (SELCO) dan solar-atas-bumbung (kelulusan secara berpukal) untuk projek perumahan baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam usaha untuk menyediakan kerangka pelaksanaan akses pihak ketiga atau *third party access* (TPA) untuk bekalan elektrik hijau, yang akan membolehkan syarikat korporat yang memerlukan bekalan elektrik hijau mendapatkannya secara terus daripada pemaju/penjana elektrik TBB dengan menggunakan sistem rangkaian pembekalan elektrik syarikat utiliti. Kerajaan akan mengenakan caj rangkaian yang ditetapkan setimpal dengan kos sebenar untuk pengoperasian dan kawal selia TPA. Kerangka pelaksanaan ini dijangka diumumkan pada Julai dan mula dilaksanakan pada September 2024.

2. Mengenai sama ada Kementerian bercadang untuk menambah baik dasar program self-consumption (SelCo) dan pelaksanaan solar atas bumbung bagi membolehkan kelulusan secara berpukal untuk projek perumahan baru, perkara ini sedang dilakukan bersekali dengan proses menambah baik dasar, kerangka pelaksanaan dan kawal selia semua inisiatif TBB yang dilaksanakan Kementerian ini. Penambahbaikan secara berterusan ini penting bagi memastikan keberkesanan dan daya maju program berkenaan selaras dengan perkembangan teknologi terkini dan permintaan pengguna semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN  
[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk membina sekolah di Bandar Padang Serai memandangkan banyak kawasan perumahan baru yang sedang dibangunkan, menyebabkan sekolah yang sedia ada sudah tidak mampu menampung pelajar-pelajar baharu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepadatan murid di sekolah-sekolah KPM di seluruh Malaysia adalah dalam perhatian KPM. Sehubungan itu, KPM telah mengambil langkah yang proaktif untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi menangani masalah kepadatan murid di sekolah. Antara langkah dan usaha yang diambil oleh pihak KPM bagi mengatasi masalah tersebut adalah melalui penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada serta pembinaan sekolah baharu berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak.

Untuk makluman, KPM telah diluluskan projek pembinaan bangunan tambahan 10 bilik darjah di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Serai, 12 bilik darjah Sekolah Kebangsaan Taman Ria dan 10 bilik darjah Sekolah Menengah Kebangsaan Lunas dalam RMKe-12 RP4 Tahun 2024.

KPM juga telah mengemukakan permohonan pembinaan bangunan tambahan di Sekolah Kebangsaan Tunku Abdul Malik dalam RMKe-12 RP5 Tahun 2025. Kelulusan dan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada agensi pusat, keutamaan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

KPM yakin dengan usaha yang sedang dan akan dilaksanakan dapat memenuhi keperluan kemudahan pendidikan di Bandar Padang Serai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL A/L KARPAL SINGH  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Akta Hasutan 1948, Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2012 (SOSMA) dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 akan dimansuhkan ataupun sekurang-kurangnya dipinda bagi tujuan penambahbaikan. Sekiranya ya, nyatakan pindaan-pindaan yang dicadangkan tersebut. Sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam sentiasa komited dalam mengkaji dan menambahbaik semua undang-undang di bawah kawal selia Kementerian ini termasuk undang-undang melibatkan kesalahan keselamatan. Kementerian akan terus menyokong reformasi negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Bagi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Jemaah Menteri telah bersetuju secara dasar supaya Akta tersebut ditambahbaik. Hasil libat urus yang telah dilaksanakan bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan, antara penambahbaikan yang dicadangkan adalah melibatkan beberapa pindaan peruntukan sedia ada dan juga cadangan mewujudkan peruntukan baharu. Perkara tersebut sedang diperhalusi di peringkat Kementerian dan akan dibentangkan ke Jemaah Menteri untuk persetujuan dalam masa terdekat.

Bagi Akta Hasutan 1948 pula, Jemaah Menteri telah bersetuju secara dasar supaya satu kajian dilaksanakan bagi menambah baik akta yang boleh menangani isu melibatkan 3R.

Kajian ini akan melibatkan semua pemegang taruh dan pihak berkepentingan berkaitan supaya tiada pertindihan dengan perundangan lain selain memastikan kuasa lebih efektif kepada polis serta tanpa mengabaikan elemen keseimbangan hak asasi manusia.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi SOSMA pula, mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang juga Yang Berhormat Bukit Gelugor telah menyelaraskan beberapa sesi libat urus secara holistik bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan

## SOALAN NO: 41

seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara Malaysia, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Badan Peguam berkaitan isu ini pada tahun 2023. Usai sesi libat urus tersebut, beberapa syor pindaan telah dikemukakan kepada KDN. Justeru, KDN ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha tersebut.

Walau bagaimanapun, atas sifat bahawa setiap undang-undang adalah dinamik, semakan dan kajian akan dilaksanakan secara berterusan bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam memastikan sesuatu perundangan itu kekal relevan. Justeru, sebarang cadangan penambahbaikan sentiasa akan diperhalusi dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan seterusnya Kementerian bagi memastikan projek pembinaan SK Abang Leman Kabong siap sepenuhnya mengikut tempoh pembinaan yang telah ditetapkan memandangkan setakat bulan Jun 2024 tiada kerja-kerja fizikal dilakukan di tapak pembinaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* 1 (RMKe-11, RP1) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diluluskan projek Pembinaan Gantian Penuh Sekolah Kebangsaan Abang Leman, Saratok, Sarawak dengan kos projek sebanyak RM51.41 juta dan dibina di atas tapak yang sama. Pelaksanaan projek ini dibahagikan kepada 2 fasa iaitu fasa 1 melibatkan pembinaan bangunan asrama perempuan dan lelaki, dewan makan dan rumah warden dan telah siap sepenuhnya pada 11 Ogos 2023.

Manakala bagi fasa 2 pula melibatkan pembinaan blok pentadbiran, kuarters guru, kantin, tadika dan pondok pengawal. Bagi tujuan pembinaan fasa 2, pihak sekolah perlu mengosongkan bangunan sedia ada di tapak fasa 2 untuk membolehkan pihak kontraktor memulakan pembinaan tersebut. Oleh itu, terdapat skop kerja tambahan yang perlu dilaksanakan sebelum pihak sekolah dapat membuat penyuraian murid di tapak fasa 2. Keperluan skop kerja tambahan tersebut dan juga kenaikan harga bahan binaan telah menyebabkan tambahan kos kepada projek. Justeru, permohonan *Notice of Change* (NOC) peningkatan kos telah diangkat kepada Kementerian Ekonomi pada 29 April 2024 bagi membolehkan pelaksanaan kerja-kerja Fasa 2 dan penyiapan projek dilaksanakan. Tarikh jangkaan mula kerja-kerja Fasa 2 adalah pada 17 Ogos 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan purata suhu di Semenanjung Malaysia sekarang berbanding dengan 50 tahun yang lalu. Apakah sebab-sebab yang mengakibatkan perubahan tersebut, jika ada.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Laporan Fourth National Communication (NC4) yang diterbitkan pada 2 Mei 2024, terdapat tren peningkatan suhu bagi Semenanjung Malaysia dalam tempoh 50 tahun yang lalu. Berdasarkan rekod dari tahun 1969-2019, purata suhu permukaan bagi Semenanjung Malaysia telah menunjukkan peningkatan sebanyak  $0.24^{\circ}\text{C}$  per dekad. Berdasarkan kepada rekod juga, purata suhu bulanan di Semenanjung Malaysia pada bulan Mei 2024 adalah  $28.8^{\circ}\text{C}$  manakala purata suhu bulanan pada bulan Mei 1974 iaitu 50 tahun yang lalu adalah  $26.6^{\circ}\text{C}$ .

2. Peningkatan suhu ini adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor iaitu faktor semulajadi dan kesan daripada aktiviti manusia. Faktor semulajadi adalah seperti perubahan iklim global dan perubahan pola cuaca. Peningkatan pelepasan gas rumah kaca di atmosfera secara global menyebabkan perubahan iklim yang memberi kesan terhadap peningkatan suhu global dan impaknya dapat juga dirasakan di Semenanjung Malaysia.

3. Manakala, perubahan pola cuaca seperti perubahan hujan dan musim pula boleh mempengaruhi suhu tempatan. Selain daripada itu, aktiviti manusia seperti penebangan hutan, aktiviti pertanian dan pembangunan infrastruktur turut menyebabkan hilangnya kesan penyejukan semulajadi, mengubah aliran air semulajadi dan iklim tempatan yang turut menyumbang kepada peningkatan suhu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED  
@ HASHIM (KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM ( KUALA TERENGGANU )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi kepada kenaikan hutang Kerajaan Persekutuan RM64 bilion dalam tempoh 4 bulan bermula Januari 2024 sehingga April 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi tempoh Januari hingga April 2024, hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat sebanyak RM50 bilion dan mencatatkan RM1,222.5 bilion pada akhir April 2024, berbanding RM1,172.5 bilion pada akhir 2023. Bagi tempoh Januari hingga April 2024, Kerajaan telah membuat pinjaman kasar berjumlah RM70.5 bilion meliputi terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM30 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (RM34.5 bilion) dan bil Perbendaharaan (RM6 bilion). Terimaan pinjaman ini digunakan untuk membayar hutang yang matang sebanyak RM20.6 bilion dan baki RM49.9 bilion untuk menampung defisit dalam tempoh tersebut serta hutang yang akan matang.

Secara amnya, peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan saban tahun adalah berikutan keperluan Kerajaan membuat pinjaman bagi membiayai defisit fiskal iaitu untuk menampung perbelanjaan pembangunan (DE). Pinjaman ini akan meningkatkan paras hutang Kerajaan selagi mana kedudukan kewangan Kerajaan mengalami defisit. DE penting kerana ia merupakan pelaburan awam (*public investment*) yang mempunyai kesan pengganda besar dan berimpak tinggi dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan Persekutuan komited untuk mengekalkan trajektori konsolidasi fiskal dengan defisit pada 2023 mencatat pengurangan kepada 5.0% KDNK iaitu sebanyak RM91.4 bilion berbanding 5.6% pada 2022 atau RM99.5 bilion. Seterusnya, defisit fiskal pada 2024 diunjur untuk terus berkurang kepada 4.3% KDNK iaitu RM85.4 bilion. Usaha ini mampu untuk menambah baik kedudukan kewangan awam seterusnya mengurangkan beban hutang dalam jangka sederhana dan panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG ZHEMIN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian memberi kelonggaran kepada sekolah yang ingin melaksanakan DLP dalam Sains dan Matematik sepenuhnya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan *Dual Language Programme* (DLP) di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). DLP merupakan salah satu program pengukuhan bahasa Inggeris dan bukan satu dasar seperti dasar MBMMBI dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah yang melaksanakan Program DLP perlu memastikan peluang turut disediakan kepada murid untuk mengikuti matapelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Ibunda masing masing. Pihak sekolah hendaklah memastikan terdapat sekurang-kurangnya satu kelas di setiap Tahun/Tingkatan yang melaksanakan PdP dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan/bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar bermula dengan Tahun 1 dan Tingkatan 1 untuk sesi persekolahan baharu mulai tahun 2024/2025.

Pelaksanaan Program DLP adalah tertakluk kepada garis panduan yang telah ditetapkan, yang mana prestasi dalam Bahasa Melayu adalah penting bagi memastikan pelaksanaan DLP selaras dengan perundangan sedia ada dan dasar pendidikan kebangsaan iaitu Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996. Kriteria prestasi dalam bahasa Melayu juga bertujuan memastikan murid sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan memperkukuh bahasa Inggeris selaras dengan dasar MBMMBI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN  
AHMAD KAMAL (MACHANG)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL (MACHANG )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- a) perincian berhubung kedudukan terkini kewangan negara termasuk hutang dan liabiliti negara yang dilaporkan meningkat kepada RM1.567 trilion pada suku pertama 2024 dari RM1.399 trilion pada akhir tahun 2022; dan
- b) serta hutang langsung Kerajaan yang meningkat dari RM1,079.6 bilion pada akhir tahun 2022 ke RM1,209.6 bilion pada akhir suku pertama 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hutang Kerajaan Persekutuan mencatat RM1,209.2 bilion pada tempoh yang sama, berbanding RM1,079.6 bilion pada akhir 2022. Liabiliti Kerajaan Persekutuan pula merangkumi komitmen jaminan berjumlah RM225.9 bilion dan liabiliti lain berjumlah RM140.8 bilion. Ini menjadikan keseluruhan pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan pada akhir Mac 2024 berjumlah RM1,575.9 bilion, berbanding RM1,445.9 bilion pada akhir 2022.

Peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan adalah disebabkan oleh keperluan Kerajaan untuk membiayai defisit fiskal bagi menampung perbelanjaan pembangunan (DE). Pembiayaan ini secara langsung akan meningkatkan paras hutang Kerajaan selagi mana kedudukan kewangan Kerajaan mengalami defisit. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan hutang telah menunjukkan trend pengurangan jika dinilai secara tahunan. Kadar peningkatan hutang untuk tahun 2023 telah berkurang kepada 8.6% berbanding 10.2% pada 2022. Kadar ini dijangka terus berkurang kepada sekitar 7% untuk tahun 2024.

Trend ini disokong oleh komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan untuk mengekalkan trajektori konsolidasi fiskal dengan defisit pada 2023 mencatat pengurangan kepada 5.0% KDNK iaitu sebanyak RM91.4 bilion berbanding 5.6% pada 2022 atau RM99.5 bilion. Seterusnya, defisit fiskal pada 2024 diunjur untuk terus berkurang kepada 4.3% KDNK iaitu RM85.4 bilion. Usaha ini mampu untuk menambah baik kedudukan kewangan awam seterusnya mengurangkan beban hutang dalam jangka sederhana dan panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB [ TENGGARA ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan bagi jangka masa pendek dan panjang yang direncana oleh pihak Kerajaan terhadap tempat-tempat yang dikategorikan sebagai kawasan 'pasti banjir'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merancang penyelesaian jangka pendek dan panjang untuk kawasan pasti banjir atau juga dikenali sebagai *hotspot* di seluruh negara. JPS telah mengenalpasti sebanyak 5648 lokasi *hotspot* banjir di seluruh negara.

2. Bagi penyelesaian jangka pendek, Kementerian melalui JPS telah membuat persediaan kesiapsiagaan seperti berikut untuk mengurangkan risiko banjir kepada penduduk di kawasan *hotspot* banjir seluruh negara:

- i. Bilik Kawalan Operasi Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) diaktifkan untuk beroperasi 24 jam dalam menghasilkan ramalan kejadian banjir 7 hari ke hadapan dan memberi hebahan seawal 2 hari selepas mendapat ramalan cuaca dari MET Malaysia kepada agensi berkaitan pengurusan bencana banjir untuk dihebahkan kepada orang awam;
- ii. Membuat penyelarasan bersama pihak Berkuasa Negeri bagi menetapkan SOP pelepasan air empangan untuk meningkatkan keupayaan takungan banjir empangan semasa Monsun Timur Laut (MTL);
- iii. Sebanyak 737 unit pam bergerak pelbagai kapasiti sedia ditempatkan di semua lokasi *hotspot* banjir seluruh negara dan operator-operator pam di semua negeri telah dikenalpasti untuk bersedia dipanggil bertugas serta merta jika perlu;
- iv. Sebanyak 1342 Stesen Hidrologi Telemetri dipantau untuk mendapatkan data-data hujan dan aras air semasa;
- v. Memastikan 534 Siren Amaran Banjir yang dipasang di sungai-sungai utama dapat berfungsi dengan baik;
- vi. 162 Kamera/ CCTV dipasang bagi memantau kenaikan aras air sungai semasa; dan
- vii. Semua saluran komunikasi antara Pengarah-Pengarah JPS Negeri, Jurutera-jurutera Daerah serta Pegawai Hidrologi Negeri

## SOALAN NO : 47

di peringkat daerah/ negeri/ pusat telah diaktifkan untuk kesiapsiagaan MTL.

3. Bagi penyelesaian jangka panjang, Kementerian turut menyediakan pelan induk tebatan banjir mengikut lembangan sungai utama di seluruh Malaysia bertujuan untuk menyediakan perancangan dan penyelesaian banjir secara menyeluruh. Sehingga tahun 2024, sebanyak 49 pelan induk tebatan banjir telah disiapkan dan tujuh (7) pelan pula sedang dibangunkan. Manakala tiga (3) lagi dirancang untuk mula dibangunkan seawal Disember 2024.

4. Selain itu, bagi pendekatan struktur JPS juga telah menyiapkan sebanyak 18 projek tebatan banjir di bawah RMKe-12 melibatkan kos sebanyak RM982.8 juta. Sebanyak 105 projek pula sedang dalam pembinaan di seluruh negara melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM19.4 bilion. Dalam Rolling Plan 5 RMKe-12, JPS telah memohon sebanyak 12 projek baharu tebatan banjir melibatkan kos sebanyak RM4.2 bilion dan sedang dalam pertimbangan pihak Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. SUHAILI ABDUL RAHMAN  
[ LABUAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) berapa banyak kes pembantu rumah yang dilaporkan didera majikan telah diambil tindakan undang-undang; dan

(b) berapa banyak pembantu rumah yang lari tanpa sebab dan majikan telah membuat laporan polis yang dapat diselesaikan sepanjang tempoh Januari 2023 sehingga Mei 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui agensi-agensi di bawahnya seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) tidak akan sesekali berkompromi dengan mana-mana pihak terlibat dengan kes penderaan pembantu rumah sebaliknya berikrar akan mengambil tindakan tegas secara telus dan adil. Pada tahun 2024, sebanyak 12 kes Pembantu Rumah Asing (PRA) dilaporkan didera majikan telah diambil tindakan undang-undang. Sebanyak 16 tangkapan dan 17 mangsa berjaya diselamatkan di bawah Seksyen 44 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670).

Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), sejak Januari 2023 hingga Mei 2023, seramai 735 orang Pembantu Rumah Asing (PRA) telah melarikan diri tanpa sebab telah dibuat laporan polis.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan pendaftaran persatuan-persatuan penganut rumah ibadat bukan Islam sehingga bulan Mei 2024, jumlah permohonan yang telah diluluskan dan sebab-sebab kelewatan kelulusan permohonan yang lain.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab untuk mendaftarkan persatuan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO), politik dan faedah bersama di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 832). Terdapat sebelas kategori utama pertubuhan dan antaranya adalah pertubuhan kategori keagamaan.

Sehingga 31 Mei 2024, jumlah keseluruhan permohonan pendaftaran yang diterima JPPM bagi pertubuhan keagamaan adalah berjumlah **12,296**. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar permohonan telah diberikan keputusan sewajarnya manakala **193** atau 1.6 peratus lagi permohonan masih dalam tindakan Jabatan ini. Berdasarkan rekod, JPPM

## SOALAN NO: 49

telah mendaftarkan sebanyak **5,890** pertubuhan kategori keagamaan.

JPPM sebagai sebuah badan yang mengawal selia pertubuhan berdaftar telah menguatkuasakan pengesahan tapisan keselamatan dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan tapisan kebankrapan melalui Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) ke atas setiap ahli jawatankuasa penaja (protem) bagi mana-mana pertubuhan yang dikehendaki termasuk di bawah kategori keagamaan.

Penetapan ini merupakan salah satu asas penilaian yang perlu diteliti secara berhati-hati dalam mempertimbang dan meluluskan sesuatu permohonan pendaftaran tersebut termasuk membuat semakan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekiranya perlu. Oleh yang demikian, proses permohonan pendaftaran sesuatu pertubuhan yang lengkap perlu mengambil kira tempoh untuk mendapatkan maklum balas atau ulasan dari Jabatan/Agensi yang berkaitan sebelum sesuatu keputusan dikeluarkan.

Langkah-langkah ini merupakan usaha Kerajaan bagi memastikan pendaftaran sesebuah pertubuhan adalah teratur dan memenuhi kehendak Akta Pertubuhan 1966 serta sebagai kawalan ke atas pertubuhan yang berisiko yang boleh mengancam keamanan, keselamatan, dan ketenteraman awam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM  
[ ARAU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ ARAU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil Kementerian dalam menangani masalah 86 buah sekolah yang direkodkan KPM sebagai sekolah padat bagi memastikan pembelajaran pelajar terus kondusif.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik dan kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Isu kepadatan di sekolah adalah dalam perhatian KPM. Antara langkah jangka pendek yang dirancang dalam menangani kepadatan sesebuah sekolah adalah melalui penyuraian murid ke sekolah berhampiran, penggabungan kelas dan penyewaan kabin sebagai alternatif tambahan bilik darjah tertakluk kepada kesediaan tapak sekolah.

KPM turut melaksanakan intervensi awal dengan PPD dan JPN bagi memberi bimbingan kepada pihak sekolah dalam melaksanakan setiap langkah jangka pendek yang dinyatakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan intervensi tersebut telah dibuat oleh pihak KPM untuk menangani isu kepadatan bagi 86 buah sekolah yang terlibat. Daripada jumlah tersebut, terdapat 19 buah sekolah menengah dan 67 buah sekolah rendah yang mempunyai bilangan murid 45 dan ke atas dalam satu kelas.

Intervensi secara berfokus dan berperingkat akan dilaksanakan bersama-sama *task force* yang diwujudkan bersama-sama pegawai JPN dan PPD terbabit. Melalui *task force* ini, semua cadangan penyelesaian akan dibentangkan oleh JPN yang terlibat untuk dibincangkan supaya langkah penyelesaian yang paling sesuai mengikut situasi dan lokaliti dapat ditentukan untuk dilaksanakan. KPM sentiasa memantau setiap intervensi yang dilaksanakan oleh JPN dan membantu dalam penyelesaian isu ini terutamanya dalam aspek berkaitan dengan dasar serta keperluan infrastruktur.

## SOALAN NO : 50

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah dan usaha jangka panjang yang diambil oleh pihak KPM bagi mengatasi masalah kepadatan adalah melalui penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada serta pembinaan sekolah baharu berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak.

Isu kepadatan sesebuah sekolah adalah bersifat dinamik di mana bergantung kepada jumlah enrolmen murid yang dijana daripada populasi dalam sesebuah pembangunan sesebuah kawasan perumahan dan perkembangan kegiatan ekonomi setempat. Oleh itu, setiap penyelesaian dalam menangani kepadatan sekolah adalah berbeza mengikut *case by case*.

KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri akan melaksanakan analisis keperluan pembinaan sekolah baharu secara terperinci. Antara perkara yang diambil kira adalah bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk (*catchment area*) serta perancangan pembangunan kawasan tersebut berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT).

KPM akan mengemukakan permohonan mengenai cadangan pembinaan bilik darjah tambahan dan pembinaan sekolah baharu dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Namun demikian, kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

KPM yakin dengan langkah jangka pendek dan panjang yang akan dan telah dilaksanakan oleh KPM dapat mengurangkan kepadatan sekolah di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memasang mesin pengimbas pasport automatik di semua lapangan terbang antarabangsa bagi melancar dan memudahkan kemasukan pelancong asing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa memberi keutamaan dalam menguruskan kelancaran operasi bagi memudahcara dan melancarkan kemasukan pelancong asing ke negara ini terutamanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Utama negara.

Semua Lapangan Terbang Antarabangsa di Malaysia telah dilengkapi dengan mesin pengimbas pasport automatik kecuali di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor.

Langkah ini bukan sahaja akan melancarkan proses kemasukan pelancong asing, tetapi juga akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan pengurusan imigresen di lapangan terbang. Pelaksanaan mesin pengimbas pasport automatik adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang lebih mesra dan kompetitif di peringkat antarabangsa.

Kementerian sedang dalam tindakan bagi menambah bilangan mesin pengimbas pasport automatik bagi memenuhi keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RADZI JIDIN (PUTRAJAYA)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. RADZI JIDIN ( PUTRAJAYA )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan yang telah dibelanjakan bagi tahun 2023 serta bagi bulan Januari hingga Jun 2024 melalui perolehan yang dibuat melalui kaedah selain daripada tender terbuka bagi setiap Kementerian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Semua perolehan Kerajaan yang dilaksanakan di setiap kementerian haruslah memenuhi 5 prinsip iaitu akauntabiliti awam, diurus secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Kerajaan akan sentiasa mengemaskini peraturan sedia ada bagi meningkatkan tahap tadbir urus (*governance*) dalam urusan perolehan Kerajaan.

Melalui Pekeliling Perbendaharaan PK2.4: Rundingan Terus, pelaksanaan bagi perolehan selain daripada tender terbuka bagi setiap Kementerian dan agensi boleh dilaksanakan berdasarkan 5 kriteria berikut:

- a) Kesegeraan demi kepentingan awam;
- b) Bagi maksud penyeragaman;
- c) Satu punca bekalan/perkhidmatan;
- d) Melibatkan keselamatan/strategik; dan
- e) Kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera.

Untuk makluman dewan yang mulia, maklumat petender yang berjaya perlu dimuat naik oleh setiap kementerian dan agensi melalui Portal MyProcurement sepertimana yang ditetapkan melalui perenggan 23 Pekeliling Perbendaharaan PK2.2: Tender Terbuka yang boleh diakses oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SUHAIMI BIN NASIR [ LIBARAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan bangunan asrama di SMK Libaran, Sandakan dan cadangan pembinaan SMK Gum-Gum 2, Sandakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diluluskan Projek Membina Bangunan Baru Asrama 1 Tingkat, Dewan Makan, Rumah Warden dan Lain-Lain Kemudahan di SMK Libaran, Sandakan, Sabah dalam *Rolling Plan* 1 tahun 2021, RMKe-12. Asrama ini dibina bagi menempatkan 100 murid lelaki dan 100 murid perempuan. Status terkini projek adalah dalam proses mendapatkan kelulusan Pelan Pembangunan daripada Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) sejak 21 Ogos 2023. Masih terdapat sokongan daripada beberapa agensi teknikal di peringkat daerah yang diperlukan sebelum kelulusan dikeluarkan oleh MPS. Perolehan projek ini dijangka akan dilaksanakan pada November 2024 tertakluk kepada kelulusan daripada MPS.

Seterusnya KPM telah diluluskan projek Pembinaan Sekolah Baharu SMK Gumgum II Yang Mengandungi 18 BD, 200 Asrama Pelajar dan Lain-Lain Kemudahan di Daerah Sandakan, Sabah dalam RMKe-11 *Rolling Plan* 1 tahun 2016. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah secara kaedah Konvensional Perunding.

Kelewatan pelaksanaan projek adalah disebabkan pertukaran tapak cadangan sekolah kerana mendapat bantahan daripada penduduk kampung. Sesi libat urus telah dilaksanakan oleh KPM dan telah mendapatkan tapak baharu yang lain. Isu berkaitan tapak telah selesai apabila KPM telah mendapat surat Kebenaran Masuk Tapak (KMT) bagi tapak baharu daripada Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah. Justeru, pihak JKR Sabah telah meneruskan semula projek selepas KMT diperoleh.

Lanjutan itu, skop bagi projek ini telah dimuktamadkan semula bagi memenuhi keperluan semasa KPM. Projek ini dijangka untuk ditender pada Oktober 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
(LARUT)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN ( LARUT )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional aset strategik negara iaitu pengurusan lapangan terbang Malaysia di bawah MAHB dijual sahamnya kepada pihak asing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) ini merupakan satu urusan transaksi komersial yang dikemukakan oleh sebuah konsortium yang diterajui oleh dua (2) pemegang saham sedia ada MAHB ketika ini iaitu Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Konsortium tersebut beranggapan bahawa wujudnya satu keperluan yang mendesak bagi melaksanakan pembaharuan dan transformasi operasi MAHB dengan kadar segera, melihatkan kepada beberapa statistik seperti berikut :

- a) Sebelum pandemik melanda, kemasukan pelancong ke Malaysia (tidak termasuk mereka yang melakukan perjalanan harian) dalam tempoh 10 tahun hanya berkembang pada kadar 1% setahun berbanding negara-negara jiran serantau pada kadar 8% setahun.
- b) Bagi segmen penerbangan jarak jauh, Malaysia hanya menawarkan 22 laluan pada tahun 2023, berbanding 40 laluan yang ditawarkan Singapura dan 55 laluan yang ditawarkan Thailand.
- c) Dari segi pelaburan pula, MAHB hanya membelanjakan RM1.4 bilion dalam tempoh 5 tahun yang lalu berbanding RM6.6 bilion oleh Thailand dan RM12 bilion oleh Indonesia.

Seandainya tawaran tersebut diterima dan dipersetujui oleh para pemegang saham MAHB yang lain, pemilikan MAHB oleh konsortium berkenaan adalah berdasarkan pecahan yang berikut :

- a) Khazanah - 40%;
- b) KWSP - 30%; dan

## SOALAN NO : 54

- c) Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Global Infrastructure Partners (GIP) – 30%

Ini bermakna pegangan Khazanah dan KWSP akan meningkat daripada 41% kepada 70%. Konsortium ini akan diterajui oleh para pelabur Malaysia.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa pegangan saham oleh pelabur asing dalam MAHB bukanlah perkara yang baharu, di mana pada ketika ini ia berada di paras 27%. Bahkan pada satu ketika, pemilikan saham oleh pelabur asing dalam MAHB pernah meningkat kepada 45% pada tahun 2018.

Di samping itu, kesemua lapangan terbang di bawah MAHB akan kekal sebagai aset strategik negara yang dimiliki oleh Kerajaan, seperti mana yang digariskan di bawah Perjanjian Operasi yang telah ditandatangani.

Malah, seandainya tawaran pengambilalihan ini dipersetujui, kepentingan negara akan terus dilindungi menerusi pemilikan majoriti 70% pegangan oleh pelabur Malaysia di bawah Konsortium ini dan pegangan saham khas oleh Kerajaan yang akan terus dikekalkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN (BANGI)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk menambah baik prosedur tuntutan harta pusaka kecil :

- (a) usaha Kementerian dalam menyelesaikan kes-kes tuntutan pembahagian harta pusaka yang masih tertunggak; dan
- (b) statistik kes tertunggak mengikut tahun didaftarkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jawapan (a)**

Sebagai langkah menambahbaik prosedur tuntutan harta pusaka kecil, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) telah membangunkan Sistem MyLAND bagi menggantikan Sistem MyeTAPP sebagai tunjang utama urusan pembahagian harta pusaka kecil di Malaysia. Modul Pembahagian Pusaka di dalam Sistem MyLAND akan mula digunakan pada 15 Julai 2024 (hari ini) selaras dengan pewartaan tarikh permulaan kuat kuasa Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)(Pindaan) 2022 [Akta A1643] pada tarikh yang sama.

Berhubung tunggakan kes pembahagian pusaka kecil yang diuruskan oleh JKPTG, beberapa langkah proaktif telah diambil merangkumi:

- (a) penugasan semula (*redeployment*) 84 orang pegawai Unit Petugas Khas (UPK), JKPTG terdiri daripada pelbagai gred bagi menjalankan tugas pembahagian pusaka di Unit Pembahagian Pusaka (UPP) di seluruh Semenanjung Malaysia; dan
- (b) pelantikan 100 orang pegawai *Contract of Service* (COS) terdiri daripada 50 orang Pegawai Tadbir Gred N41 dan 50 orang Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) Gred N19 bagi tempoh tiga (3) tahun mulai Januari 2023.

Sebagai langkah jangka panjang, pihak Kementerian ini juga sedang memperhalusi dan memperkemas permohonan pengukuhan perjawatan JKPTG termasuk bagi pembahagian pusaka sebelum ia dikemukakan untuk pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Tuan Yang di-Pertua,

**Jawapan (b)**

Sebagai rekod, statistik tunggakan kes pembahagian pusaka mengikut tahun diperincikan seperti jadual berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Tahun 2022</b>	<b>Tahun 2023</b>
Tunggakan kes tahun terdahulu (pada 1 Januari)	72,348	87,846
Permohonan baharu didaftarkan	78,791	75,802
<b>Jumlah Terkumpul</b>	<b>151,139</b>	<b>163,648</b>
(-) Kes berjaya diselesaikan (pada 31 Disember)	63,293	93,792
Baki kes bawa ke hadapan	87,846	69,856

Pihak Kementerian menerusi JKPTG komited dalam memastikan jumlah tunggakan ini akan terus berkurangan dengan mengkaji alternatif-alternatif lain yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan.

Sekian,

terima

kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]** minta **Menteri Dalam Negeri** Menyatakan Apakah Hasil Siasatan Atas Aduan Orang Awam Terhadap Platform E-Dagang Aplikasi Dbazaar Milik Dbazaar Sdn Bhd Yang Beroperasi Seperti Scam Money Game.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sangat memandang serius isu-isu berkaitan penipuan atas talian ini. PDRM sentiasa memberi perhatian serius terhadap kes-kes jenayah dalam talian yang berlaku kerana ia melibatkan jumlah kerugian yang besar dan turut memberi impak kepada ekonomi negara. Penipuan jenayah dalam talian ini dikategorikan kepada enam (6) jenis jenayah iaitu:

- (i) Jenayah telekomunikasi;
- (ii) Jenayah e- kewangan;
- (iii) Jenayah *love scam*;
- (iv) Jenayah e-dagang;
- (v) Jenayah tipu pelaburan tidak wujud; dan
- (vi) Jenayah pinjaman tidak wujud.

## SOALAN NO: 56

Aplikasi DBAZZAR merupakan sebuah aplikasi e-dagang yang dibangunkan sejak tahun 2021 dengan kerjasama *Asiapay Payment Gateway*. Fungsi aplikasi ini sama seperti aplikasi-aplikasi yang lain seperti Grab, Shoppe, Mudah.com, Agoda, BonusLink dan sebagainya bagi urusan-urusan pembayaran bil, pembayaran kad kredit dan pembelian barang. Berdasarkan hasil semakan dengan pihak bertanggung jawab, syarikat ini berdaftar dengan sah di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan masih beroperasi sehingga kini.

Sejak Mac 2024 hingga Mei 2024, PDRM telah menerima sebanyak 39 laporan polis. Laporan polis menyatakan bahawa aplikasi DBAZZAR ini gagal membuat pembayaran seperti mana kehendak pengguna dan wang di dalam aplikasi tersebut tidak dapat dipindah keluar. Pengguna juga telah membuat laporan kepada pihak DBAZZAR dan dapati pihak pengendali iaitu *Asiapay* sedang menyusun atur semula aplikasi serta menaik taraf sistem mereka.

Selain itu, semakan mendapati, DBAZZAR telah mengeluarkan kenyataan secara rasmi bertarikh 25 Mac 2024 sebagai pemakluman penambahbaikan berhubung "*Financial Restructuring 2.0 Plan*" yang dibuat pada 28 Februari 2024 ke atas sistem aplikasi mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI  
[ IGAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [ IGAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan terkini Dasar Pendidikan Digital di Sarawak. Apakah isu dan cabaran pembelajaran digital yang dihadapi dan apakah perancangan yang dilakukan untuk mengatasi masalah berkenaan termasuk di kawasan Parlimen Igan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited melaksanakan transformasi sistem pendidikan secara berterusan berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 yang turut mengambil kira perkembangan teknologi terkini. Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang diluncurkan pada 28 November 2023 memperkukuh pelaksanaan PPPM 2013 - 2025 dalam usaha melahirkan generasi fasih digital dan berdaya saing. DPD merupakan komitmen Kerajaan untuk memperkasakan ekosistem pendidikan digital bagi menyokong penguasaan ilmu dan kemahiran murid termasuk mereka yang berada di luar bandar.

## SOALAN NO : 57

Dasar Pendidikan Digital telah menggariskan enam teras strategik bagi memperhebat penerima gunaan teknologi digital dan transformasi digital dalam kalangan rakyat Malaysia. Dasar ini diperkukuhkan dengan enam teras strategik merangkumi Murid Fasih Digital, Pendidik Kompeten Digital, Budaya Kepemimpinan Digital Berwawasan, Pengupayaan Infostruktur dan Infrastruktur, Kandungan Digital Berkualiti dan Rakan Strategik yang Komited.

Dasar ini menggariskan strategi serta pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang bertujuan untuk memastikan murid berupaya mengguna pakai teknologi digital untuk pembelajaran serta memanfaatkan inovasi dan transformasi digital di sekolah, rumah atau di mana sahaja sehingga tahun 2030.

Bagi mempercepatkan adaptasi pendigitalan dalam ekosistem pendidikan negara, KPM telah mewujudkan pasukan guru Jauhari Digital yang mahir dan berkepakaran dalam pengintegrasian teknologi pendidikan digital untuk memberi khidmat bantu dan bimbingan kepada guru-guru setempat. Pada tahun 2023, seramai 19 guru daripada Sarawak telah dilantik sebagai Guru Peneraju Generasi Digital (GPGD). GPGD ini telah diberi latihan oleh rakan strategik seperti Microsoft, Google dan Apple untuk meningkatkan kompetensi digital mereka serta menyebarkan pengetahuan mereka kepada guru-guru di kawasan sekitar termasuk di kawasan Igan. Sehingga 20 Jun 2024, seramai 8,011 guru telah diberi bimbingan oleh GPGD negeri Sarawak. Pihak KPM dengan kerjasama Pixlr juga telah melatih 92 orang guru di Sarawak bagi meningkatkan kompetensi penggunaan *Artificial Intelligence*(AI) dalam PdP dan telah diberikan pensijilan setelah selesai kursus berkenaan.

Selain itu, sebanyak 27 buah Pusat Kegiatan Guru dan Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah dilengkapi dengan Studio Digital dan *Digital Maker Hub* bermula pada tahun 2022. Guru-guru dan murid-murid boleh menggunakan premis ini untuk menghasilkan kandungan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan mendalami bidang pengaturcaraan, robotik dan realiti maya (*virtual reality* -

VR). Sebanyak 251 aktiviti telah dijalankan dengan seramai 3,226 murid dan 2,716 guru telah diberi latihan.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPM juga telah menyediakan capaian jalur lebar Internet dengan kelajuan 30Mbps hingga 300Mbps untuk 10,237 sekolah di bawah KPM menangani isu akses Internet. Sebanyak 4,957 sekolah disediakan dengan talian gentian optik, 4,681 sekolah disediakan talian jalur lebar tanpa wayar 4G dan 599 sekolah disediakan dengan talian satelit.

Khusus bagi negeri Sarawak pula, KPM telah menyediakan kemudahan akses Internet kepada sebanyak 1,459 buah sekolah termasuk sekolah-sekolah di Igan, Sarawak. Kemudahan yang disediakan meliputi talian jalur lebar tanpa wayar 4G di 762 lokasi, talian gentian optik di 362 lokasi dan talian satelit di 335 buah sekolah.

KPM turut menyokong Projek *Point of Presence* (PoP) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan di bawah seliaan Kementerian Komunikasi (KK) dan menjadikan sekolah sebagai hab untuk penyediaan infrastruktur jalur lebar gentian optik. Projek ini dilaksanakan melalui dua fasa bermula pada tahun 2022 dan dijangka selesai pada tahun 2030.

KPM komited untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam memastikan kejayaan Dasar Pendidikan Digital agar dapat dinikmati oleh semua murid sama ada di bandar atau di luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI IR.DR. WEE KA SIONG  
(AYER HITAM)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI IR.DR. WEE KA SIONG ( AYER HITAM )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berkenaan insentif kewangan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di Malaysia mulai November 2023 dan sejauh manakah insentif kewangan kepada pengeluar gula ini akan diteruskan atau dipertimbangkan Kerajaan untuk dimansuhkan dalam Belanjawan 2025.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pandemik COVID-19 dan peperangan Ukraine dengan Rusia telah memberi kesan yang besar kepada pelbagai industri terutamanya yang melibatkan aktiviti import dan eksport. Kesan ketara turut dirasai oleh industri gula negara di mana harga gula mentah, kos pengangkutan perkapalan dan kos bahan mentah gas asli telah meningkat dengan mendadak. Seperti kita maklum, bekalan gula mentah adalah diimport sepenuhnya dari luar negara dan ia menyumbang 80% daripada kos keseluruhan pengoperasian pengilang gula.

Sejak 2021, pengeluar industri gula tempatan iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR) telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan untuk menaikkan kadar harga kawalan maksimum bagi penjualan gula putih bertapis 1kg di peringkat borong dan runcit. Kadar kenaikan yang dipohon pada 2021 hanya RM0.20/kg sehingga sekarang ini telah mencecah RM1.00/kg. Dengan situasi harga pasaran dunia yang masih kekal tinggi pada masa ini, diunjurkan harga akan terus meningkat sehingga tahun 2026.

Pada masa ini, MSM dan CSR terpaksa menanggung kerugian bagi pengeluaran gula putih bertapis domestik pek 1kg yang mana harga gula mentah di pasaran dunia meningkat hampir 80% daripada RM1,222/MT semasa penetapan harga kawalan runcit maksimum RM2.85/kg pada tahun 2018 kepada RM2,178/MT ketika ini. Pada masa yang sama pengilang tempatan turut menanggung kenaikan harga gas asli yang telah diliberalisasikan sejak Januari 2022 yang mencapai RM60/MMBTU berbanding harga kawalan sebelum ini pada kadar RM30/MMBTU.

Pada tahun 2023, bagi membantu mengurangkan beban kepada pengeluar gula tempatan, Kementerian telah meluluskan kuota kelulusan permit (AP) import sebanyak 557,080MT kepada 43 syarikat yang layak. Walau bagaimanapun, hanya 41,596MT (7.47%) yang telah

## SOALAN NO : 58

diimport berikutan harga gula putih bertapis dalam pasaran antarabangsa yang masih kekal tinggi. Kesemua gula yang diimport hanya dibekalkan kepada syarikat-syarikat pengeluar makanan dan minuman sahaja dan tiada yang dibungkus semula dalam pek 1kg berikutan tidak mahu menanggung kerugian kerana harga jualan dalam pasaran adalah tertakluk kepada harga kawalan.

Justeru, bagi mengelakkan berlakunya gangguan bekalan secara besar - besaran, Kerajaan bersetuju memberi insentif kepada pengeluar gula tempatan mulai bulan November 2023. Walau bagaimanapun, bantuan ini bukanlah bersifat kekal ataupun bantuan dalam jangka masa yang panjang. Pemberian insentif ini adalah sementara bagi memastikan bekalan stabil dan berterusan khususnya kepada pengguna domestik (isi rumah dan pengusaha mikro) sehingga Kerajaan memuktamadkan mekanisme harga baharu gula putih bertapis.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MATBALI BIN MUSAH  
(SIPITANG)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK MATBALI BIN MUSAH ( SIPITANG )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- a) mengapa peningkatan kadar pemberian khas untuk Negeri Sabah kepada RM53.4 juta dalam Belanjawan 2020 tidak disertai dengan Pembentangan Warta dan Perintah Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang disyaratkan dalam peruntukan perkara 112D(5) dan 112(8) Perlembagaan Persekutuan; dan
- b) adakah perubahan kadar pemberian khas boleh dilaksanakan tanpa melalui perintah Yang di-Pertuan Agong.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 112D, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah bersama menyemak dan berunding bagi mengkaji semula kadar tersebut. Hasilnya satu kadar baharu telah dipersetujui pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM125.6 juta yang dikuatkuasakan melalui pewartaan Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2022 [*P.U.(A) 119/2022*] bertarikh

20 April 2022 bagi tempoh 5 tahun. Pewartaan P.U.(A) 119/2022 telah menggantikan kadar pemberian lama yang berjumlah RM26.7 juta yang telah diwartakan pada 18 September 1970 sepertimana diperuntukkan dalam Perintah Pemberian Khas Sabah (Ulangkaji Pertama) 1970 [*P.U.(A) 328/1970*].

Seterusnya, kadar amaun pemberian khas baharu untuk Sabah dinaikkan kepada RM300 juta bagi tahun 2023 melalui pewartaan Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2023 [*P.U.(A) 364/2024*] pada 24 November 2023. Pembayaran keseluruhan pemberian khas pada tahun 2023 telah disempurnakan melalui penyaluran kepada pihak Sabah pada 28 November 2023.

Kerajaan Persekutuan melalui platform MTPMA63, komited untuk merundingkan kadar Pemberian Khas baharu kepada negeri Sabah selaras dengan Perkara 112D PP dengan mengambil kira kos perkhidmatan negeri dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA (KUDAT)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' VERDON BIN BAHANDA ( KUDAT )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan kawasan zon bebas cukai yang baharu di kawasan Kudat untuk kemajuan di Parlimen Kudat untuk mengalakkan pelaburan dan pembangunan di daerah Kudat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan bagi mewujudkan Zon Bebas kebiasaannya dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri atau mana-mana syarikat atau pemilik tanah dengan persetujuan dan sokongan daripada pihak Kerajaan Negeri. Pada masa ini, Kementerian Kewangan belum menerima sebarang permohonan bagi mewujudkan zon bebas tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebarang cadangan bagi mewujudkan Zon Bebas memerlukan kajian kebolehlaksanaan, yang antara lain merangkumi perincian latar belakang, konsep pembangunan dan jenis aktiviti yang akan dijalankan khususnya bagi aktiviti yang berorientasikan eksport, justifikasi permohonan, kos dan pembiayaan serta analisis impak ekonomi dan sosial.

Kajian kebolehlaksanaan adalah penting bagi memastikan pewujudan Zon Bebas kelak benar-benar mencapai objektif dan memberi manfaat yang sewajarnya serta memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi yang kompetitif bagi perdagangan import dan eksport.

Permohonan dan laporan kajian kebolehlaksanaan ini akan diteliti dan dikaji serta turut mengambil kira keberkesanannya berbanding Zon Bebas yang sedia ada apabila diterima kelak. Pertimbangan bagi permohonan Zon Bebas juga akan mengambil kira pandangan dan ulasan daripada Kementerian dan Agensi yang berkaitan, antaranya Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan agensi lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [ GERIK ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [ GERIK ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkaitan aduan rakyat supaya membina sebuah sekolah menengah kebangsaan bagi mengatasi isu keciciran pelajar yang semakin meningkat di kawasan melibatkan zon Kg. Klian Intan, Kg. Pahit dan Kg. Lalang kerana jarak sekolah sedia ada agak jauh.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik dan kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga (3) buah sekolah menengah kebangsaan di sekitar zon Kg. Klian Intan, Kg. Pahit dan Kg. Lalang yang berjarak lebih kurang 7 hingga 11 kilometer dari sekolah kebangsaan sedia ada.

Bagi menangani isu ini, KPM telah mengenal pasti dua (2) buah sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai kemudahan asrama bagi tujuan menempatkan murid yang tinggal di sekitar zon Kg. Klian Intan, Kg. Pahit dan Kg. Lalang iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Saban dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gerik.

## SOALAN NO : 61

Semakan KPM sehingga Jun 2024 mendapati bahawa pengisian murid di asrama di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Saban adalah seramai 125 orang dan asrama di sekolah ini mampu menampung kapasiti seramai 200 orang murid. Manakala, asrama di Sekolah Menengah Kebangsaan Gerik, pengisian murid adalah seramai 101 orang dan mampu menampung kapasiti seramai 200 orang murid.

KPM juga secara proaktif telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi tujuan menyediakan kemudahan pengangkutan darat dari tempat tinggal murid ke sekolah. Kemudahan ini akan memberi manfaat kepada murid orang asli yang tinggal di kawasan penempatan sekitar zon Kg. Klian Intan, Kg. Pahit dan Kg. Lalang untuk ke sekolah.

Buat masa ini, KPM berpandangan bahawa sekolah menengah kebangsaan sedia ada di Parlimen Gerik, terutamanya di zon Kg. Klian Intan, Kg. Pahit dan Kg. Lalang masih berupaya untuk menampung keperluan kemudahan pendidikan bagi komuniti setempat. Walau bagaimanapun, KPM akan sentiasa meneliti keperluan kemudahan infrastruktur pendidikan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [ BATU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [ BATU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam memastikan kemudahan fasiliti sekolah kebangsaan berstatus "Bantuan Kerajaan" untuk mendapatkan kemudahan dan kualiti pendidikan yang sama seperti sekolah Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi sejarah, sekolah bantuan kerajaan (SBK) merupakan sekolah yang ditubuhkan oleh pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), pertubuhan tertentu atau pihak ladang dan berada di bawah pentadbiran KPM. SBK adalah sekolah yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh, tetapi tidak disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri Pendidikan. Hal yang demikian adalah selaras dengan tafsiran di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*].

Namun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan menjadi tunjang kepada agenda pendidikan negara dapat diteruskan tanpa mengira jenis sekolah, lokasi dan kaum. Justeru, SBK turut menerima peruntukan penyelenggaraan melalui belanjawan tahunan yang diumumkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian Pendidikan Tinggi dalam membantu golongan B40 atau golongan kurang berkemampuan dalam menyelesaikan hutang PTPTN sekiranya mereka tidak mendapat "kelas pertama". Hal ini kerana hampir keseluruhan peminjam PTPTN merupakan dari golongan tidak berkemampuan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat perihatin dengan perkara yang melibatkan kebajikan pelajar, terutamanya dalam membantu peminjam yang kurang berkemampuan dalam membuat bayaran balik pinjaman mereka.
2. Selain memberikan pengecualian bayaran balik pinjaman sepenuhnya kepada peminjam cemerlang yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama, beberapa dasar sedia ada bagi membantu peminjam membuat bayaran balik pinjaman masih berkuat kuasa iaitu:
  - i. Peminjam diberikan tempoh bertenang atau *Grace Period* tanpa perlu membuat bayaran balik pinjaman selama 12 bulan selepas menamatkan pengajian bagi memberi peluang mereka mendapat pekerjaan atau mempunyai pendapatan sebelum mula membayar balik pinjaman mereka.
  - ii. Peminjam boleh membuat permohonan penangguhan bayaran balik pinjaman sehingga maksimum 2 tahun sekiranya masih belum mempunyai pekerjaan atau pendapatan selepas tempoh *Grace Period* (12 bulan).
  - iii. Peminjam diberikan kemudahan penangguhan bayaran balik pinjaman sepanjang tempoh pengajian, sekiranya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi; dan
  - iv. Peminjam boleh membuat penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman mengikut kemampuan bayaran balik peminjam sehingga maksimum berumur 60 tahun.
3. Mana-mana peminjam yang menghadapi kesukaran atau kekangan untuk membuat bayaran balik pinjaman, mereka boleh tampil ke mana-mana pejabat PTPTN untuk berunding dan bukan memilih jalan untuk menjauhkan diri daripada PTPTN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHOW YU HUI [ RAUB ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW YU HUI [ RAUB ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan satu garis masa yang perinci untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) seksyen 13 dan seksyen 4(5) mengenai isu ikat jamin dan penahanan tanpa bicara selama 28 hari memandangkan Jabatan Perdana Menteri telah menyiapkan laporan kajian SOSMA dan mencadangkan Kerajaan untuk memindanya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam sentiasa komited dalam mengkaji dan menambahbaik semua undang-undang di bawah kawal selia Kementerian ini termasuk undang-undang melibatkan kesalahan keselamatan. Kementerian akan terus menyokong reformasi negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Dalam hal ini, pada tahun 2023, mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang juga Yang Berhormat Bukit Gelugor telah menyelaraskan beberapa sesi libat urus secara holistik bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara Malaysia, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Badan Peguam berkaitan isu ini. Usai sesi libat urus tersebut, beberapa syor pindaan telah dikemukakan kepada KDN. Justeru, KDN ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha tersebut.

Walau bagaimanapun, setiap undang-undang adalah bersifat dinamik. Semakan dan kajian akan dilaksanakan secara berterusan bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam memastikan sesuatu perundangan itu kekal relevan. Justeru, sebarang cadangan penambahbaikan sentiasa akan diperhalusi dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZAHARI BIN KECHIK [ JELI ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara Malaysia dan Thailand yang keluar masuk melalui dari ICQS Bukit Bunga Kelantan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan rekod daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), dari tahun 2021 sehingga Mei 2024, jumlah pergerakan keluar masuk di ICQS Bukit Bunga, Kelantan secara keseluruhan adalah seramai 644,621 orang.

Berdasarkan pecahan pula, bagi pergerakan keluar masuk warganegara Malaysia adalah seramai 204,077 orang manakala bagi warganegara Thailand adalah seramai 438,992 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL  
RAHMAN [ LABUAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [ LABUAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf atau menambah baik kekurangan peralatan di sekolah-sekolah terutama di Wilayah Persekutuan Labuan sehinggakan ada sesetengah sekolah yang terpaksa memohon sumbangan untuk menampung permasalahan ini terutamanya setiap kali sesi persekolahan bermula pada tahun berikutnya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengagihkan peruntukan bagi pembelian peralatan, perabot dan kelengkapan sekolah kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP) Labuan berjumlah RM417 ribu pada tahun 2022, RM1.14 juta pada tahun 2023 dan RM320 ribu pada tahun 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggantian perabot telah dilaksanakan oleh JPWP Labuan secara berfasa berdasarkan kepada keperluan sekolah dan pendaftaran (*enrolment*) murid setiap tahun. Pada masa kini, tiada isu kekurangan perabot untuk 20 buah Sekolah Kerajaan di bawah pentadbiran JPWP Labuan. Manakala bagi Sekolah Bantuan Kerajaan seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Mubaligh, penggantian peralatan dan perabot adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah sebagaimana termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI  
[ GOMBAK ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk memberikan pendedahan kepentingan latihan TVET dan peluang latihan amali kepada pelajar sekolah menengah bersama industri terpilih Kerajaan pada musim cuti sekolah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

KPM komited untuk memberi peluang latihan amali kepada murid di kolej vokasional (KV) dan sekolah menengah kebangsaan (SMK) bersama-sama industri terpilih bagi menjamin kualiti pendidikan TVET yang ditawarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan latihan *On-The-Job Training* selama 4 hingga 6 bulan bagi murid diploma KV untuk memberi pendedahan kepada pengalaman sebenar dunia pekerjaan di industri. Disamping itu, bagi program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), murid juga menjalani pembelajaran berasaskan kerja (*work-based learning*) selama 18 bulan di industri sepanjang tempoh pengajian 2 tahun.

KPM melaksanakan program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) di SMK dengan kesediaan industri setempat. Murid menjalani latihan praktikal di industri sebanyak 70 peratus daripada jumlah keseluruhan tempoh program manakala pembelajaran teori di SMK pula sebanyak 30 peratus daripada jumlah keseluruhan tempoh program. Murid akan hadir ke sekolah selama dua (2) hari bagi mengikuti pembelajaran akademik dan tiga (3) hari bagi latihan di industri dalam tempoh dua tahun pengajian.

KPM juga melaksanakan aktiviti bersama - sama industri melalui program lawatan, perbengkelan, taklimat serta perkongsian teknologi dan amalan terbaik oleh industri khusus bagi murid di sekolah menengah kebangsaan.

KPM yakin murid TVET KPM memperoleh latihan amali yang mencukupi namun KPM sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan untuk bekerjasama dengan industri dalam pelaksanaan latihan industri semasa cuti persekolahan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan keselamatan dan kebajikan murid sentiasa dititikberatkan, maka pihak industri perlu membuat permohonan rasmi kepada KPM bagi mendapat

**SOALAN NO : 67**

kelulusan serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan atau mekanisme untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menempatkan semula penduduk di koloni setinggan yang terletak di sepanjang kawasan pantai di daerah Sandakan atas faktor keselamatan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kerajaan melalui Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) sentiasa komited bagi memelihara kedaulatan, meningkatkan keselamatan, ketenteraman awam dan kemakmuran Sabah dengan melaksanakan pelbagai inisiatif peningkatan keselamatan sempadan dan kesejahteraan golongan sasar di lokasi-lokasi strategik dalam Zon Selamat Sabah Timur (ESS Zone).

Dalam hubungan ini, ESSCOM akan mengkoordinasi operasi-operasi keselamatan dan tindakan penguatkuasaan pihak berkuasa serta melaksanakan program-program tindakan awam seperti kajian hala tuju dasar/mekanisme, pendataan/*profiling* kawasan/individu dan penempatan semula golongan sasar di kawasan perkampungan air yang dijayakan dengan kerjasama pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Bagi isu koloni setinggan di ESS Zone khususnya dalam Daerah Sandakan, YB Menteri di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP), Sabah telah mempengerusikan Jawatankuasa Induk Setinggan Negeri untuk menangani koloni-koloni setinggan di tanah simpanan Kerajaan. Menerusi platform tersebut, ESSCOM yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa akan membantu dari segi mengenal pasti dan mengesyorkan kawasan setinggan yang dicadangkan di ESS Zone berdasarkan keputusan oleh Pejabat Daerah, Jabatan/Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.

Selain itu, ESSCOM turut berperanan mengenal pasti program-program yang bersesuaian untuk meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi golongan sasar yang terbabit agar mereka tidak terbeban dalam memenuhi tuntutan keperluan hidup diri dan keluarga serta bagi memastikan golongan ini boleh membantu pihak berkuasa menyalurkan maklumat berkaitan jenayah atau insiden keselamatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [ PENDANG ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) jumlah pelajar menyambung pengajian dalam bidang TVET ; dan
- (b) apakah pendekatan yang diambil dalam meningkatkan penyertaan pelajar lepasan SPM untuk menyertai bidang TVET khususnya pelajar yang tercicir daripada menyambung pelajaran ke dalam bidang akademik yang lain.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) beriltizam dalam menyediakan akses murid TVET untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang TVET. Usaha ini, menyokong kepada Dasar Pembelajaran Sepanjang Hayat Negara bagi melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tahun 2021 sehingga 2023, seramai 26,985 murid kolej vokasional (KV) yang telah menyambung pengajian ke peringkat diploma di kolej vokasional KPM.

Antara pendekatan yang diambil oleh KPM dalam meningkatkan penyertaan murid lepasan SPM untuk menyertai bidang TVET adalah seperti berikut :

- i. menyediakan laluan lepasan SPM ke peringkat Diploma di KV bermula tahun 2023;
- ii. menyediakan laluan lepasan SPM di sekolah menengah teknik (SMT) ke Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) bagi meneruskan pengajian dalam bidang TVET ke peringkat diploma, program Matrikulasi Kejuruteraan KPM dan Asasi TVET Politeknik di bawah anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
- iii. memberi galakkan kepada lepasan SPM meneruskan pengajian dalam bidang TVET di institut pendidikan tinggi swasta seperti Rangkaian Universiti Kuala Lumpur (UniKL);
- iv. melaksanakan aktiviti jerayawara dan hebahan di seluruh negara bagi meningkatkan penyertaan ke program TVET. Selain itu, aktiviti ini juga dapat memberi kesedaran akses pendidikan TVET dan peluang kerjaya graduan TVET khususnya bagi murid yang tercicir daripada menyambung pelajaran dalam bidang akademik yang lain; dan
- v. melalui program Akademi Dalam Industri (ADI) yang diterajui oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Pelaburan, dan Perdagangan dan Industri (MITI).

KPM yakin dengan inisiatif ini, dapat meningkatkan murid lepasan SPM untuk menyertai bidang TVET.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan senarai projek-projek di bawah Rancangan Tebatan Banjir yang telah dilaksanakan di Miri serta mempertimbangkan untuk memasukkan kawasan-kawasan yang kerap dilanda banjir seperti di Senadin, Tudan, dan Lutong ke dalam rancangan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Miri, Lembangan Sungai Miri, Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan kos berjumlah RM31 juta. Pelaksanaan projek ini melibatkan kawasan Lutong, Krokop dan Jalan Jee Foh. Setelah siap kelak, projek ini dijangka akan memberikan perlindungan kepada 12,800 penduduk di kawasan terlibat dari risiko berlakunya banjir.
2. Kerja-kerja fizikal telah bermula pada Oktober 2023. Sehingga 31 Mei 2024 kemajuan terkini di tapak adalah 8.35% dan berdasarkan jadual, projek dijangka siap pada November 2025.
3. Bagi penyelesaian jangka pendek dan sederhana, Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir berjumlah RM600 ribu telah siap dilaksanakan pada tahun 2022 dan 2023 di bawah Parlimen Miri termasuk kawasan Senadin dan Tudan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB  
[ PARIT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [ PARIT ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana Insentif Pengeluaran Getah (IPG) telah benar-benar membantu kehidupan seharian para penoreh getah pada waktu ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa prihatin dengan kebajikan pekebun kecil getah yang mana pendapatan mereka akan terjejas apabila harga getah merosot. Seperti komoditi yang lain, getah asli berorientasikan eksport di mana harganya bergantung kepada persetujuan antara pembeli dan penjual, dan ianya adalah di luar kawalan Kerajaan.
2. Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) bertujuan untuk menjamin kebajikan dan meringankan beban pekebun kecil getah ketika ketidakpastian harga getah dan memastikan mereka meneruskan aktiviti penorehan getah bagi menjana pendapatan. Sepertimana diumumkan dalam Belanjawan 2024, Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG telah dinaikkan kepada RM3.00 sekilogram bermula Januari 2024 dengan peruntukan berjumlah RM400 juta.
3. Dengan pelaksanaan IPG, pekebun kecil akan menerima harga getah cuplump peringkat ladang (50% kandungan getah kering) sekurang-kurangnya pada Paras Harga Pengaktifan (PHP) RM3.00 sekilogram.
4. Sejak pelaksanaan IPG dari September 2015 sehingga 31 Mei 2024, IPG telah diagihkan kepada **230,851** pekebun kecil di seluruh negara dengan nilai pembayaran berjumlah **RM515.93 juta**.
5. Selain daripada membantu meringankan beban pekebun kecil, pemberian IPG oleh Kerajaan Madani ini juga merupakan insentif kepada pekebun kecil untuk terus mempertingkatkan hasil ladang masing-masing

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kumpulan pengganas seperti kumpulan Jemaah Islamiyah (JI) wujud di Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan untuk membanteras kumpulan pengganas tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kerajaan amat menitikberatkan usaha ke arah memerangi dan membanteras aktiviti penyebaran ideologi radikal daripada terus menjalar dan bertapak dalam masyarakat hari ini. Langkah-langkah yang diketengahkan mencakupi tindakan dari sudut perundangan, pencegahan dan pemulihan.

Menteri Dalam Negeri mengikut Seksyen 66B(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] telah membuat Perintah bagi mengisytiharkan (24) kumpulan sebagai Entiti Ditetentukan.

Pemantauan berterusan juga perlu dilakukan terhadap bekas anggota JI kerana ideologi Salafiah Jihadi yang telah tertanam dalam diri mereka dilihat mampu memberi ancaman dan jika tidak dipantau ianya akan terus dikembangkan dan mampu untuk menggugat keselamatan negara.

## SOALAN NO: 72

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membanteras kumpulan pengganas adalah seperti berikut:

- (i) Tindakan Perundangan: Malaysia telah menguatkuasakan peruntukan undang-undang bagi memerangi keganasan iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas (SOSMA) 2012, Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015, The Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLAFATPUAA) dan *Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015*;
- (ii) Langkah-langkah Pencegahan: PDRM aktif dalam menjalankan operasi risikan dan pengawasan dalam usaha untuk mengesan dan menggagalkan sebarang perancangan atau cubaan serangan kumpulan pengganas di negara ini. Kawalan sempadan negara termasuk pemeriksaan di pintu masuk negara terus diperkukuh dan ditingkatkan untuk menghalang kemasukan pengganas asing yang cuba menjadikan negara ini sebagai negara transit atau *safe haven*. Selaras dengan projek *National Action Plan for Preventing and Countering Violent Extremism (MyPCVE)*, Kerajaan melalui agensi di bawah KDN bekerjasama dengan agensi di bawah kementerian lain seperti Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan dalam menjalankan program *outreach* dan *engagement* dengan pelbagai lapisan masyarakat bagi mendidik dan memupuk kesedaran berkaitan impak negatif ideologi radikal terhadap keselamatan dan keamanan negara;
- (iii) Langkah-langkah Pemulihan: Kerajaan telah membangunkan program deradikalisasi yang komprehensif bertujuan untuk memulihkan individu yang radikal. Program-program ini melibatkan kaunseling psikologi, pendidikan agama dan latihan vokasional untuk mengintegrasikan semula individu terlibat ke dalam masyarakat. Ahli keluarga bekas tahanan juga turut

## SOALAN NO: 72

dilibatkan dalam aktiviti ini untuk memberi sokongan kepada individu yang terlibat;

- (iv) Kerjasama Dua Hala, Serantau dan Antarabangsa: Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif memerangi keganasan di peringkat antarabangsa melalui kerjasama dengan negara-negara berkepentingan, ASEAN, PBB dan INTERPOL. Ini termasuk perkongsian maklumat dan perisikan, latihan bersama dan operasi yang diselaraskan, penyertaan dalam forum global dan pematuhan kepada protokol pencegahan keganasan antarabangsa; dan
- (v) Teknologi dan Siber: Istilah dunia tanpa sempadan yang digunakan oleh penyedia perkhidmatan internet memudahkan aktiviti penyebaran ideologi radikal melalui media sosial. Oleh itu, untuk memerangi aktiviti ini, kerajaan telah melabur dalam industri keselamatan siber untuk menentang radikalisasi dalam talian dan penyebaran propaganda pengganas seperti menggunakan teknologi pengawasan, termasuk pemantauan digital dan langkah keselamatan siber untuk mengesan rangkaian pengganas dan bekerjasama dengan syarikat teknologi untuk mengalih keluar kandungan tersebut dari platform media sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [ KAPAR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. HAJAH HALIMAH ALI [ KAPAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) kadar enrolmen pelajar untuk bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sejak 2019 sehingga kini; dan
- (b) adakah kajian menyeluruh telah dilakukan bagi mengenal pasti punca kemerosotan dan tindakan serius memupuk minat yang lebih meluas termasuk masyarakat luar bandar dan miskin bandar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dan telah mengambil langkah komprehensif untuk meningkatkan minat dan peratusan penyertaan murid dalam bidang STEM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen murid STEM ialah 41.84% (2019), 47.00% (2020), 40.95% (2021), 40.94% (2022), 45.73% (2023) dan 50.83% (2024).

Berdasarkan Sesi Libat Urus dengan pelbagai pihak berkepentingan, dapatan berikut telah dikenal pasti sebagai antara cabaran yang menyebabkan nisbah murid STEM belum memenuhi sasaran 60:40:

- i. murid mendapati bahawa aliran bukan STEM juga menjanjikan peluang untuk berjaya yang sama dengan aliran STEM baik dari segi pekerjaan, pendapatan dan keseimbangan kehidupan mereka kelak;
- ii. kurang kesedaran dan semangat dalam kalangan murid dan ibu bapa mengenai kelebihan dan peluang yang diberikan oleh profesion STEM; dan
- iii. persepsi bahawa subjek STEM rumit, membosankan dan tidak berkaitan dengan keadaan dunia nyata.

Terdahulu, dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah melaporkan dapatan seperti yang berikut:

- i. kurang kesedaran mengenai STEM;
- ii. mata pelajaran STEM dianggap sukar;
- iii. kurikulum yang padat kandungan;

- iv. kualiti pengajaran dan pembelajaran kurang konsisten; dan
- v. infrastruktur yang tidak mencukupi dan lama.

KPM telah mewujudkan Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Langkah yang telah diambil dalam Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM termasuklah:

- i. meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, projek, penyelesaian masalah dan antara disiplin yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT);
- ii. meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru bidang STEM;
- iii. meningkatkan kesedaran terhadap STEM dalam kalangan murid, ibu bapa dan orang awam; dan
- iv. menambah baik serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk proses PdP STEM.

Terkini, langkah strategik KPM bagi meningkatkan minat murid dalam bidang STEM telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mac 2024. Langkah strategik tersebut ialah:

- i. menggalakkan pembelajaran STEM yang bermakna;
- ii. menyediakan peluang untuk murid mengembangkan bakat dan potensi melalui aktiviti kokurikulum bidang STEM pada pelbagai peringkat;
- iii. mengutamakan pembangunan kompetensi guru bidang STEM, Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK), pemimpin sekolah dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP);
- iv. mereka bentuk semula ruang pembelajaran yang luwes dan

inklusif;

- v. membangunkan pentaksiran pembelajaran STEM yang inovatif dan holistik;
- vi. mengukuhkan kerjasama strategik bagi melestarikan ekosistem STEM; dan
- vii. menubuhkan Pusat Pendidikan STEM.

KPM komited untuk meningkatkan minat murid dalam STEM termasuk masyarakat luar bandar dan miskin bandar bagi menyediakan bakat STEM yang berke Layakan dan mencukupi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi sentiasa menjadi keutamaan selaras dengan keperluan dasar berkaitan sains, teknologi dan inovasi seperti Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMY BIN YAHYA  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK IR. SHAHELMY BIN YAHYA [ PUTATAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan capaian internet di sekolah-sekolah sekitar negeri Sabah terutamanya kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menambahbaik dan menaik taraf akses internet ke semua institusi pendidikan di bawah KPM, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang melaksanakan perolehan baharu perkhidmatan internet bagi tempoh Julai 2024 hingga Jun 2025. Melalui perolehan ini, penambahbaikan dibuat melalui penyaluran peruntukan yang melibatkan penambahan dari segi menaik taraf teknologi fiber dari 100 mbps (*min speed*) kepada 300 mbps. Bagi sekolah yang menggunakan teknologi satelit pula, kelajuan ditambah dari 30 mbps kepada 100 mbps dengan penambahbaikan kuota dari 100gb ke 1 Terabyte (TB).

Di samping itu, KPM juga menyokong Projek *Point of Presence* (PoP) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan menjadikan sekolah sebagai hab untuk penyediaan infrastruktur jalur lebar gentian optik. Projek ini dilaksanakan melalui dua fasa bermula pada tahun 2022 dan dijangka selesai pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM  
[ GUA MUSANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [ GUA MUSANG ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini bagi cadangan pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Gua Musang dan pembinaan bangunan baru Sekolah Kebangsaan Sri Permai di Gua Musang memandangkan bangunan sekolah yang sedia ada amat berbahaya kepada pelajar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan pendidikan yang selesa dan kondusif.

KPM telah mendapat kelulusan projek Pembinaan Baharu Pejabat Pendidikan Daerah Gua Musang, Kelantan dan Pembinaan Semula Bangunan Daif di Sekolah Kebangsaan Sri Permai, Gua Musang, Kelantan dalam *Rolling Plan 4*, RMKe-12 Tahun 2024. Kedua-dua projek dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia secara Konvensional Perunding. Status semasa projek ialah dalam pelaksanaan kerja awalan iaitu Pelan Ukur dan Siasatan Tanah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN  
MAN (KUBANG KERIAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN ( KUBANG KERIAN )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana institusi kewangan Islam di Malaysia aktif dalam mengatasi isu perubahan iklim melalui pendanaan atau pelaburan yang bertanggungjawab secara sosial dan alam sekitar (ESG).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Institusi kewangan termasuk institusi kewangan Islam telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha mempercepat peralihan ke arah ekonomi lebih lestari. Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (*Joint Committee on Climate Change*, JC3) telah ditubuhkan pada 2019 sebagai platform untuk menyelaraskan inisiatif antara Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), pemain industri, kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan bagi membina daya tahan sektor kewangan Malaysia terhadap perubahan iklim. Inisiatif ini bertujuan untuk membangunkan dan melaksanakan projek rintis bagi meningkatkan skala pembiayaan iklim.

Pelbagai rangka kerja sedang dilaksanakan secara berperingkat termasuk taksonomi peralihan bagi mengklasifikasi kegiatan ekonomi supaya sejajar dengan aktiviti berkaitan iklim. Selain itu, BNM juga terlibat secara aktif dalam penilaian ketersediaan industri berhubung dengan pelaksanaan piawaian pengawalseliaan serta kehendak penyeliaan yang lebih jelas apabila menguruskan risiko iklim.

Antara pencapaian yang telah dicapai oleh 66 kumpulan kewangan bagi mempercepat peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari adalah seperti berikut:

- a) Kesemua kumpulan kewangan mempunyai jabatan yang khusus atau kumpulan rentas jabatan untuk hal-hal kelestarian;
- b) Sebanyak 51 kumpulan kewangan (77%) menawarkan produk dan penyelesaian hijau; dan
- c) Pembiayaan berjumlah lebih RM240 bilion telah diperuntukkan untuk amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance*, ESG) bagi tahun 2025 hingga 2027.

## SOALAN NO : 76

Khusus bagi sektor perbankan Islam, institusi kewangan Islam telah menerajui Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation*, VBI) sejak tahun 2017. Antara tahun 2017 hingga 2022, bank-bank Islam telah menyalurkan sebanyak RM433.8 bilion dalam inisiatif yang selaras dengan VBI. Pada tahun 2022, sebanyak RM16.5 bilion telah disalurkan untuk pembiayaan karbon sifar bersih dan hijau iaitu pertumbuhan lebih 2.3 kali ganda berbanding dengan tahun 2021.

Kerajaan dan pihak industri akan terus memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan pembiayaan berasaskan nilai bagi mencapai pembangunan yang lebih mampan dan saksama untuk kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG [ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini Malaysia Electricity Supply Industry 2.0 (MESI 2.0) serta adakah *roadmap* Akses Pihak Ketiga (TPA) akan dilaksanakan, dan pasaran borong yang kompetitif dapat diwujudkan menjelang tahun 2029.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian bertajuk "*Future Proofing MESI: A Roadmap Going Forward for Peninsular Malaysia (Future Proofing MESI)*" telah dilaksanakan pada Disember 2021 bagi menyemak semula inisiatif-inisiatif di bawah MESI 2.0 bagi menyediakan industri bekalan elektrik Semenanjung yang kalis cabaran pada masa hadapan (*future proof*). Kajian *Future Proofing MESI* memberi penekanan kepada aspek-aspek yang lebih mesra rakyat, tidak memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan dan memberi fokus kepada persediaan industri bekalan elektrik negara untuk menghadapi cabaran daripada kemunculan teknologi-teknologi disruptif.
2. Kajian ini telah siap sepenuhnya pada Disember 2022 dengan hasil kajian mencadangkan 10 inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai agensi untuk memantapkan industri bekalan elektrik negara bagi persediaan untuk menghadapi cabaran masa hadapan.
3. Semua inisiatif tersebut sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan oleh agensi-agensi berkaitan dan dipantau oleh Kementerian melalui agensi *Malaysia Programme Office For Power Electricity Reform Corporation (MyPOWER)*.
4. Inisiatif *Future Proofing MESI* ini tidak menetapkan sasaran untuk mewujudkan pasaran tenaga elektrik borong yang kompetitif. Namun bagi persediaan ke arah mewujudkan satu sistem pasaran tenaga elektrik di Semenanjung, *Future Proofing MESI* telah mencadangkan pengukuhan kepada industri pembekalan elektrik dengan sasaran mewujudkan pembeli tunggal dan pengendali sistem yang bebas (*Independent Single Buyer* dan *Independent Grid System Operator*).
5. Pewujudan pembeli tunggal dan pengendali sistem yang bebas adalah sebagai langkah awal bagi pelaksanaan sistem pasaran tenaga elektrik terbuka pada masa hadapan. Kementerian dan agensi-agensi berkaitan sedang giat melaksanakan inisiatif mewujudkan pembeli tunggal

## SOALAN NO : 77

bebas dan dijangka inisiatif ini dapat diselesaikan seawal-awalnya pada pertengahan tahun 2025.

6. Selain itu, dalam usaha untuk mewujudkan industri bekalan elektrik hijau yang lebih kompetitif dan berdaya saing, Kerajaan juga sedang menyediakan kerangka pelaksanaan akses pihak ketiga atau third party access (TPA) untuk bekalan elektrik hijau. Inisiatif ini akan membolehkan syarikat korporat yang memerlukan bekalan elektrik hijau mendapatkannya secara terus daripada pemaju/penjana elektrik TBB dengan menggunakan sistem rangkaian pembekalan elektrik syarikat utiliti. Kerangka pelaksanaan ini dijangka dapat dimuktamadkan pada suku tahun ketiga 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kementerian dapat menetapkan satu tempoh masa yang tetap bagi menyelesaikan masalah penjanaan bekalan kuasa di Sabah supaya rakyat Sabah juga dapat menikmati bekalan elektrik yang stabil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyerahan kuasa kawal selia pembekalan elektrik Negeri Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah, Fasa 1 telah dimuktamadkan dan berkuatkuasa pada 3 Januari 2024. Manakala bagi penyerahan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), ia akan dilaksanakan melalui Fasa 2 yang dijangka akan selesai pada tahun 2030.
2. Sehubungan itu, segala perancangan untuk Pelan Pembangunan Penjanaaan Elektrik, perolehan, pemantauan dan penyeliaan projek serta penyelesaian isu-isu dan masalah berkaitan pembekalan elektrik Sabah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah sepenuhnya.
3. Justeru itu, Yang Berhormat boleh memanjangkan isu-isu tersebut melalui Ahli Dewan Undangan Negeri untuk dibangkitkan di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan segera dan memberi manfaat kepada rakyat di Sabah. Selain itu, Yang Berhormat juga boleh merujuk perkara ini kepada Energy Commission of Sabah (ECoS) selaku badan kawal selia pembekalan elektrik di Sabah.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak ECoS, beberapa projek penjanaaan yang besar sedang dirancang antaranya ialah pembelian tenaga elektrik dari Sarawak pada tahun 2025, pembangunan loji jana kuasa baharu berkapasiti 100MW pada tahun 2026 dan 2027, serta pembangunan ladang solar berskala besar berkapasiti 100MW pada tahun 2026. Selain itu, Kerajaan Negeri Sabah juga akan mengemaskini perancangan ini melalui Pelan Pembangunan Penjanaaan Elektrik Sabah pada setiap tahun melalui Mesyuarat Majlis Tenaga Sabah yang dijangka akan diadakan pada suku kedua tahun 2024.
5. Kerajaan Negeri Sabah turut memaklumkan bahawa akan melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan potensi penjanaaan elektrik melalui sumber hidro di Negeri Sabah melalui hasil kajian Pelan

## SOALAN NO : 78

Pembangunan Hidro yang sedang dibangunkan oleh pihak ECoS, meneroka perancangan talian penghantaran melalui sambungtara Sabah dan Kalimantan Utara, penerokaan teknologi dan sumber penjanaan baharu seperti geoterma, angin dan hidrogen. Perancangan-perancangan tersebut juga akan diperhalusi dan dibincangkan melalui Majlis Tenaga Sabah.

6. Dengan pendekatan strategik oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui ECoS dan SESB bagi meningkatkan kapasiti penjanaan dan mengurangkan permintaan tenaga semasa waktu puncak, Kerajaan Persekutuan percaya bahawa masalah penjanaan bekalan elektrik di Sabah dapat dikurangkan dan sehingga mencapai tahap minima menjelang akhir tahun 2024.

7. Kerajaan Persekutuan komited dan menyokong agenda pembangunan penjanaan elektrik di negeri Sabah agar rakyat dapat manfaatnya serta sistem pembekalan elektrik menjadi lebih stabil dan terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN  
ABDUL KHALID [ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [ KUALA KANGSAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian mengenai statistik hampir 75 peratus pelajar hanya lulus minimum dan ke bawah dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 dan apakah strategi Kementerian bagi membendung isu ini dari berlarutan pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa pelaporan analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023 adalah berdasarkan semua calon baharu yang pertama kali menduduki peperiksaan SPM dengan mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran.

Bagi peperiksaan SPM Tahun 2023, seramai 373,525 orang calon baharu telah menduduki peperiksaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60.6 peratus calon lulus semua mata pelajaran yang diduduki berbanding 57.1 peratus pada tahun 2022.

Peratus calon yang layak memperoleh sijil SPM Tahun 2023 turut menunjukkan peningkatan iaitu 93.5 peratus berbanding 91.6 peratus pada tahun 2022. Peningkatan ini adalah sebanyak 1.9 peratus dan merupakan pencapaian terbaik sejak tahun 2013 berdasarkan syarat pensijilan SPM yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan beberapa program dan inisiatif dengan mengambil kira pencapaian murid pada pelbagai aras, kaedah dan teknik penyampaian guru dalam bilik darjah bagi memastikan peningkatan bilangan murid yang lulus dalam peperiksaan SPM. Antara program dan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan adalah:

- i. Penyemakan semula kurikulum kebangsaan dengan memberi fokus kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara mendalam agar pengetahuan, kefahaman dan penguasaan murid dapat dipertingkatkan;
- ii. Penerapan dan penekanan berterusan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam PdP dengan mengguna pakai pelbagai

## SOALAN NO : 79

kaedah yang mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran murid berbanding pendekatan teknik hafalan;

- iii. Penambahbaikan reka bentuk pentaksiran kebangsaan dan pentaksiran dalam bilik darjah termasuk melatih guru dalam teknik pembinaan item ujian KBAT melalui Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) dalam pentaksiran;
- iv. Bekerjasama dengan Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) untuk mengadakan program mengatasi masalah keciciran.
- v. Pembangunan profesionalisme guru secara berstruktur dan berterusan untuk meningkatkan kecekapan guru dalam penguasaan kandungan dan penguasaan kemahiran dengan merujuk kepada kompetensi guru;
- vi. Pengukuhan pendidikan dalam mata pelajaran yang dipelajari bagi memantapkan penguasaan murid; dan
- vii. Pembangunan bahan sumber PdP yang menggunakan pelbagai pendekatan pembelajaran.

KPM yakin dengan komitmen dan usaha berterusan semua pihak akan membantu memperkasa kualiti pendidikan dan seterusnya meningkatkan pencapaian calon dalam peperiksaan SPM akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FATHUL HUZIR AYOB [ GERIK ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [ GERIK ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana pihak Kementerian hendak menyelesaikan isu kerakyatan negeri Perak bagi penduduk di sekitar Pengkalan Hulu kerana majoriti penduduk di sini terpaksa pergi ke Hospital Baling Kedah untuk melahirkan zuriat dan didaftarkan sebagai rakyat negeri Kedah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab mendaftar setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia. Pendaftaran kelahiran boleh dibuat di mana-mana pejabat JPN yang berhampiran di seluruh Malaysia. Bagi kes persempadanan negeri yang berhampiran, ia adalah di luar bidang kuasa JPN sekiranya seseorang individu memilih hospital yang berdekatan dengan kediaman walaupun premis itu terletak di negeri yang berlainan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [**  
**BATANG LUPAR ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [ BATANG LUPAR ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini semua projek-projek tebatan banjir dan kawalan hakisan pantai yang sedang dan akan dilaksanakan Parlimen Batang Lupar serta rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini demi keselamatan penduduk setempat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan beberapa projek tebatan banjir dan kawalan hakisan pantai di Parlimen Batang Lupar.
2. Sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, JPS telah siap melaksanakan dua (2) projek melibatkan kerja-kerja kecil pada tahun 2022 dengan peruntukan berjumlah RM 97 ribu di Parlimen Batang Lupar. Projek ini merangkumi kerja-kerja pengaluran sungai serta menaiktaraf saluran dan struktur berkaitan bagi meningkatkan kualiti air sungai.
3. Kementerian juga sedang menyediakan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Batang Lupar. Kajian ini akan mengenalpasti punca-punca kejadian banjir dan merangka cadangan mitigasi terbaik untuk menyelesaikan masalah banjir secara menyeluruh dan telah dimulakan pada 29 Februari 2024 serta dijangka siap pada Disember 2025.
4. Untuk projek kawalan hakisan pantai, sebanyak RM6.5 juta telah diluluskan di bawah RMKe-12 bagi melaksanakan projek pengawalan hakisan pantai di Kampung Semarang Pusa, Betong, Sarawak. Projek ini melibatkan skop utama pembinaan lapis lindung batu dan ban tanah sepanjang 300 meter di Kampung Semarang. Kerja fizikal telah mula dilaksanakan pada Mac 2023. Kemajuan terkini di tapak adalah 54.8% dan dijangka siap pada Disember 2024.
5. Pelaksanaan projek mengatasi banjir pantai di Batang Lupar melibatkan perlindungan banjir di Kampung Semarang, Kampung Beting Maro dan Pantai Maludam serta Bahagian Samarahan di Kampung Seberang Sebuyau, Daerah Sebuyau. Projek ini sedang dalam proses perolehan dan tempoh pembinaan dijangka akan mengambil masa selama lima (5) tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [ TANAH MERAH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah prosedur yang dijalankan bagi memastikan warga asing yang masuk ke negara ini sama ada untuk bekerja atau melancong tidak mempunyai rekod jenayah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Mana-mana pelawat asing warganegara asing yang ingin masuk dan berada di Malaysia bagi tujuan melancong, mereka perlu memenuhi syarat dan mematuhi perkara-perkara berikut:

- (i) Bagi pelawat asing dari negara yang memerlukan visa, mereka perlu memohon visa terlebih dahulu untuk masuk dan berada di Malaysia;
- (ii) pelawat asing perlu mengisi Malaysia Digital Arrival Card (MDAC) seawal 3 hari sebelum ketibaan di Malaysia. MDAC boleh diakses melalui capaian sesawang Malaysia Digital Arrival Card - MDAC ([imi.gov.my](http://imi.gov.my));
- (iii) pelawat asing perlu membuat semakan dan memastikan bahawa bebas dari sekatan dan Senarai Syak Jabatan sebelum kemasukan ke Malaysia; dan
- (iv) sekiranya pelawat asing tiba dan didapati telah dikenakan sekatan atau tidak mematuhi dan memenuhi syarat semasa kemasukan, subjek akan ditolak kemasukan dan Notis Penolakan Masuk / *Not-To-Land* (NTL) akan dikeluarkan selaras dengan Akta Imigresen 1959/63 dan peraturan semasa.

Bagi individu yang memiliki Pas Jangka Panjang dan telah berada di Malaysia, sekiranya mereka berada di dalam Senarai Syak, pembaharuan pas akan ditahan dan disekat serta individu tersebut dirujuk ke bahagian atau agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [ PULAI ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan IWK tidak menyelenggara dalam kawasan strata perumahan pangsa menyebabkan beban berlebihan ditanggung oleh MC terutamanya rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah. Apakah Kementerian bersedia menyemak semula perjanjian dengan IWK untuk membantu MC menyelenggara salur najis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) komited untuk memastikan air kumbahan dirawat dengan baik. Perkhidmatan pembedungan yang bersambung disediakan secara berterusan iaitu air kumbahan daripada premis perumahan, komersil dan industri disalurkan ke loji rawatan kumbahan (LRK) awam melalui paip pembedungan di bawah tanah untuk dirawat. Air kumbahan yang dirawat di LRK awam yang dioperasi dan diselenggara oleh IWK dipastikan mematuhi tahap piawaian Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kumbahan) sebelum dilepaskan di sungai.
2. Selaras dengan Seksyen 57 dan 58 Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655), bagi premis yang tidak disambung ke sistem pembedungan awam yang terletak di dalam lingkungan 30 meter daripada sempadan

### **SOALAN NO : 83**

premis tersebut dan sesuatu pembangunan baharu, pemilik atau perbadanan pengurusan atau pemaju hendaklah memastikan premis atau pembangunan tersebut disambungkan ke mana-mana pembedung awam atau sistem pembedungan awam melalui pemasangan atau pembinaan suatu paip atau saluran sambungan. Saluran sambungan pembedungan yang berada dalam kawasan premis sehingga ke lurang awam adalah merupakan saluran persendirian dan di bawah tanggungjawab pemilik atau perbadanan pengurusan atau pemaju.

3. Di samping itu, berdasarkan Akta Hakmilik Strata (AHS) 1985, strata adalah hak milik berasingan bagi setiap unit atau petak dalam bangunan dua tingkat atau lebih yang dibina atas sebidang tanah yang sama dan berkongsi akses kemudahan bersama. Akta ini menjelaskan kuasa dan tanggungjawab pemaju serta *Joint Management Body* (JMB) untuk menyelenggara dan mengurus bangunan atau harta yang akan dipecah bahagi kepada petak dan harta bersama dalam tempoh permulaan dan tempoh interim. Mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), skop pemaju dan JMB adalah termasuk membaiki atau mengganti paip sanitari.

4. Oleh itu, penyelenggaraan sebarang sistem pembedungan persendirian di dalam kawasan strata perumahan pangsa termasuklah membaiki pulih apa-apa kerosakan kepada saluran pembedungan persendirian atau masalah teknikal dalaman bangunan berkaitan air kumbahan adalah tanggungjawab pemaju dan JMB sebagaimana dinyatakan dalam AHS 1985.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN  
ABAS [ MERSING ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejauh manakah kajian telah dijalankan dalam mengenal pasti kawasan tadahan air sebagai langkah menjana tenaga solar tanpa menjejaskan alam sekitar dan kualiti air.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian untuk mengenal pasti kawasan tadahan air yang bersesuaian bagi tujuan pembangunan loji jana kuasa tenaga boleh baharu (TBB) termasuk solar akan dilakukan oleh pemaju solar yang ingin melaksanakan pembangunan loji jana kuasa tersebut.
2. Bagi menyokong usaha pemaju solar untuk pembangunan loji jana kuasa di badan air (*water bodies*) termasuk di kawasan tadahan air, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah memperkenalkan kategori baharu iaitu pembangunan solar terapung di kawasan badan air seperti tasik, kawasan bekas lombong dan empangan, di dalam bidaan Program Solar Berskala Besar (LSS) Pusingan Kelima yang telah dibuka baru-baru ini.
3. Pemaju solar yang ingin melakukan pembangunan loji jana kuasa solar perlu memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga, selain mematuhi peraturan dan syarat perancangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa merancang dan agensi kawal selia lain bagi memastikan tapak/lokasi projek yang dicadangkan tersebut memenuhi kriteria perancangan dan mendapat kelulusan yang berkaitan khususnya dari aspek impak terhadap alam sekitar dan kualiti air.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)

**SOALAN**

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan daerah Klang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan baru diangkat ke status Bandar Raya. Maka adakah rancangan untuk membina institusi pendidikan tinggi atau Institut Latihan TVET yang baharu di Klang pada masa depan?

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini **negeri Selangor mempunyai sebanyak 11 UA induk dan kampus cawangan** yang membolehkan keperluan pendidikan tinggi di Lembah Kelang ditampung secara keseluruhan.
3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2004 juga telah bersetuju dengan pandangan bahawa keutamaan penubuhan kolej komuniti diberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang tiada institusi latihan seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan bukan di setiap parlimen.

4. Punca kuasa penubuhan Politeknik dan Kolej Komuniti pula adalah tertakluk di bawah perenggan 34 (1)(d) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Selain itu, pertimbangan penubuhan juga mengambil kira beberapa faktor lain seperti keperluan pasaran semasa, kepadatan penduduk, peruntukan kewangan, perjawatan kejut serta keperluan industri setempat.
5. Sehingga Disember 2023, terdapat **tiga (3) buah politeknik dan sebelas (11) buah kolej komuniti** telah ditubuhkan dan sedang beroperasi di Selangor dengan keseluruhan enrolmen pelajar seramai 9,761 orang. Kementerian berpandangan kewujudan politeknik dan kolej komuniti di sekitar Selangor ini masih mampu menampung permintaan bakal pelajar di dalam bidang TVET bagi kawasan Klang.
6. Selain itu, sehingga 31 Januari 2024, terdapat 388 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) berdaftar yang meliputi 62 buah universiti, 10 kampus cawangan luar negeri, 32 kolej universiti dan 284 kolej. Daripada jumlah tersebut, 109 buah IPTS berdaftar adalah berada di negeri Selangor dengan tiga (3) buah IPTS berdaftar bertaraf kolej di Klang, Selangor.
7. Maka, seperti yang telah dinyatakan, ketersediaan infrastruktur sedia ada ini adalah memadai dalam menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah dalam pelbagai bidang termasuk TVET bagi semua peringkat lapisan masyarakat di negeri Selangor secara amnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE  
BIN HAJI APDAL [ SEMPORNA ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL  
[ SEMPORNA ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) langkah-langkah yang diambil berkenaan trend penurunan pelajar mengambil pelajaran Matematik tambahan dan tiga subjek Sains Tulen iaitu Fizik, Kimia serta Biologi; dan
- (b) kerjasama yang dibuat bukan sahaja di antara Kementerian Kementerian lain, malah kerjasama melibatkan pihak industri dan negara luar bagi mengatasi isu ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menyertai aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Kurikulum semasa dan kurikulum baharu yang sedang dirangka berfokus kepada kandungan dan pedagogi yang berpusatkan murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Fizik, Kimia dan Biologi yang menarik, bermakna dan menyeronokkan. Pendekatan PdP yang menarik seperti pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran berasaskan inkuiri dalam konteks dunia sebenar dapat meningkatkan minat dan kecenderungan murid dalam mata pelajaran Sains Tulen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023 bagi kesemua empat (4) mata pelajaran Elektif STEM (Sains Tulen dan Matematik Tambahan) telah menunjukkan peningkatan. Mata pelajaran Fizik mencatatkan peningkatan prestasi tertinggi, iaitu sebanyak 0.22 mata dan merupakan mata pelajaran dengan prestasi terbaik dalam kumpulan ini dengan GPMP 4.15 mata.

KPM telah mewujudkan Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Langkah yang telah diambil dalam Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM termasuklah:

- i. meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, projek, penyelesaian masalah dan antara disiplin yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT);
- ii. meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru bidang STEM;

- iii. meningkatkan kesedaran terhadap STEM dalam kalangan murid, ibu bapa dan orang awam;
- iv. menambah baik serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk proses PdP STEM;
- v. menyediakan bahan sokongan yang pelbagai dan boleh diakses oleh semua murid, guru dan ibu bapa melalui platform DELIMa.

Antara program dan kempen yang telah diadakan secara berterusan adalah:

- i. Kempen STEM for All (STEM4ALL);
- ii. Program STEM *Hackathon*;
- iii. Kolokium Pendidikan STEM;
- iv. Sambutan Hari Sains Sedunia untuk Keamanan dan Pembangunan (*World Science Day for Peace and Development*); dan
- v. Sambutan Hari Matematik Sedunia.

KPM turut menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan lain, seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan sektor swasta bagi melaksanakan kempen kesedaran melalui penganjuran Minggu Sains Negara dan Malaysia Techlympics.

Selain itu, KPM terus mempertingkatkan kompetensi guru bidang STEM dengan memperkenalkan Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) dan Pembelajaran Matematik Secara Inkuiri (IBME) seperti yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Kaedah pembelajaran secara inkuiri menjadikan murid lebih seronok untuk belajar dan dapat mengaplikasi ilmu yang dipelajari dalam kehidupan sebenar lantas menjadikan pendidikan lebih bermakna untuk mereka. Guru yang terlibat

## SOALAN NO : 86

dalam program ini terdiri daripada guru sekolah rendah dan menengah dari semua daerah di seluruh negara.

KPM juga sedang bekerjasama dengan Yayasan Petronas (YP) untuk melaksanakan Program Duta Guru YP-KPM. Menjelang 2030, Program Duta Guru akan memperkasakan 4,500 orang guru STEM yang berkemampuan tinggi untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid.

KPM komited untuk meningkatkan minat murid dalam STEM bagi menyediakan bakat STEM yang mencukupi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI  
[ SRI AMAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [ SRI AMAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini mengenai penyalahgunaan dadah di kalangan belia di Malaysia, termasuk perincian tentang jenis dadah yang paling banyak disalahgunakan dan kawasan yang paling terjejas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dan sentiasa komited untuk membendung masalah dadah dalam negara. Golongan belia yang berumur antara 19 hingga 39 tahun adalah kumpulan umur yang paling ramai terlibat dalam penyalahgunaan dan penagihan dadah serta bahan di Malaysia. Statistik menunjukkan seramai 90,520 orang penyalah guna dan penagih dadah serta bahan yang terdiri daripada golongan belia direkodkan pada tahun 2023, seramai 86,567 orang pada tahun 2022 dan seramai 81,112 orang pada tahun 2021.

AADK telah mengenal pasti sebanyak 155 Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) penyalahgunaan dadah serta bahan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, pada tahun 2023, daerah Johor Bahru merekodkan jumlah penyalah guna dan penagih dadah serta bahan golongan belia tertinggi iaitu seramai 1,808 orang, diikuti oleh kawasan pentadbiran Kuching seramai 1,071 orang dan daerah Kuantan seramai 969 orang. Pelbagai usaha sedang dilaksanakan oleh AADK bersama agensi penguatkuasaan yang lain bagi memastikan kawasan yang dikategorikan sebagai Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) ini bertukar kepada Kawasan Berisiko Rendah (KBR) menjelang tahun 2025.

Pada tahun 2023, kategori dadah yang paling banyak disalahguna oleh penyalah guna dan penagih dadah serta bahan adalah Stimulan jenis Amfetamin (ATS) iaitu 104,122 Orang (71.5 %) diikuti dadah jenis Opiat seramai 33,779 orang (23.3%) dan Ganja sebanyak 4,358 orang (3.0%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan blok bangunan kelas baharu di Sekolah Kebangsaan Penibong di Pulau Bruit, Daerah Daro. Kerja-kerja tapak sudah terbengkalai selama lebih tiga tahun dan tiada usaha untuk meneruskan pembinaan blok sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam *Rolling Plan 4* (RP4) tahun 2019, Rancangan Malaysia Kesebelas RMKe-11, KPM telah diluluskan projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah SK Penibong dengan kos sebanyak RM7 juta. Skop yang diluluskan adalah 6 bilik darjah, 2 unit rumah guru dan lain-lain kemudahan mengikut kemudahan serta perolehan perabot dan peralatan mengikut piawai. Kerja pembinaan projek telah bermula pada 16 Ogos 2019 dan tarikh siap asal projek adalah pada 31 Oktober 2022.

Kelewatan penyiapan projek adalah disebabkan isu kewangan daripada pihak kontraktor dan kekurangan pekerja di tapak. Pihak kontraktor juga telah diluluskan *Extension of Time* (EOT) selama 350 hari. Pihak JKR Sarawak juga telah mengeluarkan Notis Amaran sebanyak 5 kali memandangkan pihak kontraktor gagal dan tidak mampu lagi menyiapkan projek pada tarikh yang telah ditetapkan.

Susulan itu, projek ini telah dikeluarkan Notis Penamatan Kerja Kontraktor pada 8 September 2023 dengan kemajuan fizikal sebanyak 83.33 peratus. Pihak JKR Sarawak telah melaksanakan semakan baki kerja di tapak bagi menyediakan kos anggaran projek terbaharu dan didapati terdapat kenaikan kos. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mengemukakan permohonan Notis Perubahan (NOC) Kenaikan Kos kepada Kementerian Ekonomi (KE) setelah mendapat kos muktamad daripada pihak JKR Sarawak sebelum proses tender semula yang dijangka pada bulan September 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHOW YU HUI [ RAUB ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW YU HUI [ RAUB ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan kes serangan terhadap pemandu e-hailing OKU Ong Ing Keong :

- (a) sama ada si pelaku telah disiasat dan dituduh di mahkamah; dan
- (b) sama ada pegawai-pegawai polis yang menyuruh Ong menandatangani tiga laporan polis yang direka telah diambil tindakan dan disiasat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

- a) Bagi kes siasatan serangan terhadap pemandu e-hailing Orang Kelainan Upaya (OKU) Ong Ing Keong Polis, Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan kecederaan. Kejadian berlaku melibatkan pengadu merupakan seorang OKU yang juga mangsa, mendakwa telah dikasari oleh pengawal pengiring orang kenamaan. PDRM telah merujuk Kertas Siasatan ke Pejabat Peguam Negara.
  
- b) Sebagaimana dakwaan bahawa ada pegawai-pegawai polis yang menyuruh pengadu/ mangsa menandatangani tiga (3) laporan polis yang dikatakan direka, PDRM telah mengesahkan bahawa hanya dua (2) laporan polis yang dibuat oleh pengadu/mangsa sendiri sebagaimana prosedur yang telah ditetapkan. Laporan pertama berkaitan dengan kes pengadu/mangsa telah dipukul manakala laporan polis yang kedua merupakan laporan polis berhubung penarikan balik laporan polis yang pertama. Tiada laporan polis ketiga direkodkan.

Selain itu, pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM juga telah membuka kertas siasatan tatatertib (KST) ke atas orang yang disyaki (OYDS) dan Kertas Enkuiri Tatatertib (KET) juga dibuka ke atas Pegawai Penyiasat Kanan dan Pegawai Penyiasat kes tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI  
[ BATANG LUPAR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah terdapat rancangan untuk menaik taraf balai dan kuarters usang serta aset-aset Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sekitar Parlimen Batang Lupar bagi memantapkan tugas dan aktiviti kepolisan di kawasan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku Kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam dalam negara memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampuan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai. Ini termasuk menyediakan kemudahan yang selesa kepada warga KDN meliputi pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sama ada di tempat kerja mahupun kuarters kediaman. KDN dan PDRM turut menyediakan perancangan jangka pendek dan panjang *Rolling Plan* Rancangan Malaysia dalam melengkapkan pasukan keselamatan dan penguatkuasaan dengan aset-aset strategik yang terkini.

**Baik Pulih dan Naik Taraf Fasiliti PDRM**

KDN dan PDRM telah menyenaraikan cadangan projek pembangunan baharu dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) bagi menggantikan bangunan-bangunan lama yang tidak ekonomik untuk diselenggara dan dibaiki di seluruh negara. Di samping itu, KDN turut menyalurkan peruntukan di bawah Belanja Mengurus (*Operating Expenditure* – OE) dan Belanja Pembangunan (*Development Expenditure* – DE) kepada PDRM bagi pembaikan serta penyelenggaraan pejabat-pejabat dan kuarters-kuarters pasukan polis di seluruh negara termasuk Kontinjen Sarawak.

Sehingga kini sebanyak 30 premis PDRM di bawah tanggungjawab Kontinjen Sarawak telah dikenal pasti sebagai uzur seperti berikut:

- (i) Lima belas (15) buah Balai Polis, struktur binaan berasaskan kayu dan separa kayu;
- (ii) Lima (5) buah kuarters / perumahan, struktur binaan masih lagi binaan kayu dan separa kayu; dan

- (iii) Sepuluh (10) buah Balai Polis dan kuarters / perumahan memerlukan pembaikan dan pendawaian semula elektrik.

Pada tahun 2023 di bawah Belanja Pembangunan (DE), KDN dan PDRM memberi tumpuan terhadap 66 projek-projek fizikal sedia ada serta sambungan di bawah PDRM. Ini termasuk pembinaan baharu, pembaikan, penyelenggaraan dan menaik taraf kuarters, premis dan fasiliti PDRM yang telah uzur serta usang. Dalam masa yang sama, KDN dan PDRM turut menyediakan peruntukkan bagi pembaikan dan penyelenggaraan di bawah peruntukan Belanja Mengurus (OE) pada tahun 2023 dan 2024.

Dalam *Rolling Plan* Keempat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4 RMK-12) Tahun 2024, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM60.957 juta siling peruntukan untuk Pembaikan dan Ubahsuai (PDRM) meliputi kerja-kerja baik pulih, penyelenggaraan, pembaikan dan naik taraf fasiliti PDRM, kuarters, IPD, balai polis dan pondok polis. Daripada jumlah tersebut, RM1.75 juta adalah diperuntukkan untuk negeri Sarawak meliputi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan seperti pembaikan lif, cerun, pendawaian letrik dan sistem kumbahan.

### **Penyediaan Aset dan Kelengkapan PDRM**

Manakala bagi penyediaan aset dan kelengkapan PDRM pula, sejumlah RM39.78 juta diperuntukkan semasa *Rolling Plan* 3 (RP3) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) Tahun 2023 di bawah bajet Belanja Pembangunan (DE) bagi penggantian 221 buah kenderaan jenis pacuan empat roda untuk kegunaan mengangkat mayat bagi tujuan siasatan dan Unit *Light Strike Force* (LSF) di balai-balai polis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah dibekalkan ke Sarawak dan pembekalan perolehan ini dijangka selesai sepenuhnya pada tahun 2025.

Keprihatinan Kerajaan Perpaduan dalam menjamin kebajikan melalui nilai ihsan dan kesejahteraan bagi memastikan warga PDRM dan keluarga mereka dapat menikmati kehidupan yang selesa dengan

## **SOALAN NO: 90**

adanya kemudahan kuarters yang sempurna, persekitaran kediaman yang selesa dan kemudahan riadah yang mencukupi.

Begitu juga dengan melengkapkan pasukan dengan aset dan kelengkapan baharu bagi menggantikan aset dan kelengkapan yang tidak ekonomik dibaiki. Dengan memastikan perkara ini dipenuhi, warga PDRM mampu memberi tumpuan sepenuhnya dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat dan negara dalam menjaga keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN ( SELAYANG )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda atau memperkenalkan suatu perundangan khas bagi mengawal selia sektor pemberian kredit bagi bayaran ansuran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pihak Kerajaan sedang merumuskan satu undang-undang baharu yang dinamakan Rang Undang-undang Kredit Pengguna (RUUKP) dalam usaha mempertingkatkan perlindungan kepada pengguna kredit dengan mengawal selia industri kredit di Malaysia, termasuklah skim Beli Dahulu Bayar Kemudian (*Buy Now Pay Later*, BNPL) yang berasaskan pembayaran balik secara ansuran.

RUUKP ini bakal menyediakan rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh dan bersepadu ke atas industri pemberi kredit dan pemberi perkhidmatan kredit bukan bank. Di bawah Akta Kredit Pengguna (AKP) ini kelak, BNPL dan sektor pemberian kredit lain iaitu syarikat pajakan dan pemfaktoran, dikehendaki mematuhi keperluan tatalaku bagi memastikan mereka mengamalkan pemberian kredit yang bertanggungjawab serta adil bagi melindungi pengguna kredit.

Bagi menyokong pelaksanaan AKP, peraturan dan piawaian (*standard*) tatalaku ke atas pemberi kredit dan pemberi perkhidmatan kredit bukan bank ("*Conduct Handbook*") akan diterbitkan. Antara keperluan utama yang ditekankan di dalam peraturan tersebut bagi melindungi pengguna kredit adalah seperti berikut:

- a) Memastikan pemberian kredit berasaskan terma kredit yang adil;
- b) Mempraktikkan ketelusan dan penzahiran penuh mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna kredit;
- c) Pengenaan kadar keuntungan, caj dan fi yang munasabah dan tidak keterlaluan;
- d) Membuat penilaian kebolehpercayaan kredit ("*creditworthiness assessment*") dan penilaian kemampuan berhutang ("*affordability assessment*") terhadap pengguna kredit; dan
- e) Menyediakan saluran pengendalian/ prosedur aduan yang cekap dan berkesan kepada pengguna kredit.

## SOALAN NO : 91

Seperti yang sedia maklum, buat masa ini, terdapat pelbagai akta sedia ada berkaitan industri kredit yang ditadbir oleh beberapa kementerian dan agensi. Sehingga menyebabkan tahap perlindungan bagi pengguna kredit yang tidak sekata serta pengawasan dan penyeliaan yang lemah.

Justeru, pelarasan dan penambahbaikan dalam pengawalan dan penyeliaan bagi industri kredit pengguna, terutamanya dalam industri kredit bukan bank melalui AKP ini kelak adalah diperlukan bagi memastikan urusan niaga yang adil dan bertanggungjawab terhadap pengguna kewangan dengan meningkatkan tahap profesionalisme di samping memperkukuhkan pemantauan, penyeliaan serta penguatkuasaan ke atas industri tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini projek meroboh dan membina baharu SK Orang Kaya Muda Pakeri, Kampung Paloh yang mana bangunan blok kelas sudah diisytiharkan tidak selamat untuk digunakan. Bilakah kerja-kerja meroboh dan pembinaan bangunan baharu dapat dimulakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendapat kelulusan projek Daif Sarawak (2023) iaitu Pembinaan Semula Bangunan Daif di Sekolah Kebangsaan Orang Kaya Muda Pakeri di Paloh, Daro, Sarawak (YBA6104) di bawah *rolling plan* ketiga (RP3) tahun 2023, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak secara Konvensional Dalaman.

Projek ini telah dikemukakan permohonan *Notice of Change* (NOC) skop dan kos kepada Kementerian Ekonomi pada 3 April 2024 kerana terdapat skop dan kos tambahan melibatkan kerja perobohan. Dalam masa yang sama, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sedang memproses permohonan kelulusan bagi syor roboh bangunan yang telah diisytiharkan tidak selamat bersama pelbagai agensi yang terlibat. Kerja-kerja perobohan akan dimulakan sebaik sahaja memperolehi kelulusan syor roboh dari JKR Sarawak. Pada masa yang sama, kerja-kerja awalan projek akan dimulakan oleh JKR Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI (KLUANG)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI ( KLUANG )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pelaksanaan e-Invois akan ditunda bagi golongan pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan kurang daripada RM25 juta.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan e-Invois secara berfasa akan bermula pada 1 Ogos 2024 yang melibatkan syarikat besar dengan perolehan jualan tahunan melebihi 100 juta ringgit, diikuti fasa kedua melibatkan syarikat dengan perolehan tahunan sebanyak 25 juta ringgit sehingga 100 juta ringgit yang akan bermula pada 1 Januari 2025. Pelaksanaan e-Invois secara menyeluruh pula akan bermula pada 1 Julai 2025 yang melibatkan semua perniagaan termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Bagi peniaga kecil yang memperoleh jualan tahunan di bawah 150 ribu ringgit, sungguhpun tidak perlu melaksanakan e-Invois buat masa ini, Kerajaan amat menggalakkan peniaga kecil untuk turut serta dalam inisiatif e-Invois selaras dengan aspirasi negara ke atas pendigitalan perniagaan.

Pelaksanaan e-Invois merupakan suatu mekanisme pelaporan hasil jualan dan perkhidmatan kepada pentadbir cukai bagi tujuan meningkatkan tahap pematuhan dan mengukuhkan kecekapan pengurusan pentadbiran cukai dalam usaha menyokong pendigitalan pelaporan cukai dan kewangan. Pelaksanaan e-Invois juga memberi manfaat kepada peniaga dari segi meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan serta mengurangkan proses manual melalui pengemukaan dokumen transaksi dan data secara elektronik.

Mengambil kira manfaat e-Invois kepada Kerajaan dan perniagaan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi digital, Kerajaan tidak berhasrat untuk menangguhkan tarikh pelaksanaan e-Invois yang telah diumumkan bagi mana-mana fasa. Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) juga sedang melaksanakan Projek Rintis e-Invois pada masa ini bersama-sama dengan Syarikat Rintis, bagi menguji keberkesanan Sistem MyInvois dan memastikan sistem integrasi syarikat berjalan lancar apabila e-Invois mula dilaksanakan pada bulan Ogos nanti.

Namun Kerajaan mengambil perhatian akan cabaran yang dihadapi oleh peniaga khususnya PMKS dalam mengadaptasi e-Invois. Oleh itu, Kerajaan akan terus komited untuk membantu semua syarikat termasuk PMKS sepanjang tempoh peralihan dalam melaksanakan e-Invois sepenuhnya. Sesi libat urus, aktiviti pendidikan dan *hand holding program* akan terus dipergiat di seluruh negara bagi menjelaskan proses dan mekanisme pelaksanaan e-Invois, di samping memberi bimbingan berhubung penggunaan Portal MyInvois.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE  
BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL  
[SEMPORNA] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan**

- (a) status terkini pembinaan politeknik Kota Belud dan naik taraf Kolej Komuniti Semporna; dan
- (b) adakah terdapat rancangan pembinaan universiti awam baharu di Sabah bagi baki pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mendapat kelulusan peruntukan *One Line Item* oleh Kementerian Kewangan di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4, RMKe-12) Tahun 2024 melibatkan projek naik taraf dan penyelenggaraan fasiliti IPTA yang turut merangkumi Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Hospital Pengajar Universiti (HPU).
3. Daripada peruntukan tersebut, pihak KPT telah meluluskan dua (2) buah projek bagi melaksana kerja-kerja baik pulih kemudahan infrastruktur bangunan usang melibatkan **Kolej Komuniti Semporna**. Projek sedang dalam proses perolehan di peringkat agensi.
4. Bagi pembinaan **Politeknik Kota Belud**, projek sedang dalam peringkat kajian melibatkan proses perolehan tanah melalui peruntukan daripada Kementerian Ekonomi. Projek ini adalah untuk kerja-kerja awalan pembangunan meliputi kajian kesesuaian projek, kesesuaian lokasi tapak, Siasatan Tanah (SI), kerja pengukuran dan pemetaan (survey) yang melibatkan *feasibility study* projek-projek yang menjadi keutamaan Kementerian bagi tujuan permohonan melalui *Rolling Plan* (RP) / Rancangan Malaysia Ke-12 dan Ke-13.
5. Walau bagaimanapun, butiran ini merupakan satu proses kerja-kerja awalan seperti *survey*, *soil investigation*, *feasibility study* untuk projek-projek yang telah menjadi keutamaan Kementerian dan bukan butiran bagi perolehan tanah atau pembinaan sesuatu projek yang telah diluluskan dan dimuktamadkan dimana ia tertakluk kepada kelulusan Kementerian Ekonomi melalui permohonan *Rolling Plan*.

6. Projek ini bertujuan untuk menyediakan laluan pengajian peringkat tertiar kepada pelajar lepasan menengah di **Politeknik Kota Belud**, Sabah. Program yang akan ditawarkan adalah Diploma Teknologi Petroleum dan Diploma Pengurusan Resort yang akan menghasilkan pekerja dalam bidang Petroleum dan Hospitaliti yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta mengaplikasi pemikiran aras tinggi dan responsif industri. Pemilihan bidang ini adalah selaras dengan strategi Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN) dalam memperkasa perindustrian minyak dan gas serta pelancongan di negeri Sabah selaras dengan Koridor Pembangunan Sabah.
7. Bagi **Kolej Komuniti Semporna**, Kementerian telah mengangkat projek perolehan tanah bagi pembangunan kampus ini di bawah Rolling Plan Kelima, RMKe-12 yang telah dibentangkan kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan, Kementerian Ekonomi pada 17 Mei 2024 yang lalu.
8. Justifikasi kepada pembelian tanah baharu ini dipertimbangkan berdasarkan beberapa faktor seperti keselamatan, ruang, imej yang merujuk kepada Laporan Teknikal daripada Jabatan Kerja Raya Sabah.
9. Kolej Komuniti Semporna juga dirancang untuk dinaiktaraf menjadi *Sabah Institute of Tourism (SIT)* yang akan menjadi hab latihan, penyelidikan dan inovasi kepada Politeknik dan Kolej Komuniti yang menawarkan program pelancongan dan hospitaliti di negeri Sabah. Kolaborasi berimpak tinggi antara institusi dengan industri juga dapat diperkasa melalui jaringan kerjasama antara institusi, pelajar, komuniti dan industri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan insentif Kementerian bagi menggalakkan penggunaan produk cekap air.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), purata penggunaan air (per kapita) penduduk Malaysia ialah 237 Liter Per Kapita Sehari (LCD) bagi tahun 2022, iaitu antara yang tertinggi di Asia.

2. Justeru, Kementerian melalui SPAN telah merangka insentif bagi program penjimatan air seperti berikut:

- i. pemberian rebat pembelian produk cekap air melalui platform dalam talian iaitu *shopee*;
- ii. program hebahan dan promosi melalui media massa, media sosial dan elektronik;
- iii. pengecualian yuran pendaftaran Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA) kepada pembekal;
- iv. program pertukaran produk cekap air di masjid-masjid terpilih;
- v. kajian ke atas penggunaan air yang tinggi di premis-premis domestik; dan
- vi. pelaksanaan program penjimatan air oleh setiap operator air/ Pemegang Lesen Pengagihan Air.

3. Pada masa ini, terdapat lima (5) jenis produk cekap air di pasaran dan diberi pelabelan SPPCA dengan penarafan 1 hingga 3 bintang iaitu mesin basuh, pili air, tangki dwi simbah, pancuran mandi dan *urinal flush valve*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah syarikat di seluruh negara yang dilesenkan oleh Kementerian Dalam Negeri sebagai pembekal perkhidmatan sekuriti dan berapa syarikat itu adalah dimiliki orang Sarawak dan dianggap syarikat tempatan Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Sehingga 12 Jun 2024, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memberikan lesen agensi persendirian di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 kepada 1,153 lesen bagi tujuan kawalan keselamatan di seluruh Malaysia. Daripada 1,153 pemegang lesen tersebut, 1,121 adalah merupakan syarikat yang memberikan perkhidmatan kawalan keselamatan. Manakala, 32 syarikat menjalankan perkhidmatan penyiasatan persendirian.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 lesen agensi persendirian telah dikeluarkan kepada syarikat yang beribu pejabat di negeri Sarawak dan 10 syarikat daripadanya adalah milikan penuh rakyat tempatan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
[ LARUT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [ LARUT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan kes laporan Bloomberg terkait dakwaan cadangan pembukaan kasino yang dikatakan berita palsu serta memfitnah Kerajaan dan mengapa sehingga kini belum ada pendakwaan kecuali hanya pendakwaan ke atas aktivitis tertentu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis, Brickfields Repot 5459/2024 iaitu menghasut dan memfitnah kerajaan dengan mendakwa Kerajaan akan membina kasino di Bandar Iskandar Puteri. Kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 atau turut dikenali sebagai Akta 15, Seksyen 500, Kanun Keseksaan dan Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 juga dikenali dengan Akta 588.

PDRM telah merakam keterangan wartawan Bloomberg yang membuat liputan berkenaan isu tersebut. Kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara pada 17 Mei 2024.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD MARZUK BIN  
SHAARY (PENGKALAN CHEPA)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK AHMAD MARZUK BIN SHAARY ( PENGKALAN CHEPA )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkaitan penjualan besar-besaran aset Tabung Haji kepada pihak UJSB:

- a) berapa jumlah sukuk yang telah dilunaskan oleh pihak UJSB kepada Tabung Haji sehingga Mei 2024; dan
- b) apakah kedudukan prestasi semasa UJSB berkeupayaan untuk menyelesaikan hutang-hutangnya kepada Tabung Haji dan adakah adanya jaminan Kerajaan (*government guarantee*) sekiranya gagal.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri pada 7 Disember 2018 dan 5 April 2019 berhubung Pelan Penstrukturan Dan Pemulihan Lembaga Tabung Haji (LTH), Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah ditubuhkan bagi menerima aset-aset LTH yang tidak berdaya saing yang dipindahkan dengan nilai buku (*book value*).

Berkenaan prestasi semasa UJSB, secara amnya prestasi kewangan UJSB telah menunjukkan peningkatan yang amat positif. Sebagai contoh, UJSB telah merekodkan peningkatan nilai aset sebanyak 8.0% pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya berdasarkan penyata kewangan yang 2023 yang telah diaudit. Namun begitu, sejajar dengan mandat yang telah diberikan untuk mengoptimum dan memaksima pulangan, pelaksanaan strategi pelaburan yang lestari dan mampan harus terus dilaksanakan mengikut garis masa yang telah ditetapkan. Ini bagi membolehkan jurang defisit atau “shortfall” dapat dikurangkan justeru mengurangkan beban yang ditanggung oleh kerajaan

UJSB menggunakan tempoh lima (5) tahun pertama untuk penstabilan dan memaksimakan pulangan hasil dari aset-aset tidak berdaya maju yang telah melalui proses penstrukturan semula serta pemulihan. Tahun-tahun seterusnya dijangka menjadi tempoh bagi UJSB untuk merealisasikan aset-aset dan menjana pulangan bagi membantu penebusan Sukuk yang telah diterbitkan. Kesemua ini merupakan pelan strategik yang telahpun dibangunkan demi menjayakan objektif penubuhan Syarikat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN HONG PIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 10 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN TAN HONG PIN [ BAKRI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan dan jadual masa penubuhan agensi bersepadu tunggal bagi mengawal selia dan mengurus tadbir segala urusan di kedua-dua Kompleks Imigresen dan Kastam Sultan Iskandar dan Sultan Abu Bakar bagi mengatasi masalah kesesakan di Tambak Johor dan Jambatan Kedua seperti yang dilakukan di Singapura dan Kanada.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian mengenai penubuhan sebuah Agensi Tunggal untuk melaksanakan fungsi kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk serta sempadan negara telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sejak November 2018 berikutan keputusan Kerajaan pada ketika itu untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bagi Mengkaji Penubuhan Badan Tunggal Menjaga Sempadan dan Pintu Masuk Negara Termasuk Pelabuhan. Susulan daripada keputusan ini dan hasil kajian yang telah dilakukan oleh KDN, Jemaah Menteri pada 30 Julai 2021 antara lain telah bersetuju agar sebuah Agensi Tunggal Sempadan dan Pintu Masuk termasuk Pelabuhan ditubuhkan dan sebuah Pasukan Nukleus dibentuk untuk memperincikan penubuhan Agensi ini. Pasukan Nukleus ini telah mengemukakan laporan kepada Kerajaan pada Oktober 2023 yang seterusnya membawa kepada pembentukan Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA) bermula 1 Januari 2024.

Agensi ini yang kini dikenali sebagai Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia merupakan Agensi kerajaan yang bertindak sebagai agensi barisan hadapan di pintu-pintu masuk negara termasuk pelabuhan. MCBA bertanggungjawab terhadap kawalan dan pemeriksaan secara bersepadu dan komprehensif di pintu masuk darat, laut dan udara termasuk pelabuhan bagi pergerakan orang, kenderaan dan barangan termasuk haiwan serta tumbuhan. Jemaah Menteri pada 3 Januari 2024 telah bersetuju untuk MCBA melaksanakan 8 fungsi utama seperti yang berikut:

- (i) menguatkuasakan undang-undang mengawal kebolehterimaan orang di pintu masuk negara;
- (ii) menguatkuasakan undang-undang mengawal kebolehterimaan barangan, kenderaan dan kargo di pintu masuk negara;

## SOALAN NO: 99

- (iii) menguatkuasakan undang-undang berkaitan perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan ke atas haiwan dan produk pertanian di pintu masuk negara;
- (iv) menguatkuasakan undang-undang mengawal kebolehterimaan kenderaan persendirian dan kenderaan perdagangan;
- (v) menguatkuasakan undang-undang mengawal kebolehterimaan produk makanan dan produk kesihatan serta melindungi keselamatan kesihatan awam di pintu masuk negara;
- (vi) menguatkuasakan undang-undang mengawal kebolehterimaan hidupan liar dan produk berasaskan hidupan liar;
- (vii) melaksanakan penguatkuasaan, pemantauan, penahanan, risikan, siasatan, rondaan dan pendakwaan di pintu masuk negara; dan
- (viii) melaksanakan pengurusan dan pentadbiran kompleks pintu masuk.

Seterusnya, Jemaah Menteri pada 28 Jun 2024 antara lain telah bersetuju untuk Rang Undang-Undang (RUU) Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 dibentangkan di Parlimen dan bacaan kali pertama RUU ini dijadualkan pada 9 Julai 2024. RUU ini merupakan titik penting kepada MCBA kerana ia merupakan punca kuasa untuk Agensi mengambil alih dan seterusnya melaksanakan fungsi-fungsi di pintu-pintu masuk negara yang pada masa kini dilaksanakan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, MAQIS, Kementerian Kesihatan Malaysia, PERHILITAN dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Selepas RUU ini dibentang dan diluluskan oleh Parlimen serta diwartakan, Kerajaan telah bersetuju untuk Agensi ini memulakan operasi fasa awalnya di lapangan terbang dan di Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru sebelum memperluaskan operasinya di pintu-pintu masuk

yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [ TUMPAT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan belum mengumumkan status dan kesan penggunaan terkini mengenai 4 kalimah suci orang Islam iaitu lafaz Allah, solat, Kaabah dan Baitullah sedangkan kes melibatkan nama Allah kian meningkat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Selaras dengan dasar yang diputuskan Majlis Raja-Raja, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang menyediakan perundangan baharu bagi mengawal selia penerbitan-penerbitan yang mengandungi kalimah “Allah”. Berkaitan, penggubalan perundangan baharu yang berkenaan memerlukan penelitian mendalam dari pelbagai aspek-aspek sensitif yang melibatkan keselamatan negara, ketenteraman awam dan keharmonian agama di Malaysia.

Dalam hal ini, KDN perlu melalui proses-proses libat urus dan kerjasama bersama pihak-pihak yang ditetapkan termasuk pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pihak Berkuasa Negeri-negeri, Kerajaan Negeri-negeri, Jabatan Peguam Negara (AGC) dalam menyediakan perundangan baharu yang berkenaan sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) dan Majlis Raja-Raja. Tindakan dan proses ini sedang berjalan bagi mendapatkan satu keputusan yang dipersetujui.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
(PASIR GUDANG)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM ( PASIR GUDANG )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sekarang telah mengubah dasar ekonomi negara dengan membenarkan syarikat-syarikat asing memiliki saham dan ekuiti di dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan yang diswastakan seperti apa yang sedang berlaku sebanyak 30% saham syarikat Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) telah diambil alih oleh Global Infrastructure Partners (GIP).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) ini merupakan transaksi komersial yang dikemukakan oleh sebuah Konsortium yang diterajui oleh dua (2) pemegang saham sedia ada MAHB ketika ini iaitu Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Seandainya tawaran tersebut diterima dan dipersetujui oleh sekurang-kurangnya 90% para pemegang saham MAHB yang lain, pemilikan MAHB oleh Konsortium berkenaan adalah berdasarkan pecahan yang berikut :

- a) Khazanah - 40%;
- b) KWSP - 30%; dan
- c) Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Global Infrastructure Partners (GIP) – 30%

Ini bermakna Konsortium ini akan diterajui oleh para pelabur Malaysia dengan kadar pemilikan majoriti sebanyak 70%.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa MAHB ialah sebuah syarikat awam tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia. Pemegang saham mana-mana syarikat awam tersenarai berhak menerima tawaran untuk membeli sahamnya dalam syarikat tersebut jika terdapat pihak yang membuat tawaran umum untuk menswastakan syarikat tersebut. Ini adalah perkara biasa dalam mana-mana pasaran modal moden, maju, dan berasaskan peraturan, termasuk di Malaysia. Tawaran tersebut telah dijalankan dengan mematuhi peraturan dan pengawasan penuh pihak berkuasa yang berkenaan.

Pegangan saham oleh pelabur asing dalam MAHB bukanlah perkara yang baharu, di mana pada ketika ini ia berada di paras 27%. Bahkan pada satu ketika, pemilikan saham oleh pelabur asing dalam MAHB pernah meningkat kepada 45% pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penuh statistik kemalangan yang melibatkan kenderaan yang tidak mempunyai cukai jalan serta insurans yang sah bagi tahun 2019-2024. Mohon statistik berkenaan dibahagikan kepada kesalahan yang direkodkan serta kompaun yang dikenakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Penguatkuasaan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) sentiasa kekal komited melaksanakan fungsi dan peranan utama dalam menguatkuasakan undang-undang serta keselamatan jalan raya. Komitmen ini selari dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030 yang dilaksanakan oleh Kerajaan Madani demi memastikan keselamatan jalan raya akan menjadi satu budaya dan norma kehidupan rakyat di Malaysia.

Sehingga 31 Mei 2024, PDRM telah merekodkan sejumlah 46,571 kes kemalangan jalan raya melibatkan kenderaan yang tidak mempunyai cukai jalan serta insurans yang sah bagi tempoh dari Januari 2019 hingga Mei 2024.

Daripada jumlah tersebut, kes kemalangan tertinggi direkodkan melibatkan kenderaan yang tidak mempunyai cukai jalan serta insurans yang sah adalah pada tahun 2023 yang mencatatkan sejumlah 11,336 kes atau bersamaan dengan 24.34 peratus daripada keseluruhan kes kemalangan. Jumlah kes terendah direkodkan bagi tempoh 2019 hingga 2024 adalah pada tahun 2021 iaitu sebanyak 5,707 kes atau bersamaan dengan 12.25 peratus.

Kes kemalangan yang direkodkan oleh pihak PDRM melibatkan kesalahan trafik yang melanggar Seksyen 15 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 [Akta 333] bagi kesalahan lesen kenderaan motor dan Seksyen 90(1) APJ 1987 bagi kesalahan pembawa kenderaan motor hendaklah diinsuranskan terhadap risiko pihak ketiga.

Berdasarkan rekod PDRM, sebanyak 24,866 kes telah direkodkan bagi kesalahan di bawah seksyen 15(1) APJ 1987 bagi tempoh dari Januari 2019 sehingga Mei 2024. Sabit kesalahan di bawah seksyen ini boleh didenda tidak kurang daripada RM300 dan tidak lebih daripada RM5,000. Bagi kesalahan yang disabitkan di bawah seksyen ini, kes tertinggi direkodkan pada tahun 2023 iaitu sebanyak 6,204 kes

## SOALAN NO: 102

bersamaan dengan 24.95 peratus berbanding dengan keseluruhan kes bagi tempoh 2019 hingga 2024. Kes terendah direkodkan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 2,200 bersamaan dengan 0.09 peratus.

Dalam pada itu, sebanyak 21,705 kes telah direkodkan bagi kesalahan di bawah seksyen 90(1) APJ 1987 bagi Januari 2019 hingga Mei 2024. Sabit kesalahan di bawah kesalahan am dan penalti kerana membenarkan kenderaan motor digunakan tanpa insurans didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi RM4,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya. Kes tertinggi direkodkan pada tahun 2023 iaitu sebanyak 5,132 atau bersamaan 23.64 peratus berbanding keseluruhan kes yang direkodkan. Kes terendah pula adalah pada tahun 2020 iaitu sebanyak 2,782 bersamaan dengan 12.82 peratus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimana Kerajaan ingin menyelesaikan masalah perlombongan nadir bumi dengan polisi Kerajaan tidak membenarkan nadir bumi yang belum diproses dieksport ke luar negara tetapi di negara kita masih tidak ada kilang yang boleh atau diberi lesen untuk memproses nadir bumi yang diperolehi daripada negara kita.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian telah melaksanakan moratorium pengeksporan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) secara mentah mulai 1 Januari 2024 susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 27 Oktober 2023. Dasar ini dikuatkuasakan bertujuan mengelak eksploitasi dan kehilangan sumber dan seterusnya menjamin pulangan yang maksimum kepada negara.
2. Dengan mengambil kira industri NR-REE sebagai industri baharu negara, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk membangunkan dokumen Kajian Model Perniagaan (*Business Model*) Pembangunan Industri NR-REE dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM). Dokumen ini dibangunkan bertujuan menjadi asas rujukan kepada semua pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan penggiat industri.
3. Sehubungan itu, Kementerian sedang membangunkan enam (6) pilihan model perniagaan berdasarkan dapatan kajian *business model* pembangunan industri NR-REE. Seterusnya, Kementerian dijadualkan untuk membentangkan kertas dasar Hala Tuju Pembangunan Industri NR-REE dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang akan diadakan pada Ogos 2024. Melalui mesyuarat ini, Kementerian akan memperhalusi hala tuju pembangunan industri NR-REE termasuk langkah yang akan diambil untuk mengurus sumber NR-REE yang tidak dibenarkan eksport.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**

**TARIKH : 11 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah dan usaha yang diambil oleh Kementerian bagi membendung masalah pemborong-pemborong di pasar borong di Malaysia yang kebanyakan telah dimonopoli oleh warga asing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Isu terkait warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan tumpuan awam seperti di pasar-pasar awam atau gerai-gerai sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan melalui kerjasama strategik antara Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa. Selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja di bawah PBT, kelulusan sewaan tapak pasar awam dan pengeluaran lesen hanya diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja. Bagi penyewa tapak pasar yang menyewakan tapak kepada warga asing, PBT tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas dengan menarik semula sewaan tapak serta lesen perniagaan dibatalkan.

JIM secara khususnya turut melaksanakan Ops Belanja dan Ops Jaja bagi mengatasi isu permasalahan warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen atau bekerja secara tidak sah. Ops Belanja

menyasarkan premis-premis antaranya seperti pasar mini atau pasar raya, kedai runcit dan kedai perabot.

Bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 12 Jun 2024, seramai 2,098 PATI telah ditangkap atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 melalui pelaksanaan Ops Belanja. Antara kesalahan-kesalahan yang direkodkan adalah tiada dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa, salah guna pas dan melindungi PATI. Bagi tempoh yang sama, 499 orang PATI telah ditangkap semasa Ops Jaja yang menumpukan kawasan-kawasan seperti pasar malam, pasar tani, pasar borong dan gerai-gerai jalanan.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, JIM turut mengambil langkah tambahan bagi memastikan warga asing tidak menyalahgunakan pas imigresen untuk kepentingan peribadi seperti berkahwin dengan warganegara Malaysia yang dikategorikan sebagai *marriage of convenience*. Antara pendekatan yang diambil termasuklah:

- (i) melaksanakan pemantauan dan semakan melalui naziran;
- (ii) mengadakan temuduga dengan pasangan yang berkenaan; dan
- (iii) mengenakan wang cagaran kepada penaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN  
ABDUL KHALID (KUALA KANGSAR)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID ( KUALA KANGSAR )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi lebih 50,000 belia berusia 30 tahun dan ke bawah terjebak dalam masalah hutang yang mencecah jumlah RM1.9 bilion dan sejauh manakah keberkesanan peranan yang telah dimainkan Kementerian bagi membantu para belia yang terjebak dalam masalah hutang ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan sentiasa komited untuk memperkasakan literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia, terutamanya golongan belia, memandangkan ianya merupakan kemahiran hidup yang penting bagi membina ketahanan kewangan untuk menjamin kesejahteraan kewangan pada masa hadapan. Usaha ini diterajui Jaringan Pendidikan Kewangan atau lebih dikenali sebagai *Financial Education Network* (FEN) untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan pengurusan kewangan berhemat dan mengelakkan terjebak ke dalam perangkap hutang.

Di antara 2019 dan 2023, FEN telah melaksanakan 1,014 inisiatif pendidikan kewangan dengan interaksi melebihi 14 juta merangkumi semua peringkat umur dan tahap pendapatan. Ini termasuk program pendidikan kewangan khusus bagi golongan belia di peringkat sekolah, universiti, institusi TVET dan juga usahawan mikro.

Antara inisiatif utama termasuklah penerapan elemen pendidikan kewangan bermula 2014 sehingga lengkap pada 2022 di semua peringkat persekolahan, daripada tahap pra-sekolah sehingga ke peringkat menengah atas, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Usaha keras ini bertujuan untuk melahirkan generasi belia Malaysia yang celik kewangan. Modul pendidikan kewangan juga telah diperkenalkan sebagai subjek elektif dalam program di beberapa institusi pengajian tinggi.

Bank Negara Malaysia (BNM) melaksanakan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan Dari Segi Permintaan (*Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI Survey*) setiap tiga tahun bagi menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia dengan mengukur tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan. Kaji selidik pada tahun 2021 telah memberikan pemahaman tentang keadaan kewangan isi rumah rakyat Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keupayaan kewangan termasuk golongan belia.

Justeru itu, program pendidikan kewangan secara atas talian, FEN PROAKTIF telah dibangunkan berdasarkan “*evidence-based*”.

Hasil dapatan kajian *FCI Survey* menunjukkan bahawa rakyat Malaysia sering menghadapi cabaran kewangan jangka panjang disebabkan keputusan kewangan yang kurang baik yang diambil semasa tahun-tahun awal kehidupan berkerjaya. Program ini menyasarkan pelajar tahun akhir bertujuan untuk memberi penekanan kepada topik semasa yang relevan seperti pengurusan pinjaman termasuk “Beli Sekarang Bayar Kemudian” (*Buy Now Pay Later* atau BNPL), literasi kewangan digital termasuk jenayah penipuan kewangan, kepentingan membina simpanan dan pengurusan risiko kewangan peribadi.

Sembilan buah institusi pengajian tinggi sudah mengambil bahagian di dalam Program FEN PROAKTIF dan pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berhasrat untuk meluaskan pelaksanaan program FEN PROAKTIF dalam kalangan pelajar kemahiran (TVET) tahun akhir di bawah seliaan kementerian ini. Justeru itu, kerajaan menyeru agar pihak institusi-institusi pengajian tinggi yang lain termasuk universiti awam, swasta and institusi TVET memainkan peranan aktif dengan menggalakkan pelajar-pelajar tahun akhir yang bakal memasuki alam pekerjaan untuk mempelajari ilmu pengurusan kewangan peribadi melalui program ini.

FEN juga menganjurkan program perdana (*flagship*) Bulan Literasi Kewangan (*Financial Literacy Month*) sepanjang bulan Oktober setiap tahun sejak tahun 2020. Antaranya adalah program jerayawara bas FEN yang digunakan sebagai platform ahli-ahli FEN menyantuni pelbagai lapisan masyarakat terutama golongan belia dengan memberi penekanan terhadap mesej kepentingan pengurusan kewangan berhemat, persediaan awal persaraan, celik kewangan digital termasuk jenayah penipuan kewangan.

Pada tahun 2023, sebanyak 30 institusi pengajian tinggi dikunjungi semasa jerayawara bulan literasi kewangan. Pada tahun ini, KBS komited untuk bekerjasama dalam menjayakan jerayawara ini sebagai sebahagian program rakan muda. Selain itu, KBS turut bekerjasama

## **SOALAN NO : 105**

dengan pihak FEN dalam mengintegrasikan program literasi kewangan di bawah inisiatif Jelajah Orang Muda (JOM).

Sebagai pelengkap kepada rangkaian platform pendidikan kewangan, FEN juga terus menyediakan alat dan sumber pendidikan kewangan secara percuma melalui laman web FEN di Jaringan Pendidikan Kewangan - Financial Education Network ([fenetwork.my](http://fenetwork.my)). Laman web ini mengandungi lebih daripada 800 alat dan sumber celik kewangan oleh ahli dan rakan usaha sama FEN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [ BALING ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan tahap kemajuan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Baling serta usaha membantu masyarakat di Taman Mesra, Kupang yang terkesan akibat kejadian banjir dan tanah runtuh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan dua (2) projek rancangan tebatan banjir (RTB) di Baling iaitu RTB Baling dan RTB Baling Fasa 2.
2. Projek RTB Baling dengan anggaran kos sebanyak RM15 juta sedang dalam proses rekabentuk dan skop utama projek merangkumi pembinaan ban, pengukuhan tebing, pengorekan sungai dan pembinaan *drainage outlet*.
3. Manakala RTB Baling Fasa 2 dengan kos projek sebanyak RM156 juta termasuk kawasan Taman Mesra dan Sungai Kupang telah selesai proses perolehan secara Reka dan Bina dan projek telah bermula pada 11 Disember 2023. Tempoh pelaksanaan projek dijangka akan mengambil masa selama 60 bulan. Dengan siapnya projek ini, ianya dijangka akan dapat melindungi seramai 21,000 orang penduduk di sekitar Daerah Baling dari impak kejadian banjir.
4. Berikutan kejadian kepala air pada 4 Julai 2022, Kerajaan turut melaksanakan Projek Pembinaan Infrastruktur Sabo di Lembangan Sungai Kupang, Baling, Kedah melibatkan kos sebanyak RM 26.3 juta bertujuan mengurangkan impak kejadian kepala air kepada penduduk setempat terutamanya di kg iboi. Kerja di tapak telah bermula pada Jun 2024 dan berdasarkan jadual, projek ini dijangka siap dalam tempoh 24 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
[PORT DICKSON]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyokong industri kecil dan sederhana (IKS) dalam menghadapi situasi ekonomi semasa serta bagaimanakah Kementerian menyokong perkembangan industri tersebut dalam menyaingi cabaran kecerdasan buatan (AI) di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah membangunkan Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2030 yang bertujuan untuk mentransformasikan PMKS di Malaysia menjadi perniagaan yang mampan serta dapat beradaptasi dengan trend baharu serta cabaran luar jangka melalui peningkatan produktiviti serta daya saing. Berdasarkan pelaporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (*SME Integrated Plan of Action*, SMEIPA) oleh SME Corp Malaysia, bagi tahun 2024, terdapat 270 program pembangunan PMKS dilaksanakan dengan peruntukan kewangan berjumlah RM15.1 bilion. Jumlah ini dijangka memberi manfaat kepada seramai 479,350 PMKS melalui pelaksanaan oleh 12 Kementerian dan 58 Agensi serta 8 Kerajaan Negeri.

2. Buat masa ini, KUSKOP tiada mempunyai program yang khusus bagi membantu PMKS menangani cabaran kecerdasan buatan (AI). Walau bagaimanapun, terdapat program-program pembangunan keusahawanan yang mengandungi modul latihan berkaitan pendigitalan bagi melengkapkan PMKS dengan ekonomi digital termasuklah:

- (i) *New Gen Entrepreneur Online Bootcamp* (N-GENE) oleh KUSKOP bertujuan membantu graduan untuk menjana pendapatan serta memberi pendedahan awal sebelum memulakan perniagaan yang lebih besar;
- (ii) Program Pembudayaan Pendigitalan Penjaja dan Peniaga Kecil oleh KUSKOP merupakan program yang meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan transaksi perniagaan secara digital;
- (iii) Skim Pembiayaan Online TEKUN (SPOT) oleh TEKUN Nasional menyediakan modal pembiayaan secara mudah dan cepat untuk usahawan yang menjalankan perniagaan secara atas talian; dan

## SOALAN NO : 107

- (iv) SME Technology Transformation Fund oleh SME Bank menyediakan pembiayaan kepada PMKS mengadaptasi digital, automasi operasi perniagaan menggunakan aplikasi IR4.0 untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan proses, pengurusan kos dan penembusan pasaran.

3. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut memainkan peranan dalam menyokong PMKS untuk menerima pakai AI melalui inisiatif seperti berikut:

- (i) menyediakan dana dan geran melalui agensi-agensinya untuk menyokong inovasi dan penyelidikan dalam bidang AI;
- (ii) membangunkan Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika AI (*AI Governance and Ethics - AIGE*);
- (iii) membangunkan AI Sandbox yang merupakan platform inovasi dan inkubator teknologi untuk PMKS mengembangkan teknologi AI; dan
- (iv) menyediakan program latihan dan pembangunan kemahiran untuk meningkatkan kemahiran teknikal pekerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI (DUNGUN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI ( DUNGUN )** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- a. jumlah pengendali platform pendanaan awam ekuiti (ECF) dan pendanaan rakan setara (P2P) yang diiktiraf Kementerian dalam inisiatif untuk meningkatkan akses PMKS terhadap kaedah pembiayaan alternatif; dan
- b. status kepatuhan syariah platform-platform tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Setakat 9 Julai 2024, jumlah pengendali platform Pendanaan Awam Ekuiti (ECF) dan Pendanaan Rakan Setara (P2P) yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) adalah seperti berikut:

- a. ECF – **12** (termasuk **2** pengendali platform yang **masih belum memulakan operasi**); dan
- b. P2P – **13** (termasuk **1** pengendali platform yang **masih belum memulakan operasi**).
- c. Status kepatuhan syariah platform-platform tersebut:
- d. ECF – **4 daripada 12** platform ECF layak menawarkan produk-produk patuh syariah; dan
- e. P2P – **7 daripada 13** platform P2P layak menawarkan produk-produk patuh syariah.

Kesemua platform pembiayaan alternatif ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan untuk memacu pertumbuhan dan meningkatkan daya saing perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan konsisten.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA  
(SUNGAI BESAR)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA ( SUNGAI BESAR )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- a) apakah perincian pelan dan rasional Kerajaan memperkenalkan polisi subsidi bersasar minyak diesel dan RON95 yang memberikan impak besar terhadap rakyat; dan
- b) apakah usaha dan inisiatif yang dilakukan untuk membantu rakyat yang terkesan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, Kerajaan telah membelanjakan lebih RM80 bilion bagi membiayai keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan sosial. Daripada jumlah ini, perbelanjaan subsidi kepenggunaan adalah yang terbesar iaitu sebanyak RM50 bilion yang merangkumi subsidi petrol, diesel dan gas memasak, subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik serta subsidi harga ayam dan telur ayam.

Perbelanjaan subsidi, insentif dan bantuan sosial yang semakin meningkat ini telah mencetus risiko negatif kepada kemampuan fiskal jangka panjang negara dan boleh menyebabkan peruntukan untuk sektor yang lebih penting seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan keselamatan terpaksa dikurangkan.

Seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2024, mulai tahun ini, Kerajaan akan melaksanakan penyiasaran semula subsidi secara berfasa. Setelah penyiasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan bil elektrik, Kerajaan telah melaksanakan penyiasaran subsidi diesel yang mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) dengan menggunakan *fleet card*. Melalui kaedah ini, syarikat pengangkutan yang diluluskan layak untuk membeli diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter.

Selain itu, kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti, ambulans dan bomba sukarela kekal menikmati harga *super subsidy* iaitu RM1.88 seliter. Sektor nelayan pula masih boleh mendapatkan bekalan diesel pada harga RM1.65 seliter.

Serentak dengan pelaksanaan langkah tersebut, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk

## SOALAN NO : 109

petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar.

Di samping itu, operasi penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus diperkasa dengan pelaksanaan OPS KESAN, OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS , OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR. Semua operasi ini adalah bertujuan membendung sebarang usaha negatif untuk menjejaskan kestabilan bekalan barangan dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR  
[ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [ BATU PAHAT ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah segera dan jangka panjang menangani sekolah kurang murid serta impak kewangan yang boleh merugikan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan (KPM) mendefinisikan Sekolah Kurang Murid (SKM) sebagai sekolah yang berenrolmen 150 orang murid dan ke bawah. Data seperti pada 31 Mei 2024 menunjukkan terdapat sebanyak 3,062 buah sekolah rendah yang mempunyai enrolmen 150 orang murid dan ke bawah yang menepati definisi SKM. Bilangan sekolah rendah ini tidak mengambil kira SK Pendidikan Khas, SK (Asli), Sekolah Model Khas, Sekolah Model Khas K9, dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan Serai, daripada jumlah keseluruhan 3,062 SKM di seluruh negara, sebanyak 626 terdiri daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan sebanyak 383 buah adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil manakala selebihnya iaitu sebanyak 2,053 buah adalah Sekolah Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah merangka beberapa strategi bagi menangani isu SKM di bawah inisiatif Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM.

Pelaksanaan kelas bercantum dilaksanakan di sekolah berenrolmen 30 orang murid ke bawah dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dilaksanakan dengan melibatkan percantuman kelas Tahun 2 dengan Tahun 3 dan Tahun 4 dengan Tahun 5.

Strategi penggabungan sekolah pula melibatkan penggabungan dua atau lebih sekolah yang sama jenis dalam lingkungan 5 kilometer. Walau bagaimanapun, penggabungan SKM dalam kawasan penempatan yang sama ini tertakluk kepada persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga secara majoriti. Bagi SKM yang tidak boleh digabungkan atau dipindahkan seperti SKM di kawasan pedalaman dan pulau, sekolah berkenaan akan dikekalkan demi memastikan kelangsungan pendidikan kepada murid yang tinggal di lokasi berkenaan.

## SOALAN NO : 110

Strategi pemindahan atau penempatan semula SKM ke lokasi baharu di kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi dilaksanakan bagi membantu untuk meningkatkan enrolmen SKM. Strategi ini dilaksanakan sekiranya SKM memenuhi kriteria seperti tapak baharu telah dikenal pasti dan persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga murid secara majoriti diperoleh.

KPM berkeyakinan bahawa menerusi strategi yang telah digariskan dan dilaksanakan di bawah Pelan Hala Tuju SKM tersebut, isu SKM akan dapat ditangani dan sumber pendidikan yang dibekalkan oleh KPM dapat dioptimumkan serta dapat dimanfaatkan oleh murid. KPM akan terus meneliti pendekatan terbaik bagi memastikan aspirasi sistem pendidikan berkaitan akses, ekuiti dan kualiti yang dilaksanakan di semua institusi pendidikan termasuklah di SKM dapat direalisasikan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI  
(PEKAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI ( PEKAN )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan rasionalisasi dan penyelarasan subsidi bersasar mampu mencapai sasaran yang ditetapkan. Apakah mekanisme yang dirancang dalam melestarikan kewangan negara dan pengurusan subsidi serta keupayaan kerajaan dalam memastikan ketirisan dapat dikawal.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2024, mulai tahun ini, Kerajaan akan melaksanakan penyasaran semula subsidi secara berfasa bagi membendung ketirisan yang kian berleluasa dan menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada negara. Setelah penyasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan bil elektrik, Kerajaan telah melaksanakan penyasaran subsidi diesel yang mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah *fleet card*. Melalui kaedah ini, syarikat pengangkutan barangan darat yang diluluskan layak untuk mendapat bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter.

Selain itu, kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti serta ambulan dan bomba sukarela masih menikmati harga *super subsidy* iaitu RM1.88 seliter. Sektor nelayan pula masih boleh membeli diesel pada harga RM1.65 seliter.

Serentak dengan pelaksanaan langkah tersebut, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar.

Di samping itu, operasi penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga terus diperkasa dengan pelaksanaan OPS KESAN, OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR. Semua operasi ini adalah bertujuan membendung sebarang usaha negatif untuk menjejaskan kestabilan bekalan barangan dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran.

Melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel ini, Kerajaan menganggarkan penjimatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM4 bilion setahun. Dengan mengambil kira kadar kenaikan harga runcit diesel yang telah ditetapkan dan pelaksanaan langkah mitigasi impak kenaikan harga melalui penyasaran subsidi dan pemberian bantuan tunai, kesan ke atas inflasi dan pertumbuhan ekonomi dijangka tidak ketara. Sehubungan itu, unjuran rasmi inflasi dan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2024 kekal masing-masing pada 2.0% - 3.5% dan 4.0% - 5.0%.

Sekian, terima kasih.